



Laporan Tahunan 2018



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA





MASYARAKAT TERHUBUNG, BERINFORMASI, KREATIF DAN BERBUDAYA DIGITAL



Kandungan

Laporan Tahunan 2018

Perutusan Menteri 002

Perutusan Ketua Setiausaha 004



Maklumat Korporat

Visi, Misi dan Objektif KKMM 008

Carta Organisasi 010

Senarai Akta dan Peraturan di Bawah Seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia 012

Piagam Pelanggan 013

Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2018 014



Pencapaian Tahun 2018

TERAS STRATEGIK 1 020

Memantapkan Infrastruktur Telekomunikasi yang Terpercaya, Berpatutan, Berkualiti & Kebolehcapaian

TERAS STRATEGIK 2 026

Memacu Ekonomi Digital & ICT ke Arah Negara Maju

TERAS STRATEGIK 3 040

Memperkukuh Kawal Selia Ekosistem Komunikasi Dan Multimedia yang Terpercaya dan Stabil

TERAS STRATEGIK 4 060

Memperluas Penyebaran Maklumat Kenegaraan untuk Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Patriotik Rakyat

TERAS STRATEGIK 5 068

Memperkasa Perkhidmatan Penyiaran yang Berkualiti dan Terkini

TERAS STRATEGIK 6 072

Memangkin Industri Kandungan Kreatif yang Berdaya Saing dan Bertaraf Global

PEMBOLEH DAYA 088

Pengurusan Tadbir Urus dan Pemantapan Kapasiti Organisasi



Perutusan Menteri

YB Tuan Gobind Singh Deo
Menteri Komunikasi Dan Multimedia Malaysia

Salam Sejahtera dan Salam Harapan

Tahniah dan syabas kepada semua yang telah menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2018.

Pencapaian dan kejayaan kementerian bagi tahun 2018 adalah sangat baik.

Terima kasih kepada YBhg. Dato' Ketua Setiausaha kerana bersama-sama membantu warga kementerian dalam pelaksanaan program bagi tahun 2018 seperti yang dirancang dan dilaksanakan dengan cemerlang. Ini juga adalah hasil komitmen warga kementerian yang berdedikasi dalam memberikan yang terbaik buat kementerian.

Diharapkan pada tahun akan datang, semua warga kementerian dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan konsisten dalam memastikan kecemerlangan kementerian dapat dikekalkan malahan lebih baik.

Perutusan Ketua Setiausaha

YBhg. Dato' Mohd Ali Mohamad Nor
Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga kementerian atas kerjasama yang baik diberikan bagi penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2018 ini.

Alhamdulillah, secara keseluruhannya kementerian ini telah mencapai banyak kejayaan dan diharap akan lebih menyerlah pada tahun hadapan.

Teras Strategik KKMM yang diperkenalkan ini adalah panduan asas kepada seluruh warga kementerian bagi menjamin visi dan misi kementerian dicapai.

Sesungguhnya, saya bersama-sama Pihak Pengurusan Tertinggi dan juga seluruh warga kementerian akan sentiasa terus memberikan kerjasama kepada YB Menteri dan YB Timbalan Menteri dalam memastikan kementerian mencapai kejayaan yang disasarkan.







Maklumat Korporat

| | |
|--|-----|
| Visi, Misi dan Objektif KKMM | 008 |
| Carta Organisasi | 010 |
| Senarai Akta dan Peraturan Di Bawah Seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia | 012 |
| Piagam Pelanggan | 013 |
| Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2018 | 014 |

Visi

MASYARAKAT TERHUBUNG,
BERINFORMASI, KREATIF
DAN BERBUDAYA DIGITAL



Misi



Memperkasa jaringan dan infrastruktur telekomunikasi digital dan komunikasi sosial serta memacu pertumbuhan ekonomi digital



Mengukuhkan masyarakat bermaklumat, terhubung dan berdaya maju menerusi penerangan, penyiaran dan informasi yang berkualiti, berkesan dan berintegriti serta mengembangkan industri kreatif negara.



Objektif

Menyediakan infrastruktur komunikasi secara menyeluruh dan inklusif; membangun ekonomi digital; memperkasa teknologi maklumat dan komunikasi negara; memperluas dan memperdalam penyampaian serta penyebaran maklumat secara strategik.



**TERAS 1**

Memantapkan Infrastruktur Telekomunikasi Yang Terpercaya, Berpatutan, Berkualiti & Kebolehpapaian

TERAS 6

Memangkin Industri Kandungan Kreatif yang Berdaya Saing dan Bertaraf Global

**TERAS 2**

Memacu Ekonomi Digital & ICT ke Arah Negara Maju

**TERAS 5**

Memperkasa Perkhidmatan Penyiaran yang Berkualiti dan Terkini

**TERAS 1**

Memperkukuh Kawal Selia Ekosistem Komunikasi dan Multimedia yang Terpercaya dan Stabil

TERAS 4

Memperluas Penyebaran Maklumat Kenegaraan Untuk Meningkatkan Jati Dirid dan Semangat Patriotik Rakyat



Nilai Teras



> Kerjasama Berpasukan



> Kreatif dan Inovatif



> Iltizam



> Berinisiatif



> Jalinan Kerjasama



> Profesionalisme



> Keterbukaan



> Berfikiran Positif




> Integriti



Pemboleh Daya

Pengurusan Tadbir Urus dan Pemantapan Kapasiti Organisasi

Carta Organisasi



YB MENTERI

YB TUAN GOBIND SINGH DEO

YB TIMBALAN MENTERI

YB. TUAN EDDIN SYAZLEE SHITH

**KETUA SETIAUSAHA
PTD TURUS III**

YBHG. DATO' DR. MOHD ALI BIN MOHAMAD NOR

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN
(PENGURUSAN)
PTD UTAMA B**

DATO' SAMSUNI BIN MOHD NOR

**BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
PTD UTAMA C**

ABD SHUKOR BIN MAHMOOD

**BAHAGIAN KEWANGAN
PTD UTAMA C**

KUDRATULLAH FATIMY BIN AFANDI

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PTD M52 (KUP)**

KAMARUDIN ABDUL RANI

**BAHAGIAN AKAUN
AKAUNTAN W54**

NORHAYA BINTI HASSAN

**BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN
PTD M54**

MOHAMAD HAIDHIR BIN OTHMAN

**BAHAGIAN PENGURUSAN
MAKLUMAT
PTM F52**

MUSTAPHA BIN HJ. MAT

**JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
PEGAWAI PENERANGAN TURUS III (KUP)**

DATO' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN

**JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
TERBUKA UTAMA A**

-

**INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN
TUN ABDUL RAZAK
PENERBIT RANCANGAN UTAMA C**

SALMAH BINTI IBRAHIM MELINA

**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
TERBUKA UTAMA C**

-

AGENSI :**BERNAMA****FINAS****SKMM****MDeC****MYNIC****TELEKOM****POS MALAYSIA****CYBERSECURITY MALAYSIA****MYCREATIVE VENTURES****MUTIARA SMART**

- DATO' FAUZI BIN AYOB

AL- ISHSAL ISHAK

DATUK YASMIN BT MAHMOOD

DATUK HASNUL FADHLY BIN HASSAN

DATUK BAZLAN BIN OSMAN

SYED MD NAJIB BIN SYED MD NOOR

DATO' TS. DR. HAJI AMIRUDIN BIN

ABDUL WAHAB

RIZA SAIAN

JAMALIL JAAFAR

Senarai Akta Utama dan Perundangan Subsidiari di Bawah Seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia

1. AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 1981 [AKTA 244]

- Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Skim Wajib Tayang) 2005 [P.U. (A) 232/2005]
- Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983 [P.U. (A) 546/1983]
- Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Bayaran Filem) 1988 [P.U. (A) 209/1988]
- Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Mengkompaun Kesalahan) 1985 [P.U. (A) 264/1985]
- Pengecualian di bawah Seksyen 34A [P.U. (B) 304/1985]

2. AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 [AKTA 588]

- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 [P.U. (A) 124/2000]
- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000 [P.U. (A) 128/2000]
- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 [P.U. (A) 129/2000]
- Perintah Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pengecualian) 2000 [P.U. (A) 125/2000]
- Perintah Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) (Pengecualian) 2000 [P.U. (A) 126/2000]
- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pengkompaunan Kesalahan) 2001 [P.U. (A) 346/2001]
- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 [P.U. (A) 419/2002]
- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Tribunal Rayuan) (Tatacara Rayuan) 2009 [P.U. (A) 117/2009]

- Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Penomboran) 2016 [P.U. (A) 236/2016]
- Peraturan-Peraturan Komunikasi radio (Pengiklanan) 1985 [P.U. (A) 12/1985]

3. AKTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 1998 [AKTA 589]

- Peraturan-Peraturan Tatatertib Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2007 [P.U. (A) 218/2007]
- Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Jawatankuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib) 2007 [P.U. (A) 219/2007]

4. AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997 [AKTA 562]

- Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 [P.U. (A) 359/1998]
- Perintah Tandatangan Digital (Pemerakuan oleh Notari Awam) (Pengecualian) 1998 [P.U. (A) 352/1998]
- Perintah Tandatangan Digital (Pengecualian) 1999 [P.U. (A) 300/1999]
- Perintah Tandatangan Digital (Pengecualian) 2013 [P.U. (A) 145/2013]

5. AKTA PERKHIDMATAN POS 2012 [AKTA 741]

- Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Perkhidmatan Sejagat) 2015 [P.U. (A) 77/2015]
- Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015 [P.U. (A) 78/2015]
- Kaedah-Kaedah Perkhidmatan Pos (Kadar Bayaran Pos) 2005 [P.U. (A) 80/2005]
- Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1994 [P.U. (A) 330/1994]
- Post Office Rules 1947 [M.U.G.N. 8436 of 1947]

6. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]

- Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 [P.U. (A) 335/2013]
- Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U. (A) 336/2013]
- Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U. (A) 337/2013]
- Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi) 2013 [P.U. (A) 338/2013]
- Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompaunan Kesalahan) 2016 [P.U. (A) 60/2016]

7. AKTA BERNAMA 1967 [AKTA 780]

8. PERINTAH FI (KEMUDAHAN, PERALATAN DAN KURSUS) (INSTITUT PENYIARAN TUN ABDUL RAZAK) 1999 [P.U. (A) 312/1999]

9. PERINTAH FI (KEMUDAHAN DAN PERALATAN KEJURUTERAAN RADIO DAN TELEVISYEN) (JABATAN PENYIARAN) 2000 [P.U. (A) 98/2000]

10. PERINTAH FI (FUTEJ) 1999 [P.U. (A) 215/1999]

Piagam Pelanggan

1. Menyampaikan maklumat terkini dan dasar kerajaan kepada masyarakat dengan sah, tepat, cepat, jelas dan berkesan menerusi media elektronik, cetak dan komunikasi bersemuka;
2. Menyediakan prasarana dan perkhidmatan komunikasi jalur lebar, internet dan selular yang bermutu bagi memenuhi kehendak pelanggan;
3. Memproses permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap;
4. Memberi respons kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa berikut:
 - Aduan penerimaan dalam tempoh 1 hari bekerja;
 - Maklum balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja; dan
 - Laporan status bulanan aduan awam kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) pada minggu pertama setiap bulan;
5. Memastikan bil dan invoice dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.




Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2018

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2018 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menerima peruntukan asal belanja mengurus (B47) berjumlah RM 1,293,333,200.00 dengan perincian seperti berikut:

| Peruntukan Asal (RM) | Waran Sekat/Viremen (RM) | Peruntukan Kemas kini (RM) | Perbelanjaan (RM) | % | Baki (RM) |
|----------------------|--------------------------|----------------------------|-------------------|-------|---------------|
| 1,293,333,200.00 | (2,329,708.00) | 1,291,003,492.00 | 1,240,590,396.33 | 96.10 | 50,413,095.67 |

PERBELANJAAN SEBENAR PERUNTUKAN MENGURUS BAGI TAHUN 2013-2018



PERINCIAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2018

| Program | Peruntukan Kemas kini (RM) | Perbelanjaan (RM) | % | Baki (RM) |
|-----------------------|----------------------------|-------------------------|--------------|----------------------|
| DASAR SEDIA ADA (DSA) | 1,031,378,955.00 | 983,307,017.27 | 95.34 | 48,071,937.73 |
| PROGRAM KHUSUS | 241,284,817.00 | 239,789,015.95 | 98.38 | 1,495,801.05 |
| ONE OFF (00) | 18,339,720.00 | 17,494,363.11 | 95.39 | 845,356.89 |
| KESELURUHAN | 1,291,003,492.00 | 1,240,590,396.33 | 96.10 | 50,413,095.67 |

Pengurusan Perolehan

Bagi Pengurusan Perolehan, Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Selain itu, peranan Bahagian Kewangan melalui Cawangan Pengurusan Perolehan merupakan medium perantara bagi segala urusan perolehan seperti memberikan khidmat nasihat,

bantuan dan sokongan dalam memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cemerlang. Secara keseluruhan, KKMM telah melaksanakan perolehan sebanyak **13,589** yang melibatkan jumlah besar perbelanjaan adalah **RM1,007,151,004.58**. Perincian lanjut mengenai kaedah perolehan adalah seperti berikut:

| Kaedah Perolehan | Bil Perolehan | Nilai Perolehan (RM) |
|---|---------------|-------------------------|
| <i>e-Bidding</i> | - | - |
| <i>Government to Government</i> | - | - |
| Kontrak Kementerian | 2,588 | 306,810,659.10 |
| Kontrak Pusat/Sistem Panel (Kementerian Kewangan) | 20 | 395,536.64 |
| Pembelian Terus / <i>Requisition</i> / Lantikan Terus | 10,771 | 40,087,969.35 |
| Rundingan Terus (Kuasa Pegawai Pengawal) | 36 | 585,903,756.39 |
| Sebutharga | 166 | 25,374,657.80 |
| Tender Terbuka | 8 | 48,578,425.30 |
| JUMLAH (RM) | 13,589 | 1,007,151,004.58 |

Pengurusan Kewangan (Pembayaran)

Selain itu, Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bayaran bil kementerian bagi tahun 2018. Jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah sebanyak **6,133** dengan nilai keseluruhan **RM 872,361,368.87**. Ringkasan laporan bil adalah seperti berikut:

| Bulan | Bil | Nilai Bil (RM) |
|---------------|--------------|-----------------------|
| Januari | - | - |
| Februari | 490 | 50,070,950.72 |
| Mac | 566 | 119,808,837.18 |
| April | 543 | 132,601,738.23 |
| Mei | 570 | 35,310,745.30 |
| Jun | 345 | 304,048.15 |
| Julai | 376 | 251,919.10 |
| Ogos | 424 | 24,156,296.10 |
| September | 626 | 238,196,426.59 |
| Oktober | 638 | 31,877,828.84 |
| November | 796 | 38,476,111.00 |
| Disember | 759 | 201,306,467.66 |
| JUMLAH | 6,133 | 872,361,368.87 |

Pengurusan Hasil Iklan

Cawangan Perdagangan merupakan Cawangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hasil masa siaran iklan RTM. Secara keseluruhan, pencapaian hasil jualan masa siaran iklan televisyen dan radio RTM dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 berjumlah sebanyak **RM74.8 juta**. Penjualan masa siaran iklan RTM bagi saluran TV2, TVi dan 33 saluran radio telah diuruskan sepenuhnya oleh syarikat Zenith Consulting Services Sdn. Bhd. (2017 – 2018) dengan bayaran Hasil Jaminan Minimum kepada

kerajaan sebanyak **RM33 juta**. Kontrak telah ditamatkan pada Disember 2018 dan kini ianya diuruskan oleh Bahagian Pemasaran, RTM. Hasil jualan masa siaran iklan yang dilaksanakan oleh RTM pula adalah sebanyak **RM42.5 juta** bagi televisyen manakala bagi radio pula sebanyak **RM1.4 juta**. Pencapaian keseluruhan hasil masa siaran iklan televisyen dan radio RTM bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

HASIL JUALAN MASA SIARAN IKLAN RTM BAGI TAHUN 2018 (MENGIKUT SUKU TAHUN)

| Tempoh | RTM | | RTM | |
|---------------------------|------------------|-----------------|------------|-------------------|
| | TV (RM) | Radio (RM) | TV (RM) | Radio (RM) |
| Suku Tahun Pertama | 2.1 juta | 0.2 juta | 3 juta | 3 juta |
| Suku Tahun Kedua | 34.6 juta | 0.5 juta | 4.5 juta | 4.5 juta |
| Suku Tahun Ketiga | 2.9 juta | 0.3 juta | 4.5 juta | 4.5 juta |
| Suku Tahun Keempat | 2.9 juta | 0.4 juta | 3.45 juta | 3.45 juta |
| Jumlah | 42.5 juta | 1.4 juta | 15.45 juta | 15.45 juta |
| JUMLAH KESELURUHAN | 74.8 juta | | | |





Pencapaian Tahun 2018

| | |
|--|------------|
| TERAS STRATEGIK 1 | 020 |
| Memantapkan Infrastruktur Telekomunikasi yang Terpercaya, Berpatutan, Berkualiti & Kebolehcapaian | |
| TERAS STRATEGIK 2 | 026 |
| Memacu Ekonomi Digital & ICT Ke Arah Negara Maju | |
| TERAS STRATEGIK 3 | 040 |
| Memperkukuh Kawal Selia Ekosistem Komunikasi dan Multimedia yang Terpercaya dan Stabil | |
| TERAS STRATEGIK 4 | 060 |
| Memperluas Penyebaran Maklumat Kenegaraan untuk Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Patriotik Rakyat | |
| TERAS STRATEGIK 5 | 068 |
| Memperkasa Perkhidmatan Penyiaran yang Berkualiti dan Terkini | |
| TERAS STRATEGIK 6 | 072 |
| Memangkin Industri Kandungan Kreatif yang Berdaya Saing dan Bertaraf Global | |
| PEMBOLEH DAYA | 088 |
| Pengurusan Tadbir Urus dan Pemantapan Kapasiti Organisasi | |



MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI YANG TERPERCAYA, BERPATUTAN, BERKUALITI DAN KEBOLEHCAPAIAN

Penyediaan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi yang baik adalah seiring dengan matlamat untuk menjadikan masyarakat di dalam negara terhubung antara satu sama lain dan juga dengan dunia luar. Bagi memastikan masyarakat terus terhubung, ia adalah bergantung kepada penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang cekap dan menyeluruh. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) memberi fokus kepada Teras 1 iaitu Memantapkan Infrastruktur Telekomunikasi. Penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang dipercayai, berpatutan, berkualiti dan kebolehppercayaan merupakan pengukur kemajuan serta kepesatan pembangunan sesebuah negara. Ia juga mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara daripada segi guna tenaga, nilai tambah, produktiviti, pendapatan, serta mengukuhkan integrasi politik dan sosial antara kawasan.

TERAS STRATEGIK 1

Antara program utama berimpak tinggi di bawah Teras 1 ini adalah jalur lebar berkelajuan tinggi (*High Speed Broadband - HSBB*), jalur lebar untuk orang awam (*Broadband for General Population - BBGP*) dan Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub-urban Broadband - SUBB*).

JALUR LEBAR BERKELAJUAN TINGGI FASA 2 (HIGH SPEED BROADBAND – HSBB 2)

Projek HSBB 2 adalah kesinambungan dari Projek HSBB sebelum ini yang menasaskan peluasan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi ke semua ibu negeri dan bandar-bandar utama yang terpilih di seluruh Malaysia dengan capaian kelajuan sehingga 100Mbps.

Pihak kementerian telah melaksanakan projek HSBB 2 bagi menambah baik kelajuan dan kualiti internet selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara pintar menjelang tahun 2020. Projek ini mampu menawarkan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100Mbps di bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara.

Bagi memastikan kemudahan langganan dan capaian internet lebih tinggi dan laju di kawasan bandar-bandar utama, kementerian dengan kerjasama pihak Telekom Malaysia (TM) telah mula melaksanakan projek HSBB Fasa 2 dengan pemasangan port di bandar-bandar utama bermula tahun 2015 sehingga tahun 2017. Pencapaian keseluruhan pemasangan port jalur lebar berkelajuan tinggi pada tahun 2018 adalah sebanyak 565,914 sambungan ports (145%) di seluruh Malaysia berbanding keseluruhan sasaran 390,000 sambungan ports.



➤ Projek HSBB 2

JALUR LEBAR UNTUK ORANG AWAM (BROADBAND FOR GENERAL POPULATION – BBGP)

BBGP adalah projek pembinaan *backhaul* gentian optik untuk membolehkan penawaran perkhidmatan jalur lebar berkualiti tinggi dipanjangkan ke kawasan pinggir dan luar bandar yang terpilih. Kontrak projek BBGP ini melibatkan pembinaan infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan jalur lebar menerusi 3 fasa dan dalam setiap fasa tersebut meliputi 2 peringkat kerja seperti jadual di bawah:

HASIL JUALAN MASA SIARAN IKLAN RTM BAGI TAHUN 2018 (MENGIKUT SUKU TAHUN)

| BiL. | Fasa Projek BBGP | Peringkat 1 (Pembinaan infra <i>greenfield</i> dan menaiktaraf infra <i>brownfield</i>) (Tempoh – 1 tahun) | Peringkat 1 (Pelaksanaan Operasi Penyediaan Perkhidmatan Jalur Lebar) (Tempoh – 10 tahun) |
|------|-------------------------|---|---|
| 1. | BBGP Sabah & Sarawak | 2012/2013 | 2013 – 2022 |
| 2. | BBGP Semenanjung Fasa 1 | 2015 | 2016 – 2025 |
| 3. | BBGP Semenanjung Fasa 2 | 2017/2018 | 2018 - 2027 |


- a) Pembinaan infra *greenfield* merupakan kerja-kerja pembinaan jajaran rangkaian *backhaul* gentian optik baru bagi kawasan baru (*greenfield*) dengan kapasiti minimum 1Gbps; dan
- b) Menaik taraf infra *brownfield* pula adalah merupakan kerja-kerja menaik taraf kapasiti jajaran rangkaian *backhaul* gentian optik sedia ada di kawasan sedia ada (*brownfield*) ke kapasiti 10 Gbps keseluruhannya. *Backhaul fiber brownfield* yang menaikkan taraf ini adalah perlu untuk menghubungkan *greenfield* ke laluan antarabangsa.
- c) Pelaksanaan operasi bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar dengan *Service Level Agreement (SLA)* tertentu secara *open acces* kepada semua penggiat industri dan pelanggan (*last mile*).

Tahun 2018 masih termasuk dalam tempoh pelaksanaan operasi bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar bagi ketiga-tiga fasa projek BBGP. Aktiviti-aktiviti di bawah ini adalah aktiviti utama yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 bagi memastikan semua kontraktor BBGP kekal beroperasi menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan SLA minima 95% setahun. Sehubungan dengan itu, pemantauan berterusan dilaksanakan ke atas kontraktor terlibat menerusi:

- i) Laporan pemantauan bulanan daripada setiap kontraktor;
- ii) Mesyuarat pemantauan berkala 4 kali setahun dan mesyuarat khas apabila perlu; dan
- iii) Naziran ketersediaan aset *backhaul* BBGP di lokasi terpilih.

JALUR LEBAR PINGGIR BANDAR (SUB URBAN BROADBAND - SUBB)

Inisiatif Projek SUBB pula memberi fokus dalam peningkatan kapasiti dan perkhidmatan jalur lebar di pinggir bandar. Bagi kemudahan langganan dan capaian internet di pinggir-pinggir bandar pula, pelaksanaan projek SUBB di Semenanjung dan Sabah / Sarawak diteruskan pada tahun semasa iaitu sehingga 31 Disember 2018 sebanyak 91,104 sambungan ports disediakan menjadikan keseluruhan sambungan ports tersedia adalah sebanyak 457,398 ports. Projek ini berupaya menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 20Mbps dan dijangka siap sepenuhnya di seluruh negara menjelang tahun 2020.



➤ Kabinet DVSL

Selain itu, kementerian turut melaksanakan projek-projek lain yang turut memberikan impak positif dan menghubungkan masyarakat antara satu sama lain dengan teknologi dan kemudahan yang disediakan. Antaranya adalah seperti berikut:

(i) Pusat Internet Desa (PID)

Pusat Internet Desa (PID) adalah satu inisiatif penubuhan *telecenter* di bawah kementerian dengan pengoperasian sebanyak 36 buah PID di seluruh negara. Kementerian dengan ini terus menyokong usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan memberi pengetahuan mengenai kemudahan internet dan teknologi khususnya kepada masyarakat luar bandar, serta memperkenalkan faedah jalur lebar kepada kemudahan komuniti.

PID telah dibangunkan dengan kerjasama POS Malaysia Berhad dan ditempatkan di sebelah pejabat POS sebagai tumpuan ramai. Penubuhan PID bertujuan untuk memperkasa komuniti dan merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dan bandar melalui kemudahan-kemudahan oleh kementerian. PID menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti internet, latihan asas ICT, pembangunan web dan blog. Peranan PID ditambah dengan pelbagai aktiviti untuk komuniti setempat seperti bengkel, seminar dan juga karnival-karnival pembangunan komuniti dan juga usahawan.

Pada tahun 2018, seramai 8,610 orang telah mengikuti kelas asas ICT, 7,022 orang berjaya mengikuti ke tahap kelas lanjutan ICT dan sejumlah 854 orang usahawan mikro telah berjaya dilatih di bawah aktiviti yang dilaksanakan oleh Pusat Internet Desa (PID). Selain itu, sebanyak 831 bengkel e-Kerajaan telah berjaya dilaksanakan untuk peningkatan pengetahuan orang awam mengenai sistem-sistem yang telah dibangunkan oleh kerajaan untuk kemudahan mereka.

Antara program lain yang dianjurkan oleh PID ialah Bengkel eRezeki & e-Usahawan. Bengkel yang diadakan ini untuk membuka saluran alternatif kepada rakyat dan mengubah corak kerja masyarakat kita ke arah digital dalam mengendalikan program eRezeki. Peserta diajar oleh tenaga pengajar secara percuma tanpa caj tambahan untuk ilmu yang diberikan sekaligus dapat mempelajari cara untuk menambah pendapatan secara digital. Program yang mendapat sambutan daripada komuniti setempat ini sedikit sebanyak dapat membuka minat peserta dengan mengendalikan salah satu rakan

platform eRezeki iaitu 8share dapat menjana pendapatan peserta secara digital dengan hanya membuat iklan di media sosial. Program ini juga secara tidak langsung memberi sedikit info berkenaan program e-Usahawan dalam membantu peserta yang mempunyai perniagaan sendiri mengikuti program inisiatif kerajaan dalam mengendalikan perniagaan dalam talian dengan lebih baik.

Antara PID yang aktif menganjurkan program kolaborasi adalah PID Tanjung Kling. PID Tanjung Kling terlibat dalam mengadakan pameran dan taklimat peluang kerjaya sempena Program Gerbang Kerjaya Institusi Latihan Kemahiran Belia Dan Sukan (ILKBS) Zon Selatan yang melibatkan empat buah ILKBS. Pelajar yang terlibat adalah pelajar yang akan menamatkan pengajian daripada bidang Hospitaliti dan Elektrik, Mekanikal dan bidang kursus Automotif dan Awam. Program yang dirasmikan oleh Timbalan SUK Negeri Melaka Datuk Maslina Binti Baki diiringi Dr Hajah Wasitah binti Haji Mohd Yusof, Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia ILKBS. Dengan kerjasama daripada pihak Flow Studios pelajar yang terlibat dengan program eRezeki ini membuat pendaftaran secara *online* menggunakan telefon pintar masing-masing untuk membolehkan pelajar menguasai lebih dekat lagi mengenai pekerjaan-pekerjaan yang ditawarkan dalam platform eRezeki tersebut. Program ini membuka peluang pelajar untuk bekerja secara dalam talian bagi mendapat pendapatan sampingan yang dapat mengurangkan masalah pengangguran selepas tamat pengajian.







➤ Gambar-gambar sekitar program yang dianjurkan oleh PID.



MEMACU EKONOMI DIGITAL & ICT KE ARAH NEGARA MAJU

Perkembangan pesat ekonomi digital dan ICT telah menawarkan pelbagai peluang dan potensi untuk merangsang daya saing dan meningkatkan produktiviti bagi aktiviti perniagaan dan keusahawanan supaya kekal mapan dalam era Revolusi Perindustrian Keempat. Penggunaan teknologi digital baharu dapat menyediakan platform untuk meluaskan pasaran produk, perkhidmatan dan perniagaan tempatan merentasi sempadan ke serata dunia. Sehubungan dengan itu, ekonomi digital telah diiktiraf sebagai salah satu bidang utama bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan.

TERAS STRATEGIK 2

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama agensi dan industri seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), MyNIC dan Telekom Malaysia Berhad antara lainnya untuk menggalakkan transformasi digital dalam merencanakan pembangunan ekonomi digital negara. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah program utama berimpak tinggi untuk memangkin transformasi ekonomi dan gaya hidup digital, dan membangunkan modal insan digital.

Peranan ekonomi digital sebagai pemacu pembangunan negara menjadi semakin ketara dengan peningkatan kadar transformasi digital global seiring dengan kemajuan teknologi baharu. Sebagai sebuah agensi di bawah KKMM, MDEC telah diberi mandat untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi digital negara.

Di sebalik persekitaran global yang lebih mencabar dan tidak menentu, ekonomi Malaysia terus berada di landasan pertumbuhan yang stabil disokong oleh pelbagai usaha untuk merencanakan ekonomi digital dan ICT sejak penubuhan MSC Malaysia. Industri ekonomi digital telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2017 dengan sumbangan 18.3% berjumlah RM247.2 bilion (2016: 18.2%; RM224 bilion) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).



PEMBANGUNAN INDUSTRI E-DAGANG MALAYSIA

Industri e-Dagang Malaysia berkembang pesat pada kadar 14.3% dan hampir mencapai sasaran kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 20% menjelang 2020. e-Dagang juga merupakan sektor bukan ICT yang menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara dengan catatan perolehan sebanyak RM85.8 bilion pada tahun 2017 (2016: RM74.6 bilion).

Dalam usaha merencanakan aktiviti e-Dagang negara, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif sepanjang 2018 dengan kerjasama MDEC, SKMM, MYNIC dan pihak swasta seperti berikut:

(i) Zon Perdagangan Bebas Digital

Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) telah dilancarkan pada 23 November 2017 sebagai inisiatif strategik untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara dan menjadikan Malaysia sebagai hab *fulfillment* e-Dagang serantau. Sehingga Disember 2018, sebanyak 6,108 PKS tempatan telah menyertai inisiatif DFTZ.

Berikut adalah beberapa contoh PKS tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran eksport menerusi DFTZ pada 2018:

- a. **Koperasi Usahawan Groom Big (KUGPIS)** dari Perlis telah mengeksport produk tempatan seperti kopi dan kuih tradisional ke Ghana, Benin, Pakistan, Hong Kong, Mesir, Filipina dan Afrika Selatan dengan nilai eksport lebih RM500 ribu;
- b. **Yan Ming Resources Sdn. Bhd.** dari Selangor telah mengeksport sarang burung walit ke China, Bangladesh dan Qatar dengan nilai eksport berjumlah RM20 juta; dan
- c. **Megix Industries Sdn. Bhd.** merupakan pengeluar kertas dan penyedia khidmat percetakan dari Kuala Lumpur telah berjaya memasarkan produk mereka ke negara seperti UAE, Arab Saudi, Qatar dan Nigeria dengan nilai eksport lebih RM7 juta.

Kempen Minggu Malaysia pula telah dilancarkan dari 6 hingga 12 Julai 2018 di China dan di platform maya Alibaba sebagai program di bawah DFTZ. Kempen dengan kerjasama Alibaba ini bertujuan untuk meningkatkan peluang perdagangan tanpa sempadan

bagi PKS tempatan untuk memasarkan produk berkualiti tinggi tempatan di peringkat antarabangsa, terutamanya China.

(ii) #MYCYBERSALE

#MYCYBERSALE merupakan anjuran bersama MDEC dan Persatuan ICT Kebangsaan Malaysia (PIKOM) sebagai acara jualan dalam talian tahunan yang menawarkan pelbagai diskaun menarik dan perkhidmatan tambah nilai. Diperkenalkan sejak 2014 bagi menggalakkan *eTailers* (penjual dalam talian) dan PKS menggunakan platform e-Dagang untuk meluaskan pasaran, #MYCYBERSALE telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 1,200 *eTailers* dengan merekodkan RM390 juta nilai barangan kasar (*Gross Merchandise Value*).

(iii) eUsahawan

eUsahawan merupakan inisiatif untuk menerapkan ilmu keusahawanan digital kepada pelatih Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan usahawan mikro sedia ada, terutama usahawan muda. Program ini dilaksanakan melalui pembelajaran dan latihan kurikulum keusahawanan digital yang diterapkan di institusi TVET. Skop kurikulum merangkumi *trend* teknologi digital terkini termasuk pemasaran media sosial, *mobile commerce* dan analisis data untuk memperbaiki keberkesanan pemasaran secara digital, pembayaran dalam talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber. Sehingga Disember 2018, seramai 270,168 usahawan telah dilatih dan seramai 92,069 telah berjaya melaporkan jualan tambahan sebanyak RM421 juta.

(iv) e-Rezeki

e-Rezeki menawarkan peluang kepada golongan berpendapatan rendah (B40) untuk memanfaatkan teknologi digital bagi menjana pendapatan tambahan melalui penawaran kerja

sambilan bersesuaian di pelbagai platform dalam talian. Berdasarkan konsep *crowdsourcing*, tugas digital ini adalah disalurkan melalui sumber pasaran tempatan dan antarabangsa. Teras utama program eRezeki adalah untuk melatih dan membangunkan keupayaan golongan B40 supaya menjadi pekerja sambilan digital yang berkualiti dan berdaya saing dalam industri *crowdsourcing*, di dalam mahupun di luar negara. Sehingga Disember 2018, seramai 220,832 peserta telah dilatih dan 123,536 pekerja digital daripada golongan B40 telah berjaya meraih pendapatan tambahan sebanyak RM233 juta.

(v) KREATIFMARKET (MYSTORE)

MYSTORE adalah projek MYNIC di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang bertujuan untuk menghasilkan ekosistem lengkap yang boleh memantaskan urusan perniagaan dalam talian pada kos yang rendah. Platform yang dikenali sebagai KREATIFMARKET ini bertujuan untuk menggalakkan *crowdsourcing* dalam talian dalam kalangan masyarakat, terutamanya pereka kandungan digital seperti templat atau foto. KREATIFMARKET (MYSTORE) juga membantu membina keupayaan kumpulan sasaran untuk membangunkan platform e-Dagang sendiri supaya dapat meningkatkan pendapatan dan daya saing dalam pasaran tempatan dan global.

Projek bernilai RM4.2 juta yang dilaksanakan sepanjang 2016 hingga 2018 telah berjaya melatih hampir 3,200 peserta pada 2018 melalui 27 program latihan dan kesedaran tentang perniagaan dalam talian. Inisiatif ini juga telah menghasilkan 500 kandungan digital yang dimuat naik ke KREATIFMARKET yang siap dilengkapi dengan modul pembelian kandungan digital berserta kemudahan bayaran dalam talian.



➤ Antara peserta yang menyertai *training* KREATIFMARKET (MYSTORE) di KTPM Kota Bharu, Kelantan, 10 Mac 2018




▶ Antara peserta yang menyertai training KREATIFMARKET (MYSTORE) di UMT, Kuala Terengganu, 10 April 2018.



➤ Antara peserta yang menyertai *training* KREATIFMARKET (MYSTORE), Outdoor Photoshoot di Cyberjaya, 28 Oktober 2018.



➤ Antara peserta yang menyertai *training* KREATIFMARKET (MYSTORE), Studio Photoshoot di Puchong, 4 November 2018.



➤ Shot layar laman web KREATIFMARKET.MY

PERKHIDMATAN POS DAN KURIER TERUS MENYOKONG PERTUMBUHAN E-DAGANG

E-dagang adalah pencetus perubahan yang memperkasakan perusahaan mikro, kecil dan besar untuk mengembangkan perniagaan mereka di luar sempadan menerusi rantai bekalan global. Dengan lebih banyak produk terdapat di pasaran dan mudah diakses oleh warga global, E-dagang akan memacu industri pos dan kurier ke tahap perkhidmatan baharu dan seterusnya pencapaian yang tinggi untuk industri.

Kerajaan amat menekankan kepentingan untuk membina sistem yang lancar untuk mencapai tahap kecekapan E-dagang sambil menambah tahap kesalinghubungan yang berbeza jika Malaysia ingin berjaya dalam era ekonomi digital.

Selari dengan perkembangan pesat E-dagang di Malaysia, SKMM sedia menyediakan kemudahan ejen pos dan kurier di PIM seluruh negara secara berperingkat. Sebagai pengendali rangkaian *last mile* dan penggerak utama dalam menjayakan ekonomi digital dalam industri E-dagang dalam industri dan kurier menyumbang sebanyak 6.3% kepada KDNK negara pada 2017 (2015: 5.9%). Selain itu, kapasiti kendalian perkhidmatan kurier negara perlu dipertingkat dari 200 juta paket setahun kepada 1,000 paket setahun menjelang 2025.

Jumlah per kapita Bungkusan Ekspres Kurier (CEP) kini hanya lima pakej dan Malaysia dapat mencapai potensi per kapita CEP antara 20 dan 30 pakej atau pasaran sekitar satu bilion pakej setiap tahun menjelang 2025. Negara China telah melepasi 23 per kapita CEP dan jumlah yang lebih tinggi telah dicatatkan di negara maju seperti United Kingdom (33) dan Jerman (34) manakala di Thailand, syarikat kurier terbesar kini mengendalikan kira-kira satu juta pakej sehari. Di Malaysia, kurier terbesar pada masa ini mengendalikan kira-kira 600,000 pakej sehari pada waktu puncak seperti musim Hari Raya.

Trend ini menuntut KKMM mewujudkan visi yang berani dan pelan strategik bagi industri perkhidmatan pos dan kurier berpandukan objektif dasar pada peringkat tinggi. Ini termasuk memodenkan dasar, pengawalan dan penyediaan perkhidmatan pos sejagat dengan mengambil kira keperluan masyarakat Malaysia serta mempromosikan persaingan yang adil, pertumbuhan dan inovasi dengan meningkatkan penanda melalui instrumen pelesenan.

Ini dapat memupuk keyakinan pengguna yang tinggi melalui penguatkuasaan piawaian perkhidmatan minimum dan menetapkan langkah-langkah keselamatan, kerana industri ini bertindak sebagai barisan pertahanan pertama negara dalam usaha memerangi barangan yang berbahaya dan dilarang. Selain itu, usaha ini dapat membantu peningkatan tahap produktiviti tenaga kerja melalui automasi, latihan yang betul dan penggunaan teknologi yang terkini.

Sehubungan dengan itu, SKMM telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan perkhidmatan pos dan kurier terus menyokong pertumbuhan industri E-dagang negara, terutamanya melalui pelaksanaan program Jalinan Kerjasama Strategik dengan syarikat GD Express Sdn Bhd (GDEX) dan Skynet Worldwide (M) Sdn. Bhd. (Skynet) untuk memperluas kawasan serahan syarikat kurier serta menggalakkan aktiviti E-dagang di kawasan-kawasan luar bandar. Antara program yang telah dilaksanakan adalah:

- i) Program *Kampung by GDEX* dan *Jom Berkampung by Skynet* untuk membantu memudahkan usahawan mikro yang mengusahakan perniagaan produk makanan dan produk agro yang berpotensi tinggi untuk menembusi pasaran dalam dan luar negara melalui rangkaian logistik E-dagang GDEX dan Skynet. SKMM berhasrat untuk menyediakan kemudahan ejen pos dan kurier di 50 PIM menjelang akhir 2019 dan 100 PIM menjelang 2020.
- ii) Program Perkongsian Perkhidmatan Penghantaran Luar Bandar di Sabah dan Sarawak bagi memperluas kawasan serahan syarikat kurier di kawasan luar bandar yang sebelum ini hanya menerima perkhidmatan Pos Laju dan Pos Mel melalui inisiatif Posmen Komuniti di bawah Program Pelan Transformasi Pos Sabah dan Sarawak. Projek perintis perkhidmatan serahan telah dimulakan oleh GDEX di Julau dan Selangau, Sarawak manakala Skynet di Pitas, Kuala Penyu, Ranau, Keningau, Kota Belud, Beluran, Semporna, Kunak, Felde Sahabat dan Sapagaya, Sabah.

Inisiatif seperti kerjasama dengan GDEX dan Skynet ini selari dengan misi SKMM untuk memperkasakan PIM sebagai pusat transformasi digital luar bandar dengan mempelbagaikan kemudahan seperti akses internet jalur lebar berkualiti, program latihan dan kemahiran digital, serta pusat *fulfillment* bagi membolehkan E-dagang, antara lainnya.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia telah menerima pengiktirafan daripada *Universal Postal Union* (UPU) yang menempatkan Pos Malaysia di tangga ke-25 dari 170 buah negara dalam *Integrated Index for Postal Development* (ZIPD) berdasarkan penilaian empat dimensi pembangunan seimbang, iaitu *Reliability*, *Reach*, *Relevance* dan *Resilience*. Indeks ini bukan

sahaja mendedahkan prestasi relatif pentadbiran pos global, tetapi turut menjadi garis panduan bagi memperkasakan infrastruktur pos dalam kalangan penggubal dasar, pengawal selia, pentadbiran pos dan pihak berkepentingan dalam sektor lain supaya memahami peranan perkhidmatan pos dalam E-dagang dan ekonomi digital. Sehingga Oktober 2018, jumlah *outlet* pos telah melebihi jumlah minimum 1,000 *outlet* seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, iaitu 689 pejabat pos, 154 pos mini dan 32 pejabat pos bergerak yang meliputi 160 lokasi tambahan.

SKMM dengan kerjasama KKMM dan Persatuan Syarikat-Syarikat Penghantaran Ekspres Malaysia (AMEC) juga telah menganjurkan Anugerah Penghantaran E-dagang 2018, iaitu acara paling berprestij bagi industri perkhidmatan pos dan kurier untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada individu dan penggiat industri cemerlang sepanjang 2017 berdasarkan tujuh kategori anugerah. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada pelbagai usaha berterusan SKMM bagi memastikan penggiat-penggiat industri sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di seluruh negara.

PEMBANGUNAN EKOSISTEM EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

Ekonomi dunia sedang menuju Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) yang bersandarkan kepada digitalisasi dan penggunaan teknologi terkini serta industri berasaskan pengetahuan. Kerajaan terus berusaha memperkasakan ekonomi digital yang bakal menjadi penyumbang besar kepada KDNK di samping menjadi sumber pendapatan tinggi kepada rakyat melalui pemantapan ekosistem yang membolehkan bagi pertumbuhan ekonomi digital. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KKMM sepanjang 2018 ialah:

(i) Hab Digital Malaysia

Hab Digital Malaysia merupakan inisiatif untuk meningkatkan kerjasama korporat dalam menyediakan ruang kerja bersama dan ekosistem kondusif yang merangkumi program pembangunan bakat dan latihan serta dilengkapi kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi bagi syarikat pemula niaga (*startup*) yang terlibat dalam ekonomi digital. Inisiatif yang digerakkan oleh

industri dan komuniti digital ini juga menyediakan akses bagi syarikat-syarikat *startup* untuk menembusi pasaran global dan serantau. Sejak penubuhannya pada April 2017, sebanyak tujuh lokasi telah diluluskan sebagai Hab Digital Malaysia, iaitu:

- APW, Jalan Riong Bangsar
- The Co, Lengkok Abdullah Bangsar
- Common Ground, Wisma UOA Damansara, Changkat Semanathan
- WORQ, Glo Damansara, Jalan Damansara TTDI
- iLabs (Sunway Innovation Labs), Menara Sunway, Bandar Sunway
- Dojo KL, Jalan P. Ramlee
- Selangor Development Creatove Centre (SDCC), iCity, Shah Alam

(ii) Orbit – Hab Fintech Malaysia

MDEC telah melancarkan Hab Fintech Malaysia yang dikenali sebagai Orbit pada suku kedua 2018. Orbit menyediakan ruang kerja bersama *startup*, usahawan dan sesiapa sahaja yang mahu turut serta dalam memupuk dan memacu pembangunan industri *fintech* Malaysia. Di samping itu, Orbit membantu menghubungkan *startup fintech* dengan agensi kawal selia berkaitan melalui program *Regulatory Bootcamp* yang turut disertai oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam memahami landskap perkhidmatan kewangan, pembangunan industri dan kewangan Islam.

(iii) Hab Inovasi Kewangan Digital

Pada 26 September 2018, *United Nations Capital Development Fund* (UNCDF), BNM dan MDEC telah melancarkan Hab Inovasi Kewangan Digital untuk membolehkan penyedia perkhidmatan, termasuk institusi kewangan dan syarikat pemula niaga *fintech*, menggunakan teknologi dalam menggalakkan rangkuman kewangan bagi memastikan orang ramai mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan. Hab ini juga bertujuan untuk membina komuniti yang membangun inovatif dan kaya sumber untuk bersama-sama mencapai matlamat rangkuman kewangan negara.

UNCDF juga telah bekerjasama dengan BNM dan MDEC dalam menjayakan *Inclusive Fintech Accelerator Programme* untuk

menangani empat isu utama berkaitan rangkuman kewangan, iaitu perbelanjaan, simpanan, pinjaman, dan rancangan kewangan. Kerjasama sektor awam dan swasta dalam Hab Inovasi Kewangan Digital dan *Inclusive Fintech Accelerator Programme* dijangka dapat memperkasakan Malaysia sebagai peneraju rangkuman kewangan dan penyelesaian *fintech*.

(iv) Global Acceleration and Innovation Network

Program *Global Acceleration and Innovation Network* (GAIN) anjuran MDEC bertujuan untuk memperkasakan syarikat teknologi tempatan yang berpotensi menjadi syarikat global antarabangsa melalui bantuan khidmat nasihat dan kepakaran, khususnya dalam aspek penjenamaan, pemasaran serta akses kepada pasaran dan modal. Sehingga kini, sebanyak 150 syarikat tempatan yang berdaya saing telah mendapat manfaat daripada program ini. Pada tahun 2017, jumlah eksport produk dan perkhidmatan syarikat-syarikat teknologi tempatan yang dibantu oleh MDEC ini meningkat 11% kepada RM3.76 bilion (2016: RM3.39 bilion). Antara syarikat tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran global melalui program GAIN ialah:

- **Aerodyne Group** - sebuah syarikat penyedia perkhidmatan dan penyelesaian dron yang ditubuhkan pada 2015, telah berkembang ke 22 buah negara dengan tenaga kerja seramai 2,060 orang, majoritinya tenaga kerja tempatan. Aerodyne kini tersenarai sebagai syarikat ketujuh dalam kalangan 20 penyedia perkhidmatan dron terbaik dunia; dan
- **iPay88 Holdings Sdn. Bhd.** - sebuah syarikat perkhidmatan pembayaran dalam talian di Malaysia yang berjaya mencatatkan 52.5 juta transaksi jualan pada 2018 dengan peningkatan sebanyak 68% kepada RM7 bilion (2017: 28.7 transaksi; RM4.8 bilion). iPay88 mempunyai pejabat di lapan buah negara termasuk Cambodia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.

(v) Digital Transformation Acceleration Program

Program *Digital Transformation Acceleration Programme* (DTAP) telah dilancarkan pada 9 April 2018 untuk mempercepat agenda transformasi digital negara. Program ini menyediakan pendekatan berstruktur bagi syarikat-syarikat besar dan pertengahan tempatan memanfaatkan kepakaran global

melalui *Digital Transformation Labs* (DTL) dalam menggunakan teknologi digital baharu untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing perniagaan. Selain itu, program ini bertujuan untuk menambahkan bilangan pekerjaan bernilai tinggi sambil mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

DTAP merupakan kerjasama antara MDEC dan Perbadanan Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) yang dilengkapi dengan geran pepadanan berasaskan hasil untuk membantu syarikat-syarikat berkeelayakan melaksanakan transformasi digital.

Antara syarikat tempatan yang telah menjalani program DTAP ialah:

- **Gamuda Berhad** - pendigitalan proses pemeriksaan bangunan di pusat membeli-belah yang berjaya mengurangkan 70% jam kerja serta pemasangan sensor IoT untuk membolehkan proses pemantauan jauh terhadap aset dan perancangan masa bekerja yang lebih berkesan;
- **Top Glove** – pendigitalan proses kawalan kualiti untuk ujian kimia di kilang pembuatan sarung tangan yang berjaya mengurangkan kebergantungan pekerja asing sebanyak 100% dalam ujian kimia dan 67% dalam ujian makmal.

PEMBANGUNAN INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF MALAYSIA

Industri kandungan kreatif dalam bidang animasi, kesan visual (VFX) dan pembangunan permainan (*game*) sedang berkembang pesat di Malaysia. Sehingga 31 Disember 2018, 372 syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster Kandungan Kreatif telah meraih nilai jualan sebanyak RM7.9 bilion dan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion di samping menyediakan 11,590 peluang pekerjaan.

Pelbagai inisiatif telah diadakan sepanjang 2018 untuk menyokong pembangunan industri kandungan kreatif seperti *Level Up KL* dan *Kre8tif!*. Selain itu, MDEC juga menganjurkan *Digital Content Creators Challenge* (DiCE) untuk menggalakkan bakat tempatan menyetujui idea kreatif mereka, serta menawarkan fasiliti dan platform kerjasama dalam kalangan *startup* dan pengkarya

kreatif di *Malaysia Creative Content Centre* (MAC3).

Penciptaan harta intelek (IP) tempatan juga semakin meningkat dengan penerbitan filem animasi dan *game* seperti *Legend*, *Batik Girl* dan *No Straight Roads* antara lainnya yang akan dilancarkan dan bakal mendapat pengiktirafan antarabangsa. Pencapaian ini turut disokong oleh beberapa inisiatif pembangunan dan promosi industri kandungan kreatif di Malaysia sepanjang 2018 seperti *Level Up KL* dan *Kre8tif*. Selain itu, MDEC juga menganjurkan *Digital Content Creators Challenge* (DiCE) untuk menggalakkan bakat tempatan mempamerkan idea kreatif di samping menawarkan ekosistem yang membolehkan *startup* dan pengkarya kreatif bekerjasama melalui program inkubasi dan pemacu, *Malaysia Creative Content Centre* (MAC3).

Industri kandungan kreatif negara juga terus berkembang maju apabila syarikat-syarikat animasi tempatan telah meluaskan perniagaan ke serata dunia termasuk merencanakan aktiviti *licensing and merchandising*. Antara syarikat tempatan yang telah menempa nama dalam industri ini adalah:

- **Animonsta Studios** – Siri animasi pertama BoboiBoy pada 2011 telah mendapat sambutan hangat di televisyen serta platform digital, dan kini disiarkan di 60 negara dengan 3.3 juta tontonan setiap hari. Selain itu, animonsta telah menerbitkan komik digital BoboiBoy dalam talian, mengadakan kerjasama dengan Takara Tomy untuk menghasilkan pelbagai permainan dan bakal menyiarkan filem sekuel BoboiBoy Movie 2 pada 2019; dan
- **Les Copaque Studio** – Bermula dengan penerbitan siri Upin & Ipin pada 2007, siri ini kini telah berada dalam musim ke-12. Siri Upin & Ipin juga telah dialih suara dalam pelbagai bahasa seperti Arab, Mandarin, Turki dan Hindi, dan ditayangkan melalui Disney Channel di 14 negara termasuk Afrika Selatan, Brunei, India, Indonesia dan Turki. Les Copaque meraih USD180,000 sebulan hanya daripada Youtube dengan jumlah tontonan melebihi 100 juta, dan mendapat hasil tambahan daripada keluaran sampingan seperti permainan, alat tulis, pakaian dan francais restoran. Les Copaque sedang dalam perancangan untuk membina taman tema Upin & Ipin.

Tahun 2018 juga menyaksikan perkembangan industri *gaming* negara yang mengekalkan tangga pasaran e-sukan ke-21 terbesar dunia dengan pendapatan kasar sebanyak USD654 juta (2017: USD587 juta) mengatasi Belanda dan Poland. Malaysia juga mempunyai potensi besar untuk memperkasakan aktiviti e-sukan dengan peningkatan penggemar *eSports* di Malaysia kepada 2.4 juta orang berbanding anggaran lebih 11.2 juta penggemar *eSports* di Asia Tenggara yang dijangka meningkat lebih dua kali ganda pada 2019.

PEMBANGUNAN BAKAT BERTERASKAN TEKNOLOGI DIGITAL

Pada 2018, MDEC telah bekerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan dalam menubuhkan pusat latihan dan kemahiran keselamatan siber bagi memastikan ekonomi digital terus berkembang pesat. Pusat latihan dan kemahiran keselamatan siber ini diaspirasikan dengan kerjasama sektor awam dan swasta seperti Zon Pembangunan Bakat Keselamatan Siber yang dilaksanakan oleh Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) dan Tecforte (MSC) pada Oktober 2018 dengan Security Operations Centre (SOC). Idea ini terus diperluas dengan penubuhan program pembangunan keupayaan keselamatan siber yang dikenali sebagai Asia Cybersecurity Exchange (Asia CyberX) anjuran LGMS dan ACE Group dengan sokongan MDEC.

(i) #mydigitalmaker

#mydigitalmaker merupakan program kerjasama awam, swasta dan akademia yang diterajui MDEC untuk membina bakat dan mempersiapkan generasi muda dengan kemahiran seperti pengkodan, pembangunan aplikasi, percetakan 3D, robotik, pengaturcaraan dan analisa data. Antara inisiatif di bawah program #mydigitalmaker ialah *Hour of Code* yang memberi pendedahan mengenai pengaturcaraan mudah, Kembara #mydigitalmaker di seluruh Semenanjung Malaysia untuk memberi pendedahan mengenai inovasi digital dan #mydigitalmaker Fair sebagai acara kemuncak tahunan. #mydigital Fair 2018 telah diadakan pada 29 dan 30 September 2018 di Axiata Arena Bukit Jalil dan berjaya menarik penyertaan lebih 15,000 pelawat dan 50 rakan industri dalam pelbagai aktiviti seperti pameran dan bengkel inovasi, teknologi dan kreativiti serta pertandingan dan karnival kerjaya.

Pada 2018, 22 sekolah kebangsaan telah berjaya menjadi #mydigitalmaker *Champion Schools* dalam melengkapi pelajar dengan kemahiran pemikiran kreatif dan inovasi digital.

(ii) Institusi Teknologi Digital Premier

MDEC juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan inisiatif Institusi Teknologi Digital Premier (PDTI) bagi memperkasakan kurikulum Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan melahirkan graduan berkualiti untuk memenuhi permintaan industri dalam ekonomi digital. Selain itu, inisiatif PDTI juga meliputi bimbingan kerjaya, pendedahan kepada fakulti dan latihan amali dalam memastikan persekitaran pembelajaran yang holistik. Sejak pelancaran PDTI pada Ogos 2017, 13 IPT telah diiktiraf sebagai PDTI, iaitu: Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Multimedia, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman University College, Universiti Sunway, Universiti Taylor, Asia Pacific University, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Balik Pulau, Politeknik Mersing Politeknik Sultan Idris Shah, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Bilangan pelajar yang mengikuti program berkaitan sains komputer di PDTI juga telah meningkat sebanyak 33% kepada 22,000 pelajar pada 2018 manakala kadar kebolehgajian graduan meningkat kepada 95% (2016: 88%).

(iii) myMaker

Inisiatif myMaker ialah program anjuran SKMM untuk meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang menggabungkan internet dalam pembangunan teknologi. myMaker menyediakan platform untuk membentuk masyarakat pencipta yang kreatif dan inovatif dalam bidang percetakan 3D, dron, sistem benam, elektronik, realiti maya (VR) dan realiti terimbu (AR), pengaturcaraan *Internet of Things* (IoT) dan bidang-bidang lain. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh myMaker adalah seperti berikut:

• Makmal IoT myMaker

Makmal yang dilengkapi dengan pemotong laser, percetakan 3D, stesen pemateri dan peralatan tangan lain menyediakan latihan dan sokongan kepada masyarakat pencipta terutamanya pelajar yang berminat dalam STEM dan IoT. SKMM telah memperluas inisiatif ini dengan

menubuhkan makmal bersama dengan peneraju tempatan seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Utara Malaysia dan Perpustakaan Negeri Sabah.



➤ Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merasmikan MCMC-UniMAP Makerspace.

- **Program Pendidikan dan Jangkauan**

Beberapa bengkel percetakan 3D, dron, asas pengaturcaraan IoT, sistem benam, AR, VR dan lain-lain telah dianjurkan untuk memberi kesedaran mengenai pendidikan IoT dan STEM kepada pelajar dan guru sekolah rendah, menengah dan universiti, manakala bagi masyarakat di luar bandar pula, beberapa program telah dilaksanakan seperti bengkel robotik dan asas pengaturcaraan oleh Pusat Internet Malaysia (PIM), program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLSEF) dan program kemasyarakatan bersama komuniti Hindu, Kelabit Bario dan Kampung Baru.



➤ Program kemasyarakatan bengkel asas dron bersama komuniti Bario Sarawak

- **Pertandingan IoT**

Pelbagai pertandingan IoT telah diadakan sepanjang 2018 seperti Seminar Gaya Hidup Digital di Iskandar Space, Johor dan UTeM Melaka, Pertandingan Robotik myMaker 2018 (MRC) dan Virtual Reality Hackathon 2018 untuk memupuk kesedaran dan minat serta daya saing dalam kalangan pelajar dan orang ramai mengenai STEM supaya bersedia menghadapi IR4.0



➤ Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merasmikan MCMC-UniMAP Makerspace.


- **Perkongsian bersama penggiat tempatan**

Perkongsian untuk memperkasa kandungan IoT dalam kalangan komuniti pencipta di PIM digiatkan lagi dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) seta perpustakaan negeri dan masyarakat setempat seperti berikut:

- a) Universiti Sains Malaysia (USM)
- b) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- c) Universiti Utara Malaysia (UUM)
- d) Kolej Teknologi Universiti Sarawak (UCTS)
- e) Kinabalu Coders
- f) Perpustakaan Negeri Sabah
- g) Perpustakaan Negeri Sarawak

Institusi tersebut telah menyediakan latihan kepada Pengurus PIM dan komuniti setempat. Kerjasama ini akan diperluaskan lagi kepada peneraju tempatan dan agen pencipta yang berpotensi dan berminat untuk menyokong komuniti dan juga masyarakat setempat.

- **Kerjasama antara industri dan pemegang lesen**
myMaker turut berkerjasama dengan POS Aviation untuk menganjurkan InnoAviation 2018 Tech Talk untuk mempersiapkan industri penerbangan menempuhi IR4.0 dan *megatrend* akibat kemajuan teknologi pengganggu.



- ▶ **Woo Kam Weng, Ketua Pegawai Eksekutif POS Aviation (tengah) melawat pameran oleh myMaker semasa program 'InnoAviation 2018 Tech Talk'.**

- **myMaker.io**
Pelayan dan Perkhidmatan myMaker.io merupakan platform pengehosan bagi universiti, politeknik dan *startup* untuk membolehkan pelaksanaan projek berkaitan IoT dan merancang aktiviti penyelidikan dan pembangunan. myMaker.io juga bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang industri IoT di Malaysia dan membantu peserta membangunkan Proof of Concepts bagi menguji idea, teori dan potensi produk IoT.





PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP DIGITAL MALAYSIA

Gaya Hidup Digital Malaysia (DLM) merupakan inisiatif yang diterajui SKMM bagi mewujudkan platform dan ekosistem yang menggalakkan penerapan gaya hidup inovatif dan produktif kepada industri dan masyarakat melalui pembangunan aplikasi dan perkhidmatan gaya hidup digital dan IoT. Sebagai platform terbuka untuk industri dan komuniti, DLM bertujuan memperbaiki status sosioekonomi masyarakat dan memastikan rakyat tetap "berhubung dan bergerak" seiring dengan pembangunan aplikasi dan perkhidmatan gaya hidup digital.



- ▶ **Sesi soal-jawab penceramah jemputan dari industri dengan peserta seminar.**

Dengan kerjasama industri, universiti dan institusi penyelidikan, DLM membangunkan aplikasi dan perkhidmatan gaya hidup digital berdasarkan kombinasi lima ekosistem dinamik industri, iaitu Pengangkutan, Penjagaan Kesihatan, Runcit & Pembayaran, Jejak & Kesan dan Pertanian, serta kemunculan industri baru IoT Blockchain. Beberapa program seminar dan pameran DLM telah diadakan sepanjang 2018 untuk membincangkan peluang dan cabaran dalam transformasi *disruptive technology* dan Revolusi Perindustrian Keempat. Program anjuran bersama pihak Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Universiti Teknikal Malaysia serta rakan teknologi dan industri telah mengetengahkan 14 kertas kerja dan melibatkan penyertaan lebih 500 peserta dan hampir 20 pempamer teknologi.



➤ Aplikasi digital dan IoT yang dibangunkan melalui inisiatif DLM

Inisiatif DLM juga telah berjaya membangunkan beberapa projek kerjasama awam-swasta dalam bidang teknologi IoT dan aplikasi digital. Antaranya ialah sistem *RAPITA Active RFID Asset Management* untuk menjejak dan mengesan aset hospital dengan segera, *Smart Poultry Farming* untuk meningkatkan kecekapan pengumpulan data dan pemantauan pembesaran ayam dalam reban ayam moden yang tertutup, dan *MyCribBooking*, aplikasi pelancongan pintar yang memberikan pengalaman "Truly Malaysia" buat pengguna yang melancong dalam negara.

Melalui inisiatif DLM, kualiti hidup masyarakat semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak melalui penggunaan ICT dan IoT. Dengan penggunaan aplikasi digital yang merentas sempadan, inisiatif DLM menyediakan peluang menjana pendapatan kepada semua lapisan masyarakat tidak kira di kawasan bandar, sub-bandar dan luar bandar.

MEMACU KONVERGENS DAN MEMPERKASAKAN DIGITAL

2018 merupakan tahun yang amat mencabar buat Telekom Malaysia Berhad (TM) dari segi landskap pasaran yang kompetitif dan industri yang dinamik. Namun, TM tetap teguh menghadapi segala kekangan dan terus fokus terhadap strategi-strategi dan misi organisasi yang telah ditetapkan demi memberikan yang terbaik kepada semua pihak berkepentingan.

Unifi, jenama konvergensi utama TM telah meningkatkan tahap perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di Malaysia dari segi keantasan dan liputan serta mampu milik. Pada tahun 2018, unifi telah meneruskan usaha menaik taraf pelan-pelan jalur lebar buat para pelanggan sehingga 800Mbps. TM juga percaya pengalaman konvergensi seharusnya menjadi inklusif kepada semua. Oleh itu, TM telah menjadikan perkhidmatan jalur lebar unifi lebih mampu milik dan kompetitif dengan pelan permulaan pada harga RM79 dan menggandakan keantasan jalur lebar pelanggan sedia ada sehingga 10 kali ganda tanpa sebarang kos tambahan.

Setakat Januari 2019, TM telah menaik taraf lebih 911,000 pelanggan unifi kepada sehingga 10 kali ganda keantasan jalur lebar sedia ada mereka menerusi langkah naik taraf turbo. Lebih 239,000 pelanggan Streamyx yang tinggal dalam kawasan liputan unifi telah menerima naik taraf sehingga 8Mbps. TM juga telah berjaya menaik taraf lebih 181,000 pelanggan Streamyx yang berada dalam kawasan yang tidak diliputi dengan perkhidmatan unifi tertakluk kepada faktor tiada halangan teknologi kepada dua kali ganda keantasan jalur lebar sedia ada mereka pada harga yang sama.

Melangkau sekadar sambungan, TM ONE, kluster Perusahaan dan Sektor Awam TM kini membawakan penyelesaian bersepadu menyeluruh kepada lebih 11,000 pelanggan perusahaan dan sektor awam bagi merealisasikan potensi digital mereka sepenuhnya. TM ONE memberi tumpuan kepada pendekatan yang menawarkan penyelesaian bersepadu secara menyeluruh bagi tujuh vertikal industri, iaitu perbankan dan kewangan, petroleum dan gas, hartanah, kesihatan dan pendidikan, pertahanan dan keselamatan serta perkhidmatan perkhidmatan awam.

Dalam sektor pendidikan, TM ONE telah mengadakan kerjasama dengan sebuah sekolah swasta antarabangsa di Pulau Pinang bagi pelaksanaan dan penawaran perkhidmatan sambungan rangkaian terkhusus TM. Di bawah kerjasama tersebut, TM ONE akan menyediakan penyelesaian sistem sekolah pintar termasuklah *School Management System (SMS)*, *Learning Management System (LMS)* dan *School Attendance System (SAS)* yang akan membolehkan para pelajar, guru dan pentadbir mengamalkan pembelajaran digital. Setakat ini, 85% daripada sekolah-sekolah di Malaysia telah sedia untuk dihubungkan bagi pelaksanaan e-pembelajaran. Baki 15% pula boleh dihubungkan menerusi teknologi tanpa wayar TM seperti VSAT dan IP Radio untuk sekolah-sekolah di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang keselamatan jalan raya, TM ONE dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) telah menandatangani Memorandum Kolaborasi bagi pelaksanaan *eCall Malaysia*. Di bawah kolaborasi tersebut, TM ONE akan menyediakan infrastruktur komunikasi, membangun dan menguruskan Pusat Panggilan Kecemasan bagi eCall Malaysia berasaskan Pusat Panggilan Kecemasan MERS 999. Selain itu, TM ONE telah menghubungkan lebih 1,300 balai polis dan lebih 330 balai bomba bagi tindak balas kecemasan yang lebih pantas.

TMGLOBAL, unit perkhidmatan global dan pualam TM pula berperanan sebagai tulang belakang rangkaian industri, menghubungkan Malaysia kepada dunia menerusi sambungan dan infrastruktur digital kami. TM GLOBAL menawarkan sambungan pualam domestik kepada penyedia perkhidmatan tempatan dan sambungan antarabangsa kepada syarikat-syarikat telekomunikasi global, serta pengendali perkhidmatan OTT. Menerusi TM GLOBAL, TM menghubungkan lebih 100 syarikat telekomunikasi dan pelanggan di peringkat domestik dan lebih 400 di peringkat antarabangsa.



MEMPERKUKUH KAWAL SELIA EKOSISTEM KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA YANG TERPERCAYA DAN STABIL

Keselamatan siber adalah satu teknik pencegahan untuk melindungi integriti jaringan, program dan data daripada penjenayah atau penggunaan data elektronik yang tidak dibenarkan. Ia merupakan komponen penting dalam pembangunan teknologi dan perlu dimasukkan di peringkat awal pembangunan sedemikian.

Kemunculan teknologi perkomputeran awan (*cloud computing*), fenomena *Internet of Things* dan data raya (*big data*) dapat menjimatkan kos serta digunakan secara meluas untuk menyimpan salinan data sekaligus menyumbang kepada ledakan maklumat tanpa sempadan. Ledakan maklumat ini menyumbang kepada pelbagai risiko yang melibatkan privasi dan keselamatan.

TERAS STRATEGIK 3

Perkembangan teknologi baharu menyebabkan peranan maklumat data peribadi semakin penting. Transaksi komersial global yang bernilai tinggi mewujudkan suatu tekanan komoditi data raya yang perlu dikawal selia terutama dalam pemprosesan data peribadi.

Kebebasan berkomunikasi dan menyalurkan pelbagai bentuk informasi dalam ruang internet dan media sosial berpotensi meningkatkan kebarangkalian berlakunya hasutan dan perbalahan. Hal ini boleh mencetuskan konflik dan menggugat kestabilan di dalam atau antara negara serta perlu ditangani dengan bijak.

Di bawah Teras 3, bagi melipatgandakan penguatkuasaan undang-undang dan meningkatkan pencegahan jenayah siber, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dipertanggungjawabkan dalam menjalankan fungsi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) yang telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2010. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013. Tanggungjawab utama Jabatan ini adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi seseorang Subjek Data (orang awam) dalam transaksi komersial oleh Pengguna Data supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

PENDAFTARAN PENGGUNA DATA


Dalam melaksanakan fungsi Akta 709, Golongan Pengguna Data perlu berdaftar dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bagi mendapatkan perakuan pendaftaran. Sehingga tahun 2018, terdapat 13 Golongan Pengguna Data yang perlu berdaftar berdasarkan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 adalah :

- 1) Komunikasi;
- 2) Perbankan dan Institusi Kewangan;
- 3) Insurans;
- 4) Kesihatan;
- 5) Perlancongan dan Hospitaliti;
- 6) Pengangkutan;
- 7) Pendidikan;
- 8) Jualan Langsung;
- 9) Perkhidmatan;
- 10) Hartanah;
- 11) Utiliti;

- 12) Pajak Gadai ; dan
- 13) Pemberi Pinjam Wang.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 800 pendaftaran baru Pengguna Data telah diterima yang terdiri daripada 13 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar di bawah Akta 709. Pecahan pendaftaran baru Pengguna Data mengikut Golongan Pengguna Data adalah seperti carta di bawah:

CARTA 1: BILANGAN GOLONGAN PENGGUNA DATA MENGIKUT SEKTOR



Selain itu, pelantikan beberapa peneraju Forum Pengguna Data juga telah diadakan bertujuan untuk membangunkan tata amalan perlindungan data peribadi selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 23 Akta 709. Pembangunan tataamalan ini memperlihatkan kesungguhan Pengguna Data dalam usaha melindungi dan menjamin keselamatan data peribadi yang berada dalam kawalannya. Sepanjang 2018, terdapat tujuh (7) forum golongan Pengguna Data telah terlibat iaitu :

HASIL JUALAN MASA SIARAN IKLAN RTM BAGI TAHUN 2018 (MENGIKUT SUKU TAHUN)

| Sektor | Peneraju |
|------------------------|--|
| Peminjam Wang Berlesen | Malaysian Punjabi Licensed Moneylender Association (MPLMA) |
| Jualan Langsung | Direct Selling Association of Malaysia (DSAM) |
| Pajak Gadai | Persatuan Pajak Gadai (MPBA) |
| Undang-Undang | Majlis Peguam Negara |
| Utiliti (Air) | Ranhill SAJ Sdn Bhd |
| Telekomunikasi | Maxis Berhad |
| Pengangkutan (Udara) | Malaysia Airline Berhad (MAB) |

PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta 709. Ia merangkumi pelbagai aktiviti seperti pemeriksaan dan pengauditan pematuhan ke atas sistem pengurusan data peribadi yang dikendalikan oleh Pengguna Data, penyiasatan kes aduan dan operasi secara rawak.

Pemeriksaan Sistem Data Peribadi (Seksyen 101)

Pada tahun 2018, sebanyak 38 siri lawatan pemeriksaan telah dijalankan terhadap Pengguna Data berdaftar yang memproses data peribadi. Aktiviti pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa ke atas premis Pengguna Data bagi memastikan data peribadi pelanggan dikendalikan dengan betul, selamat dan berintegriti. Melalui pendekatan ini, Pengguna Data akan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam mengendalikan data-data peribadi pelanggan, langkah ini akan mengurangkan risiko ketirisan data peribadi dalam sesebuah organisasi. Berikut adalah butiran bagi jumlah lawatan pemeriksaan di bawah seksyen 101 tahun 2018.


JADUAL 1: JUMLAH LAWATAN PEMERIKSAAN DI BAWAH SEKSYEN 101 – MENGIKUT GOLONGAN PENGGUNA DATA (2018)

| Bil. | Sektor | 2018 |
|---------------|----------------------------------|-----------|
| 1. | Komunikasi | 3 |
| 2. | Perbankan dan Institusi Kewangan | 3 |
| 3. | Insurans | 3 |
| 4. | Kesihatan | 5 |
| 5. | Pelancongan dan Hospitaliti | 6 |
| 6. | Pengangkutan (Udara) | 0 |
| 7. | Pendidikan | 3 |
| 8. | Jualan Langsung | 2 |
| 9. | Perkhidmatan | 4 |
| 10. | Hartanah | 4 |
| 11. | Utiliti (Air) | 1 |
| 12. | Pajak Gadai | 2 |
| 13. | Pemberi Pinjam Wang Berlesen | 2 |
| JUMLAH | | 38 |



Untuk julung kalinya, pemeriksaan di bawah seksyen 101 dibuat ke atas golongan pengguna data daripada sektor pajak gadai dan pemberi pinjaman wang berlesen. Selain itu pada tahun 2018, aktiviti pemeriksaan ke atas golongan Pengguna Data daripada sektor perbankan dan institusi kewangan serta insurans turut dipertingkatkan untuk menilai tahap pematuhan Akta 709 dua (2) golongan pengguna data tersebut. Carta 2 menunjukkan jumlah pelaksanaan lawatan pemeriksaan di bawah Seksyen 101 mengikut golongan pengguna data bagi tahun 2018 berbanding 2017.

CARTA 2: JUMLAH LAWATAN PEMERIKSAAN DI BAWAH SEKSYEN 101 - MENGIKUT GOLONGAN PENGGUNA DATA (2017 – 2018)



Operasi 336 (Opp 336)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 mewajibkan Pengguna Data yang tergolong dalam 13 golongan yang diwartakan perlu berdaftar dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bagi mendapatkan sijil perakuan dan juga memperbaharui sijil perakuan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan mendaftar dan memperbaharui sijil perakuan merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan apabila disabitkan.

Operasi 336 merupakan tindakan pro aktif Jabatan bagi memastikan Pengguna Data mematuhi peruntukkan dalam Akta 709. Pelaksanaan Operasi 336 dibahagi kepada dua (2) iaitu 336A dan 336B.

- a) Operasi 336A bertujuan untuk mengenal pasti Pengguna Data yang perlu berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi tetapi gagal untuk mendaftar; dan
- b) Operasi 336B bertujuan untuk mengenal pasti Pengguna Data yang telah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi tetapi gagal untuk memperbaharui Perakuan Pendaftaran.

Tahun 2018, terdapat 44 buah premis telah diserbu dalam Operasi 336A dan 40 buah dalam Operasi 336B menjadikan jumlah keseluruhannya 84 buah premis. Operasi penguatkuasaan ini

dilakukan dari semasa ke semasa merangkumi pelbagai sektor bagi memastikan Pengguna Data sentiasa patuh dengan prinsip yang digariskan di dalam akta. Di samping, meningkatkan kecekapan dan berintegriti dalam mengendalikan data peribadi pelanggan. Jadual di bawah menunjukkan pecahan mengikut sektor.

JADUAL 2: PECAHAN OPERASI 336A DAN 336B MENGIKUT SEKTOR TAHUN 2018

| Sektor | OPS 336A | OPS 336B |
|--|-----------|-----------|
| Kesihatan | 13 | 4 |
| Pelancongan dan Hospitaliti | 10 | 10 |
| Pendidikan | 2 | 4 |
| Jualan Langsung dan Pemasaran Langsung | - | 1 |
| Perkhidmatan | - | 3 |
| Pemberi Pinjam Wang | 1 | - |
| Hartanah | 18 | 18 |
| JUMLAH | 44 | 40 |

Lanjutan daripada penguatkuasaan yang dijalankan, pada tahun 2018 terdapat beberapa kes telah dikenakan tindakan di bawah seksyen 16(4) iaitu memproses data peribadi tanpa perakuan pendaftaran. Sektor yang terlibat adalah daripada sektor Pelancongan, Hospitaliti dan Perkhidmatan.


Aduan dan Siasatan

Selain itu, penguatkuasaan Akta 709 juga merangkumi aktiviti siasatan yang diterima melalui kes-kes aduan. Sistem penerimaan aduan atas talian melalui platform yang disediakan di laman sesawang www.pdp.gov.my telah mula diperkenalkan pada tahun 2016. Kemudahan akses ini memberikan satu lagi ruang kepada Subjek Data (orang awam) untuk mengemukakan aduan secara pantas dan bersistematik.



Berbanding tahun sebelum ini, terdapat peningkatan ke atas jumlah aduan yang diterima oleh JPDP. Carta di bawah menunjukkan peningkatan jumlah aduan yang diterima sejak tahun 2016.

CARTA 3: JUMLAH ADUAN DITERIMA MELALUI SPDP ONLINE (2016-2018)



Pada tahun 2018, sebanyak 630 aduan telah diterima melalui aplikasi atas talian. Terdapat *trend* peningkatan kepada jumlah aduan yang diterima pada setiap tahun iaitu pada tahun 2017, peningkatan adalah sebanyak 52.19% (320 aduan) dan pada tahun 2018 peningkatan dicatat sebanyak 49.21% (630 aduan). Peningkatan ini berkait rapat dengan kesedaran masyarakat (Subjek Data) mengenai kepentingan melindungi data peribadi melalui mesej-mesej kesedaran dan program-program yang dilaksanakan.

Data Breach Notification

Peningkatan insiden ketirisan data di negara ini menyebabkan perlunya suatu mekanisme yang teratur dan efisien untuk mengendalikan insiden tersebut. Dalam perkara ini, Subjek Data yang terlibat juga perlu dimaklumkan mengenai insiden ketirisan data peribadi yang berlaku. Kaedah pemakluman yang berdasarkan '*risk-based approach to security*' ini dikenali sebagai *Data Breach Notification (DBN)*.

Prosedur ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat serta memaklumkan tentang tindakan dan langkah remedi yang sedang diambil oleh organisasi (Pegguna Data) tersebut untuk memulihkan situasi berkenaan. Prosedur ini membantu meningkatkan kepercayaan Subjek Data terhadap organisasi mereka serta merupakan sebahagian daripada amalan tadbir urus yang baik dalam sistem data peribadi.

Cadangan untuk melaksanakan prosedur DBN ini telah melalui proses konsultasi awam dan kini maklum balas yang diterima sedang dianalisa untuk dikemukakan kepada pemegang taruh yang berkaitan untuk dijelaskan, dinilai dan dipersetujui. Terkini, kajian keperluan perundangan dan penetapan penalti sedang dilaksanakan sebelum ia diwartakan sebagai prosedur baru yang perlu dipatuhi oleh pihak Pengguna Data.

PROGRAM KESEDARAN DAN ADVOKASI

Pada era revolusi industri 4.0 dan ekonomi digital yang sedang giat membangun, data peribadi merupakan suatu komoditi yang berharga. Justeru, kepentingan untuk melindungi data peribadi amatlah dititikberatkan. Dalam usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman dan mendidik Pengguna Data khususnya dan Subjek

Data amnya, pelbagai program telah dan sedang diadakan bagi memberi pemahaman dan menggalakkan pematuhan ke atas peruntukan yang ada dalam Akta 709.

Taklimat dan Program Kesedaran

Pada tahun 2018, jabatan ini telah menganjurkan sebanyak 17 Persidangan Perlindungan Data Peribadi di seluruh negara bagi menerangkan dengan lebih lanjut mengenai pematuhan Akta 709 dan seterusnya menjadi platform perhubungan di antara Pengguna Data dan pihak jabatan dalam mengemukakan pandangan dan isu-isu yang dihadapi berkaitan dengan pematuhan Akta 709.


Penganjuran persidangan ini juga melibatkan penceramah daripada pihak lain seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) untuk berkongsi pengalaman dalam mengendalikan pengurusan perlindungan data peribadi. Di samping itu, peserta juga didedahkan dengan ancaman jenayah siber dan komersial melalui penggunaan internet dan alat telekomunikasi yang semakin canggih seiring dengan perkembangan semasa serta langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan penyalahgunaan data peribadi.



| Bil. | Tarikh | Tempat | Kategori |
|------|-------------------|------------------------------|----------------|
| 1. | 5 Februari 2018 | Pulau Pinang | Pengguna Data |
| 2. | 26 Februari 2018 | Melaka | Pengguna Data |
| 3. | 13 Mac 2018 | Sabah | Badan Berkanun |
| 4. | 14 Mac 2018 | Sabah | Pengguna Data |
| 5. | 23 April 2018 | Kuching, Sarawak | Pengguna Data |
| 6. | 24 April 2018 | Kuching, Sarawak | Badan Berkanun |
| 7. | 16 Julai 2018 | Johor Bahru | Badan Berkanun |
| 8. | 17 Julai 2018 | Johor Bahru | Pengguna Data |
| 9. | 23 Julai 2018 | Melaka | Badan Berkanun |
| 10. | 13 Ogos 2018 | Putrajaya | Pengguna Data |
| 11. | 12 September 2018 | Gombak, Selangor | IPTA |
| 12. | 24 September 2018 | Ipoh Perak | Pengguna Data |
| 13. | 29 Oktober 2018 | Seberang Perai, Pulau Pinang | Badan Berkanun |
| 14. | 30 Oktober 2018 | Alor Setar, Kedah | Pengguna Data |
| 15. | 7 November 2018 | Kuala Terengganu | Pengguna Data |
| 16. | 8 November 2018 | Kuala Terengganu | Badan Berkanun |
| 17. | 21 November 2018 | Putrajaya | Sekolah |

Aktiviti Promosi dan Program Advokasi

Pelbagai aktiviti promosi dan publisiti telah dilaksanakan bagi memberi kesedaran dan pemahaman kepada Pengguna Data dan Subjek Data (masyarakat) melalui medium yang berbeza. Penerbitan video Pesanan Khidmat Awam (PKA) telah diedar dan disiarkan di stesen televisyen seperti RTM, Media Prima dan Astro. Selain itu, ia juga telah dimuat naik di media sosial (facebook) dan saluran YouTube.



Selain penyiaran video, terdapat juga program temu bual dan penyiaran PKA di stesen-stesen radio nasional dan negeri bagi menyampaikan mesej kesedaran kepada masyarakat berkenaan perlindungan data peribadi. Antara stesen radio yang terlibat adalah Terengganu fm, Kedah fm, Manis fm, Nasional fm, dan Sinar fm.

Pada tahun 2018, bahan-bahan bacaan juga turut dicetak dan diedarkan untuk makluman orang ramai dan agensi mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Infomasi yang dicetak merupakan buku kecil yang mengandungi maklumat asas yang perlu diketahui oleh masyarakat dan juga risalah untuk sektor awam sebagai panduan atau amalan terbaik dalam mengendalikn data peribadi.



Di samping bahan percetakan, promosi luaran juga telah dibuat seperti paparan infografik di badan bas Nadi Putra dan Rapid KL (*bus wrap*) serta paparan video di skrin KLIA (KLIA TV).



JPDP juga telah melaksanakan aktiviti turun padang untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang fungsi dan kepentingan Akta 709. Sepanjang tahun 2018, JPDP telah menyertai lima (5) pameran iaitu di Terengganu, Kulim, Pulau Pinang, Alor Setar dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada JPDP dan masyarakat untuk berkomunikasi secara terus mengenai perlindungan data peribadi.



Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga bertanggungjawab di bawah teras ini. Peranan utama MCMC adalah mengawal selia peraturan industri berdasarkan kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998) dan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998). Selain itu, MCMC juga berperanan untuk melaksanakan dan menggalakkan objektif dasar nasional kerajaan untuk sektor komunikasi dan multimedia.

PROJEK PENGESANAN SERANGAN RANGKAIAN MALAYSIA MENGGUNAKAN HONEYNET (MADUNET)

Selaras dengan Teras 3, MCMC menekankan hak-hak pengguna dan pada masa yang sama untuk memastikan perlindungan yang mencukupi seperti resolusi pertikaian, berkemampuan untuk melanggan perkhidmatan mereka dan kesediaan perkhidmatan, MCMC telah melaksanakan Projek Pengesanan Serangan Rangkaian

Malaysia Menggunakan HoneyNet atau nama singkatannya MADUNET, yang menggunakan teknologi HoneyPot bagi mengumpul dan menganalisis aktiviti serangan siber yang berpotensi mengancam dan mengganggu sistem rangkaian di Malaysia sejak tahun 2010. Bagi tahun 2018, MADUNET telah menerima sejumlah 102.71 juta pengesanan aktiviti serangan

SAMBUNGAN KEPADA MADUNET

| Bulan | Bilangan (Juta) |
|---------------------------|-----------------|
| Januari | 9.07 |
| Februari | 9.06 |
| Mac | 11.52 |
| April | 1.38 |
| Mei | 10.16 |
| Jun | 8.18 |
| Julai | 8.12 |
| Ogos | 11.01 |
| September | 6.73 |
| Oktober | 1.52 |
| November | 17.93 |
| Disember | 8.03 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 102.71 |

SIMPOSIUM PENYELIDIKAN MCMC

Pada 21 November 2018, MCMC dengan kerjasama The United Nations Children's Fund (UNICEF) telah menganjurkan Simposium Kajian Baharu untuk mempromosikan kewarganegaraan digital dalam kalangan kanak-kanak sempena Hari Kanak-kanak Sedunia. Ini bertujuan bagi melindungi kanak-kanak apabila mereka melakukan sebarang aktiviti atas talian juga untuk mempromosikan kewarganegaraan digital yang bertanggungjawab.

Tema Simposium tahun 2018 adalah "*Maximising individual and societal participation in the digital economy through digital inclusion*". Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Eddin Syazlee bin Shith, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan telah dihadiri oleh 300 peserta yang mana sebanyak

11 kajian kolaborasi antara MCMC dan universiti tempatan telah dibentangkan dalam symposium tersebut. Antaranya kertas kerja yang disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Felo Penyelidik Utama, Institut Pengajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk "*A Consideration of Cyber Wellness, Digital Citizenship and Digital Inclusion*".



MESYUARAT THE ASEAN TELECOMMUNICATION REGULATORS' COUNCIL (ATRC)

Pada 14 hingga 15 Ogos 2018, MCMC telah terlibat dalam mesyuarat The ASEAN Telecommunication Regulators' Council (ATRC) yang diadakan di Singapura. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi mengenal pasti serta mempromosi ruang serta peluang kerjasama dalam sektor telekomunikasi antara negara-negara ASEAN. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd. Ali bin Mohamad Nor, Ketua Setiausaha KKMM serta delegasi dari MCMC.



Di bawah teras ini juga, Perkhidmatan Kecemasan 999 Malaysia dikendalikan oleh Telekom Malaysia seperti berikut:

PRA – BENGKEL HALA TUJU PERKHIDMATAN KECEMASAN 999 MALAYSIA

Pra-bengkel ini diadakan pada 28 Februari hingga 03 Mac 2018 di hotel Georgetown, Pulau Pinang. Objektif program ini adalah bagi melihat semula pelaksanaan MERS 999 selepas 10 tahun beroperasi terutamanya dari segi tadbir urus, model pembiayaan,

teknologi, infrastruktur, sumber dan modal insan. Selain itu, ia adalah bertujuan khusus untuk menyediakan kerangka dokumen serta mengenal pasti keperluan untuk perbincangan pada Bengkel Hala Tuju MERS 999.

Sesi ini melibatkan *Master of Trainer (MOT)* dan *Subject Matter Expert (SME)* daripada semua Agensi Kecemasan, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan 999 Response Center (999 RC).



PENYERTAAN MERS 999 DI PAMERAN PROGRAM MENGHUBUNG MENYATU @ MALAYSIA INKLUSIF NEGARA DIGITAL (MINDA) PERINGKAT NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN 2018

Program ini berlangsung pada 5 hingga 7 April 2018 anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, diringi oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohammad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KKMM. Objektif program ini adalah bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai

perkhidmatan akses jalur lebar berkelajuan tinggi, mempromosikan manfaat yang boleh diperolehi menerusi penggunaan digital serta memberi kesedaran mengenai keselamatan penggunaan media sosial.

Sebagai organisasi yang menjalankan projek MERS 999 di bawah KKMM, Telekom Malaysia berpeluang mempromosikan berkenaan sistem MERS 999 dan aplikasi SaveME 999 POLIS, SaveME 999 DEAF dan SaveME 999 BLIND kepada orang awam. Objektifnya memberi kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan talian kecemasan 999 dan menguar-uarkan kepada orang awam berkenaan aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan ketika kecemasan.

Selain itu, aktiviti seperti kuiz dan menyusun *jigsaw puzzle* untuk golongan kanak-kanak dan dewasa juga telah diadakan bagi memeriahkan lagi *booth* pempamer MERS 999. MERS 999 juga berpeluang mempromosikan MERS 999 di radio RTM Terengganu.fm apabila dijemput oleh wakil Terengganu.fm.



PENYERTAAN MERS 999 DI PROGRAM MENGHUBUNG MENYATU @ MALAYSIA INKLUSIF NEGARA DIGITAL (MINDA) PERINGKAT NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 2018

Di samping itu, MERS 999 menyertai program MINDA peringkat Negeri Kedah pada 20 hingga 22 April 2018. Aktiviti yang telah dijalankan di *booth* MERS 999 adalah sesi interaktif dengan orang awam mengenai sistem MERS 999 dan aplikasi telefon pintar SaveME 999 POLIS, SaveME 999 DEAF dan SaveME 999 BLIND. Mereka telah didedahkan dengan fungsi talian kecemasan dan penggunaan yang berhemah untuk talian kecemasan 999 serta aplikasi SaveME 999 untuk kegunaan semasa kecemasan. Selain itu, aktiviti seperti kuiz untuk golongan dewasa dan kanak-kanak juga telah diadakan bagi memeriahkan lagi *booth* TM MERS 999.





MERS 999 DI PAMERAN CARING BRIDGE SEMPENA PROGRAM PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018 DI PADANG KOTA LAMA, GEORGE TOWN, PULAU PINANG

Bersempena dengan Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2018, MERS 999 juga telah menyertai Pameran Caring Bridge bermula 03 hingga 05 Ogos 2018. Objektif program adalah bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini dan meningkatkan semangat patriotik serta cintakan negara dalam kalangan masyarakat dengan bertemakan "Sayangi Malaysiaku"

Penglibatan agensi kerajaan dan syarikat Penyedia Telekomunikasi sebagai pempamer amat menggalakkan dengan mereka memberikan komitmen yang tinggi dan perkhidmatan terbaik kepada para pengunjung yang datang ke tapak pameran untuk mengetahui peranan setiap agensi.

Penglibatan MERS 999 di dalam pameran ini adalah kesinambungan daripada program-program seumpamanya yang pernah dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi tahun 2018. TM sentiasa menyokong aspirasi kerajaan terhadap program-program yang dianjurkan untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat dalam mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Pameran MERS 999 adalah mengenai usaha pihak kerajaan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan talian kecemasan 999 dan juga mempromosikan aplikasi telefon pintar



SaveME 999 POLIS, SaveME 999 DEAF dan SaveMe 999 BLIND untuk telefon pintar kepada masyarakat umum.





MERS 999 DI PAMERAN SAMBUTAN HARI TELEKOMUNIKASI DAN MASYARAKAT BERINFORMASI SEDUNIA DI PUSAT SAINS NEGARA WILAYAH UTARA, ALOR SETAR, KEDAH

Pada 22 dan 23 September 2018, bersempena dengan Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia atau (WTISD 2018) anjuran KKMM yang bertemakan “*Enabling the positive use of Artificial Intelligence for All*”, MERS 999 turut menyertai pameran sepanjang program ini berlangsung. Objektif program adalah bagi menghasilkan generasi pelapis yang cakna dengan kehendak dan keperluan industri masa kini, meningkatkan kesedaran masyarakat luar bandar mengenai peluang menjana pendapatan secara dalam talian selain mewujudkan kerjasama antara kementerian dan agensi bersama syarikat telekomunikasi dalam memajukan industri telekomunikasi.

Fokus utama kepada potensi kecerdasan buatan (AI) dalam menjana kemajuan bidang penghasilan solusi yang praktikal dan inovatif agar dapat membantu menangani cabaran seperti kemiskinan, kesihatan, pendidikan dan perlindungan alam sekitar agar sasaran-sasaran pembangunan mapan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) dapat dicapai.

Terdapat kelainan di pameran MERS 999 pada kali ini, iaitu di booth pameran MERS 999, penglibatan agensi kecemasan untuk turut bersama-sama memberikan khidmat kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan talian kecemasan MERS 999. Antara agensi kecemasan yang terlibat adalah MERS 999 Response Center, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Agensi KKM juga

mengambil kesempatan membuat demonstrasi bantuan pernafasan *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) kepada orang awam. MERS 999 juga berjaya menganjurkan beberapa aktiviti di booth pameran MERS 999, seperti pertandingan mewarna, menyusun *jigsaw puzzle* dan menjawab soalan kaji selidik berkenaan perkhidmatan MERS 999.



BENGKEL HALATUJU MERS 999

Bengkel Hala Tuju MERS 999 telah berlangsung pada 14 hingga 17 Oktober 2018 di Hotel Adya, Pulau Langkawi, Kedah. Objektif program ini adalah bagi menentukan perantaraan ke hadapan (*way forward*) perkhidmatan kecemasan awam. Selain itu, antara perkara yang dibincangkan adalah melihat semula keberkesanan perkhidmatan model pengoperasian MERS 999 selepas 10 tahun pelaksanaan dengan memfokuskan kepada lima (5) bidang teras utama iaitu:

- i. Tadbir Urus Perkhidmatan Kecemasan Negara;
- ii. Standard Operation Procedure (SOP) Baharu dan Sedia Ada;
- iii. Pengurusan Panggilan/Maklumat dan Pembangunan Aplikasi/Infrastruktur;
- iv. Pengurusan Keselamatan dan Komunikasi MERS 999; dan
- v. Pembangunan Modal Insan dan Kesedaran Awam Dalam MERS 999.

Bengkel Hala Tuju MERS 999 ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sebagai *Value Added Services (VAS)* bagi Pengurusan Operasi dan Penyelenggaraan MERS 999 tahun 2018. Komitmen daripada semua pihak sangat memberangsangkan bagi memberikan pembaharuan kepada sistem MERS 999 untuk diangkat kepada satu tahap yang lebih tinggi.



MERS 999 DI PAMERAN SEMPENA PROGRAM MELAKA CPR FUN RUN 2018 PERINGKAT NEGERI MELAKA.

Pada 24 November 2018, MERS 999 berpeluang menyertai pameran bersempena Program Melaka CPR Fun Run 2018 peringkat Negeri Melaka bertempat di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka.

Objektif program ini adalah bagi memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang "*Cardiopulmonary Resuscitation*" (CPR) dan kepentingannya, memberikan pendedahan dan meningkatkan kemahiran mereka melakukan CPR, meningkatkan liputan program-program kesihatan dan sebagai petunjuk asas untuk program atau dasar masa depan untuk mengurangkan *morbidity* dan *mortality* akibat serangan jantung luar hospital atau "*Out of Hospital Cardiac Arrest*" (OOHCA).

Program ini adalah kelolaan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Melaka Emergency Medicine Society (MEMS), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Hospital Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan badan bukan kerajaan (NGO), iaitu Pertubuhan Kebajikan Bacang Melaka dan St John Ambulans (SJAM).

Seramai 1500 orang peserta termasuk sekretariat telah menyertai program ini. Kesemua peserta adalah terlibat dengan penganjuran aktiviti CPR secara serentak dan merupakan rekod CPR yang paling ramai di Negeri Melaka. Kesemua peserta juga terlibat dalam Fun Run sejauh 5km di trek yang telah ditetapkan. Program telah dilancarkan oleh YB Low Chee Leong, Exco Kesihatan dan Anti Dadah Jabatan Ketua Menteri Melaka.



MERS 999 DI PAMERAN SEMPENA KEMPEN KESEDARAN KECEMASAN BERSAMA KOMUNITI OLEH JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL TUANKU JAAFAR, SEREMBAN

Pada 18 November 2018, MERS 999 telah menyertai pameran bersempena "Kempen Kesedaran Kecemasan Bersama Komuniti" yang dianjurkan oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Tuanku Jaafar, Seremban bertempat di Perkarangan Mydin Mall Seremban 2.

Fokus utama pameran ini adalah untuk mengajar teknik CPR yang betul, belajar teknik "First Aid" yang betul dan menguar-uarkan peranan Jabatan Kecemasan yang betul kepada orang awam. Program ini sememangnya adalah pendedahan yang baik daripada pihak hospital kepada orang awam.


Selain fokus utama di atas, pihak hospital juga berjaya mengadakan aktiviti yang menarik sepanjang program. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pertunjukan ular, kempen derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma, dan pertandingan mewarna bagi kanak-kanak.

Penglibatan MERS 999 adalah jemputan daripada pihak hospital untuk mempromosikan sistem MERS 999 kepada orang awam yang datang ke Mydin Mall. TM sentiasa menyokong aspirasi kerajaan terhadap program-program yang dianjurkan untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat dalam mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, iaitu talian kecemasan negara, MERS 999.

Program telah dilancarkan oleh YB Tuan Veerapan A/L Superamaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan, Negeri Sembilan.







MEMPERLUAS PENYEBARAN MAKLUMAT KENEGARAAN UNTUK MENINGKATKAN JATI DIRI DAN SEMANGAT PATRIOTIK RAKYAT

Semangat patriotik merupakan ciri penting yang perlu dipupuk dalam kalangan segenap lapisan masyarakat dalam proses pembangunan dan hala tuju negara bangsa.

Kementerian memainkan peranan penting dalam memberi penerangan dan penjelasan berkaitan dasar-dasar, falsafah dan wawasan negara untuk mempertingkatkan jati diri dan semangat patriotik rakyat.

Selain itu, kementerian juga perlu membina, mengukuh dan memperluas jaringan komunikasi yang menyeluruh dan berkesan dalam menguruskan maklumat strategik negara. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan di pelbagai peringkat bagi memastikan pembangunan masyarakat yang bermaklumat dan inklusif.

TERAS STRATEGIK 4

PENYAMPAIAN MAKLUMAT STRATEGIK DENGAN CEPAT & TEPAT

Pengurusan Isu dan Kajian

Pusat Pengurusan Maklumat Strategik

Bagi tahun 2018 Pusat Pengurusan Maklumat Strategik telah menyediakan sebanyak 325 Laporan Pemantauan dan Analisis Isu Harian (Berita). Untuk Laporan Analisis Mingguan Mengenai Isu Nasional untuk pelaporan kepada Jawatankuasa Stratcomm, sebanyak 13 pelaporan telah disediakan. Jumlah pelaporan terbabit adalah sehingga pertengahan tahun 2018 dan ditangguhkan sementara berikutan pertukaran kerajaan pada Pilihan Raya Umum (PRU ke-14) dan akan diganti dengan Jawatankuasa Stratcomm yang baharu. Sementara itu, sebanyak 70 Laporan Analisis Mingguan KKMM telah disediakan pada tahun 2018.

Cawangan Pengesan Siaran

Cawangan Pengesan Siaran terlibat dalam memantau stesen tv dan radio sama ada di dalam mahupun luar negara. Pada tahun 2018, sebanyak 17 stesen tv dan 23 stesen radio dipantau dalam mengenal pasti isu-isu negara yang dibincangkan melalui stesen tersebut. Hasil daripada pemantauan tersebut, sebanyak 250 pelaporan telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2018.

Selain itu, laporan verbatim rancangan berita dan program yang terpilih melalui stesen tv dalam dan luar negara turut dihasilkan pada tahun 2018, iaitu sebanyak 24,418. Bagi laporan verbatim stesen radio dalam dan luar negara, jumlah pelaporan adalah sebanyak 12,598.

Taklimat Isu Semasa

Pada tahun 2019, sebanyak dua (2) program Taklimat Isu Semasa dijalankan di seluruh negara untuk memberi penerangan dan kesedaran kepada masyarakat berkenaan sesuatu isu. Dua (2) program taklimat yang telah diadakan ialah Taklimat-taklimat Khas Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (SST) pada 6 September 2018 dan Taklimat Khas Kajian Separuh Penggal RMK-11 & Belanjawan 2019 pada 7 November 2018. Keperluan untuk melaksanakan program ini adalah selari dengan peranan JaPen sebagai agensi yang memasarkan maklumat kerajaan yang diyakini dan sahih.



➤ Taklimat-taklimat Khas Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (SST)



➤ Taklimat-taklimat Khas Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (SST)



Komuniti 1Malaysia (K1M)

Komuniti 1Malaysia ialah satu pertubuhan sukarela yang bernaung di bawah Jabatan Penerangan Malaysia sejak tahun 2000. Peranan utama K1M adalah sebagai ejen pemasaran maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan yang jangkauannya meluas sehingga ke peringkat negeri, daerah, kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Sehingga tahun 2018, sebanyak 1,500 buah K1M telah ditubuhkan dengan keahlian melebihi 60,000 orang dengan menggabungkan komuniti Melayu, Cina, India, bumiputera Sabah dan Sarawak serta kaum-kaum lain.

Selaras dengan peranan yang dimainkan oleh K1M, pada tahun 2018, sejumlah tujuh (7) Bengkel Penceramah K1M telah diadakan untuk melatih pemimpin-pemimpin K1M menyampaikan maklumat secara bersemuka di seluruh negara. Bengkel ini melibatkan seramai 204 penceramah yang daripada pelbagai kaum daripada K1M.

K1M juga telah menyasarkan penggunaan media sosial sebagai strategi rangkaian maklumat yang diwujudkan secara berperingkat. Pada tahun 2018, sejumlah 738 laman facebook telah dibangunkan dan dijangka tahap ketersediaannya mencapai 80% menjelang akhir tahun 2020.

Program komunikasi bersemuka yang menggunakan pendekatan *engagement* turut digembleng dalam program-program K1M di seluruh negara terutamanya program Sepakat Peringkat Negeri, Sepakat Peringkat Daerah, Sepakat Peringkat Komuniti yang melibatkan 14 buah negeri, 149 buah daerah dan 1,500 buah K1M.

Melalui K1M, jabatan juga telah menggerakkan usaha untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan dan amalan terhadap dasar dan agenda pembangunan negara dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan negeri antaranya ceramah, taklimat, sembang warung, persembahan PENTARAMA dan sebagainya.

Bagi membantu keaktifan K1M kekal aktif, Jabatan Penerangan Malaysia telah melantik seramai 198 orang daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk membantu menggerakkan komuniti yang terpilih secara berterusan dalam Program Komuniti Angkat.

Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2018, K1M telah digerakkan secara menyeluruh melalui program Merdeka@komuniti dan turut terlibat dalam program Kembara Jalur Gemilang yang dirancang dan dilaksanakan di 149 daerah melibatkan 359 K1M sepanjang bulan Julai sehingga September 2018.

Program Merdeka@komuniti

Program Merdeka@komuniti telah bermula pada tahun 2016. Ketua Pengarah Jabatan Penerangan telah bertanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Peringkat Kebangsaan. Program yang berobjektifkan menggelorakan Sambutan Bulan Kebangsaan daripada rakyat secara agresif dan menyeluruh merentasi sempadan geografi, budaya dan juga kaum di seluruh negara.

Pelaksanaan program Merdeka@komuniti pula menggabungkan pelbagai program dan aktiviti JaPen iaitu Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) dan konsep Merdeka@komuniti juga telah diserapkan kepada aktiviti-aktiviti JaPen lain seperti Sepakat Komuniti, Pertandingan Keceriaan Negaraku dan program patriotik terutama di sekolah-sekolah menengah.

Ia telah menggerakkan masyarakat melalui pelbagai aktiviti setempat seperti keceriaan dan hiasan rumah, kampung, taman perumahan, bangunan kerajaan dan swasta, sukaneka, deklamasi sajak dan puisi, edaran jalur gemilang, lawatan kepada tokoh berjasa dan Sambutan Ambang Merdeka.

Program Merdeka@komuniti telah dilaksanakan di 15 buah negeri, 149 buah daerah, 298 buah K1M, 809 buah sekolah menengah dan mengadakan 61 aktiviti di setiap hentian KMJG di seluruh negara yang melibatkan 1,317 lokasi. Penglibatan masyarakat adalah tinggi, iaitu sejumlah 628,900 orang sepanjang tempoh Julai sehingga September 2018.

PUBLISITI LUAR

Penyampaian Maklumat kepada Golongan Sasar

Unit Publisiti Luar merupakan salah satu unit di Bahagian Komunikasi Visual dan Seni Reka. Unit ini bertanggungjawab menyelaraskan kempen visual yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan Malaysia untuk dihebahkan ke ruang-ruang pengiklanan seluruh negara. Unit ini juga bertanggungjawab mengurus dan menyelia sebanyak 426 ruang paparan kekal milik Jabatan Penerangan Malaysia di seluruh negara.

JADUAL 1: JUMLAH PAPARAN JABATAN MENGIKUT SAIZ, RUANG DAN STRUKTUR

| Bil | Bulan | Ruang | Struktur |
|---------------------------|--------------|------------|------------|
| 1. | 4' x 6' | 142 | 142 |
| 2. | 8' x 10' | 97 | 49 |
| 3. | 10' x 40' | 71 | 71 |
| 4. | 12' x 28' | 41 | 21 |
| 5. | 16' x 10' | 67 | 67 |
| 6. | 20' x 80' | 1 | 1 |
| 7. | 10' x 20' | 1 | 1 |
| 8. | Showcase R&R | 6 | 6 |
| Jumlah keseluruhan | | 426 | 358 |

Program-program di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Jabatan Penerangan Malaysia

Selain kempen dan program rasmi kerajaan, pemasangan bahan publisiti dan promosi juga dijalankan bagi menyokong program-program yang dianjurkan oleh pihak KKMM dan Jabatan Penerangan (JaPen) seperti Program MyMerdeka, Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Kebangsaan 2018, Pertandingan Pidato Kenegaraan peringkat Kebangsaan 2018, Program Pewaris Muda peringkat Kebangsaan 2018 serta Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JaPen. Antara bahan publisiti dan promosi yang sering digunakan ialah gegantungan (*bunting*) dan kain rentang (*banner*). Pada tahun ini, sebanyak 3,424 unit gegantungan dan kain rentang telah dipasang untuk mempromosikan program-program di bawah KKMM dan JaPen bagi menarik perhatian dan kehadiran orang ramai ke lokasi program.



➤ Gegantungan Sambutan Hari Kebangsaan 2018 berukuran 3' x 14' di Lebuhraya Sentosa, Putrajaya.

Kerjasama G2G

Khidmat Jabatan Penerangan Malaysia juga diperlukan dalam membantu jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mengadakan hebah dan publisiti bagi Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa kali ke-60 tahun 1439H, Sambutan Maal Hijrah peringkat Kebangsaan Tahun 1440H dan Sambutan Maulidur Rasul SAW peringkat Kebangsaan tahun 1440H.

Kerjasama Rakan Strategik

Pada tahun 2018, Jabatan Penerangan Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan Rakan-rakan Strategik untuk memapar dan menyiarkan bahan-bahan promosi dan publisiti pada paparan konvensional dan digital milik syarikat swasta yang di bawah penguasaan serta seliaan Rakan-rakan Strategik.

Antara kempen dan program rasmi kerajaan yang dilaksanakan ialah Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku serta Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 dan Perutusan Khas Perdana Menteri.

Rakan-rakan Strategik yang terlibat ialah seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Warisan Advertising Sdn. Bhd. (WarisanAd), Malaysia Airport (Sepang) Sdn. Bhd., Syarikat 3thirds Inc Sdn. Bhd., Syarikat Hi-Q Media (Malaysia) Sdn. Bhd. (PowerScreen), Syarikat Alloy Advertising Sdn Bhd (AlloyMTD), Syarikat Ganad Media Sdn. Bhd., Syarikat Danwan Corporation Sdn. Bhd., Syarikat Sky Blue Media Sdn. Bhd., Express Rail Link Sdn. Bhd. (KLIAekspres/ERL), Syarikat Gafas Infinity Sdn. Bhd., Syarikat LEDtronics Sdn. Bhd.,

Syarikat Optimal Media Sdn. Bhd., Syarikat Yes Media dan Syarikat Aim Max Media.



- ▶ Siaran Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku pada paparan LED milik Syarikat Ganad Media Sdn. Bhd. di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.



- ▶ Siaran Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku pada skrin LED *Flights Information Display System* (FIDS) milik Malaysia Airport (Sepang) Sdn. Bhd. di KLIA2.



- ▶ Siaran Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku pada paparan LED milik Syarikat 3thirds Inc Sdn. Bhd. di KL Sentral, Kuala Lumpur.



- ▶ Paparan Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku pada paparan jenis *Freestanding* milik Syarikat Alloy Advertising Sdn. Bhd. (AlloyMTD) di MRR2, Selangor.



- ▶ Siaran Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku pada paparan LED milik Syarikat Danwan Corporation Sdn. Bhd. di Jalan Duta, Kuala Lumpur.



- ▶ Siaran Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Sayangi Malaysiaku pada paparan LED milik Syarikat Danwan Corporation Sdn. Bhd. di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

| Bil. | Kempen dan Program yang dijalankan | Unit |
|---------------------------|--|--------------|
| 1. | Paparan sementara untuk Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran peringkat Kebangsaan tahun 1439H/2018M | 7 |
| 2. | Kempen Pilihan Raya Umum (PRU) termasuk Bodywrap | 626 |
| 3. | Membuka semula visual lama pada paparan | 613 |
| 4. | Paparan sementara untuk Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa kali ke-60 tahun 1439H | 6 |
| 5. | Perutusan Khas Perdana Menteri termasuk Showcase | 110 |
| 6. | Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 termasuk <i>Showcase</i> dan <i>Bodywrap</i> | 37 |
| 7. | Kempen Sayangi Malaysiaku termasuk <i>Showcase</i> | 332 |
| 8. | Kempen Kibar Jalur Gemilang (Sambutan Hari Malaysia) termasuk <i>Showcase</i> | 116 |
| 9. | Paparan sementara untuk Majlis Sambutan Maal Hijrah peringkat Kebangsaan tahun 1440H/2018M | 3 |
| 10. | Paparan sementara dan paparan LED untuk Pertandingan Pidato Kenegaraan peringkat Kebangsaan 2018 | 4 |
| 11. | Paparan sementara untuk Program Pewaris Muda peringkat Kebangsaan 2018 | 1 |
| 12. | Paparan sementara untuk Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JaPen | 5 |
| 13. | Paparan sementara untuk Majlis Maulidur Rasul S.A.W peringkat Kebangsaan 2018M | 2 |
| 14. | Kempen Belanjawan 2019 termasuk <i>Showcase</i> | 56 |
| 15. | Kempen Perincian Belanjawan 2019 mengikut Sektor | 264 |
| 16. | Kempen Kesedaran Jenayah Siber | 19 |
| 17. | Kempen <i>Love Scam</i> | 18 |
| Jumlah keseluruhan | | 2,219 |

Penyelenggaraan Paparan

Dalam memastikan setiap paparan Jabatan Penerangan Malaysia sentiasa berada dalam keadaan yang baik, kerja-kerja menyelenggara dan membaik pulih pada 50 unit paparan turut dilakukan. Skop kerja adalah merangkumi mengecat struktur paparan, mengganti bahan yang berkarat dan membersihkan kawasan sekitar paparan.



➤ Kerja-kerja penyelenggaraan struktur paparan bersaiz 10' X 40' di Bulatan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah.



➤ Kerja-kerja penyelenggaraan struktur billboard bersaiz 10' X 40' di Simpang 3 Jalan Ladang Tebu ke Padang Besar, Perlis.

| Bil. | Paparan | Unit |
|----------------------------------|---|-----------|
| 1. | Membaik pulih paparan berukuran 4 kaki x 6 kaki di Lubuk Merbau, Sri Iskandar dan Lenggong (Perak) serta di Kuala Kangkong (Kedah). | 4 |
| 2. | Menyelenggara paparan berukuran 12 kaki x 28 kaki di DUKE dan Jalan Duta, W.P. Kuala Lumpur. | 2 |
| 3. | Membaik pulih paparan berukuran 10 kaki x 40 kaki di Perlis. | 5 |
| 4. | Membaik pulih paparan berukuran 10 kaki x 40 kaki di Batu Anam, Segamat, Johor. | 1 |
| 5. | Menyelenggara paparan pelbagai saiz di Pulau Pinang. | 19 |
| 6. | Membaik pulih paparan berukuran 8 kaki x 10 kaki di Johor Bahru, Johor. | 1 |
| 7. | Membaik pulih paparan berukuran 10 kaki x 40 kaki di Sipitang, Sabah. | 1 |
| 8. | Membaik pulih paparan berukuran 16 kaki x 10 kaki di Grand Dorsett, W.P. Labuan. | 1 |
| 9. | Membaik pulih paparan berukuran 16 kaki x 10 kaki di Seremban, N.Sembilan. | 1 |
| 10. | Membaik pulih paparan berukuran 12 kaki x 28 kaki di Beranang, Selangor. | 2 |
| 11. | Membaik pulih paparan berukuran 16 kaki x 10 kaki dan 10 kaki x 40 kaki di Lubuk Merbau dan Pengkalan Hulu, Perak. | 2 |
| 12. | Membaik pulih paparan berukuran 16 kaki x 10 kaki di Rembau, N.Sembilan. | 1 |
| 13. | Membaik pulih paparan berukuran 4 kaki x 6 kaki dan 10 kaki x 40 kaki di Langkawi (3 unit) dan Kulim, Kedah. | 4 |
| 14. | Menyelenggara paparan pelbagai saiz di Terengganu. | 6 |
| Jumlah keseluruhan (unit) | | 50 |



MEMPERKASA PERKHIDMATAN PENYIARAN YANG BERKUALITI DAN TERKINI

Perkhidmatan penyiaran yang berkualiti dan terkini bukan sahaja menyokong wawasan negara, bahkan mengutamakan objektiviti dan pemaparan fakta, menggambarkan masyarakat berbilang kaum, menghormati sensitiviti rakyat serta memaparkan keindahan dan kemajuan negara.

Sehubungan dengan itu, setiap program atau rancangan perlu disusun secara teliti bagi memenuhi keperluan setiap lapisan masyarakat sebagai medium untuk mendapatkan maklumat, hiburan serta pendidikan.


Industri penyiaran juga penting dalam membentuk pola pemikiran masyarakat yang positif dan dinamik. Ini adalah selaras dengan peranan kementerian dan agensinya sebagai penyampai maklumat dan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat bagi tujuan pembangunan negara secara holistik.

TERAS STRATEGIKS

INPUT PENCAPAIAN KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI BAGI PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN KKMM 2019

Pendigitalan Penyiaran Nasional (DTT & HBBTV)


- Bernama TV mendokong rancangan kerajaan untuk menukar siaran analog kepada digital di bawah projek pendigitalan penyiaran nasional (Digital Terrestrial Television).
- Terlibat secara langsung dalam siaran percubaan MY FREEVIEW. Bernama TV bersiaran dengan Saluran 121 yang dibekalkan oleh MY FREEVIEW pada Oktober 2016.




Peningkatan Kualiti Kandungan Siaran (TV & Radio)

Bername TV mengikut teknologi dan arus semasa dengan meningkatkan kandungan siaran TV dengan menerbitkan lebih daripada 80 program bermutu dalam bentuk HD bagi tatapan seluruh rakyat Malaysia.

MONTHLY VIEWER TREND (NEWS PACKAGE CHANNELS)



PURATA PENONTON TAHUNAN (SIARAN PAKEJ BERITA ASTRO)




PENCAPAIAN

Walaupun BNC berada di tempat ke-2, peningkatan penonton BNC lebih positif kerana meningkat sebanyak 53% berbanding Awani, iaitu sebanyak 42%

Penaiktarafan & Penambahbaikan Infrastruktur

- Naik taraf sistem di Bernama TV sebelum ini, SD kepada HD adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk beralih kepada siaran TV digital sepenuhnya pada akhir Oktober 2019.
- Segala penambahbaikan telah dilaksanakan dalam pelbagai sudut, program dan berita dapat dibuat dengan menggunakan set virtual yang lebih moden disertakan dengan keupayaan grafik secara *augmented* membuatkan mutu persembahan grafik lebih hidup dan menarik serta dapat menyuntik data secara *live* untuk pelbagai program.
- Segala rakaman program dalam bentuk HD setanding dengan TV lain buat masa sekarang.



Pada dahulunya, Bernama TV hanya bergantung pada ASTRO 502 dan jumlah penonton terhad tetapi buat masa sekarang, Bernama TV telah berada di dalam DTT dan mendapat *coverage* penonton sebanyak 98 peratus dan membolehkan Bernama TV menambah pendapatan dari komersial. Teknologi canggih dapat meningkatkan *rating* penonton dan penambahan program baharu.



MEMANGKIN INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF YANG BERDAYA SAING DAN BERTARAF GLOBAL

Pembangunan industri kandungan kreatif yang komprehensif dapat meningkatkan sumbangan kepada KDNK negara sekaligus menyumbang kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Kandungan industri kreatif seperti filem, drama dan animasi mampu menjadi eksport yang menguntungkan negara jika produk yang dihasilkan berkualiti. Penggiat industri hiburan perlu memahami minat dan cita rasa pasaran luar negara bagi memastikan produk mereka dapat diterima dan tidak hanya bergantung kepada pasaran tempatan sahaja.

Bagi memastikan pembangunan industri kandungan kreatif negara terus mencapai kemajuan, pembangunan profesion karyawan industri khususnya dalam kalangan generasi muda perlu terus diperkasakan melalui pelbagai inisiatif dan galakan.

Industri kandungan kreatif mampu memacu pembangunan kemahiran, kreativiti dan potensi karyawan generasi muda melalui platform pendidikan formal yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Kementerian akan terus mendukung strategi pembangunan modal insan dalam merencanakan pelan strategik industri kreatif ini.



TERAS STRATEGIK 6

UNIT PUSPAL

Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem & Persembahan Artis Luar Negara


Berdasarkan keputusan kabinet pada tahun 2001, sebuah agensi pusat hiburan ditubuhkan bagi menyelaraskan & menimbangkan semua permohonan bagi penggambaran filem dan persembahan Artis Luar Negara.

Jawatankuasa PUSPAL (JK-PUSPAL) diwakili oleh 17 Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mempertimbangkan permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN melalui satu proses setempat yang diurusetiaikan oleh Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL di bawah Kementerian Komunikasi & Multimedia.

Sepanjang tahun 2018, JK-PUSPAL telah bermesyuarat sebanyak 52 kali secara mingguan. Mesyuarat telah membuat pertimbangan terhadap sejumlah 1,952 permohonan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,826 permohonan diluluskan, 77 ditolak dan 31 dibatalkan melibatkan kemasukan seramai 10,499 ALN dan KLN.

PERPECAHAN PERMOHONAN PENGGAMBARAN FILEM & PERSEMBAHAN ARTIS LUAR NEGARA MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2018




Lain-lain

- Promosi
- Seni Silat
- Akrobatik
- Opera
- Silap Mata
- Tarian
- Teater
- Pengacara
- Filem

Jumlah
Keseluruhan
Permohonan
1,952

PEMATUHAN PUSPAL

PEMANTAUAN BAGI TAHUN 2018



UNIT PUSPAL

Skim Wajib Tayang


Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usahasama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pempamer. Kewajipan pempamer hendaklah menayangkan filem yang diluluskan selama empat belas (14) hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.

Di bawah Skim Wajib Tayang, sebanyak 50 buah filem telah ditayangkan pada tahun 2018. Bilangan penayangan filem ini telah menurun sebanyak 15% berbanding pada tahun 2017, iaitu sebanyak

59 buah filem. Walaupun bilangan penayangan filem menurun tetapi jumlah kutipan kasar pada tahun 2018, iaitu RM120,334,017.87 telah meningkat sebanyak 107% berbanding tahun 2017 sebanyak RM58,202,864.68. Peningkatan jumlah kutipan kasar tersebut adalah disebabkan filem-filem yang dikeluarkan pada tahun ini banyak mendapat sambutan penonton di pawagam.

Maklumat ringkas perbandingan kutipan kasar filem di bawah Skim Wajib Tayang pada tahun 2014 sehingga 2018 adalah seperti berikut:-

PERBANDINGAN KUTIPAN KASAR FILEM DARIPADA TAHUN 2014 SEHINGGA 2018



Sebanyak 9 buah filem daripada 50 buah filem yang ditayangkan telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1 juta pada tahun 2018 dengan jumlah kutipan RM113,712,945.28. Bilangan filem yang ditayangkan pada tahun 2018 menurun tetapi jumlah kutipan jualan tiket meningkat berbanding tahun 2017 dengan jurang perbezaan berjumlah RM62,131,153.19. Kutipan tiket yang tertinggi, iaitu sebanyak RM37.7 juta adalah bagi filem cereka berjudul 'Munafik 2' terbitan Skop Production Sdn. Bhd. Daripada 50 buah filem tersebut 28 filem Bahasa Malaysia, 13 filem Bahasa Mandarin, 8 filem Bahasa Tamil dan 1 filem Bahasa Inggeris.


Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC)

Pada tahun 2016, kerajaan melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), sebanyak RM30 juta telah disediakan bagi pembayaran Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) kepada penerbit. Insentif ini adalah bantuan pihak kerajaan untuk membantu pengeluar filem tempatan. Kerajaan masih meneruskan pemberian insentif ini kerana menyedari kepentingan industri kandungan kreatif yang boleh menyumbang kepada ekonomi negara

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 41 buah filem cereka telah menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM3,308,120.25.

Daripada 41 buah filem cereka yang telah menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC), 21 filem Bahasa Malaysia, 14 filem Bahasa Mandarin dan 6 filem Bahasa Tamil.

BILANGAN FILEM MENERIMA ITFC MENGIKUT BAHASA PADA TAHUN 2018



Antara penerima ITFC ialah Syarikat Three Pictures Sdn. Bhd. (*The Kid From The Big Apple 2 : Before We Forget*), Syarikat Aura White Global Sdn. Bhd. (*Pinjamkan Hatiku*), Syarikat Viper Studios Sdn. Bhd. (*KL Special Force*), Syarikat S Cape Imagination Sdn. Bhd. (*The Farm : En Veettu Thottathil*) dan ramai lagi penerima dana yang lain.



➤ Majlis Penyampaian ITFC Bil. 3/2018 pada 6 Disember 2018 di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS

Mediatheque & Museum Of Moving Images (MOMI)

Mediatheque merupakan pusat maklumat yang memfokuskan 4 teras utama, iaitu pembangunan prasarana koleksi ilmu, mempromosikan bahan koleksi dan perkhidmatan, penyediaan dan memperkaya koleksi serta mendokumentasi dan menyediakan perkhidmatan rujukan bahan kandungan kreatif sebagai warisan / khazanah negara.

Bahan-bahan audio visual dalam pelbagai format yang disimpan dalam bilik kawalan 'film vault' adalah bernilai sejarah dan merupakan aset khazanah negara. Sehingga Disember 2018, bahan audio visual bagi koleksi Dokumentari / Treler / Cereka adalah sebanyak 4,119 tajuk (1,212 jam), koleksi Liputan Arkib sebanyak 6,700 liputan (2,098 jam) dan koleksi bahan Pita Audio sebanyak 16,883 pita (8,441 jam). Koleksi audio visual yang telah dibuat alihan format digital boleh diakses dan pratonton melalui terminal yang disediakan di ruang Mediatheque.

Selain itu, perkhidmatan rujukan lain yang boleh didapati di Mediatheque adalah seperti koleksi buku rujukan, langganan majalah tempatan dan antarabangsa (27 judul), keratan akhbar tempatan berjilid berkaitan industri, laporan tahunan, gambar pegun, poster dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2018 jua, pelbagai aktiviti dan program telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak. Sebanyak 34 lawatan dan 22 program pameran telah berjaya diadakan bagi mencapai matlamat mendekatkan masyarakat

dengan koleksi khazanah audio visual negara. Hasil daripada lawatan dan program pameran yang telah diadakan ini, FINAS telah berjaya mengumpul sejumlah 9,937 pengunjung yang terdiri daripada penggiat industri, pelajar dan masyarakat. Melalui program yang telah diadakan, para pengunjung dapat lebih mengenali dengan lebih dekat FINAS sekaligus dapat menjadikan *Mediatheque* FINAS sebagai hab khazanah kandungan kreatif negara. Prasarana untuk kemudahan dan keselesaan pengguna juga telah dilaksanakan seperti bilik pratonton bahan koleksi, terminal pencarian bahan koleksi, sudut interaktif, perkhidmatan dalam talian (*online*), kemudahan internet berkelajuan tinggi (*100 Mbps*) dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk memberikan pengalaman yang berbeza kepada pengunjung.

Museum Of Moving Images (MOMI) merupakan muzium imej bergerak pertama di rantau Asia Tenggara yang didedikasikan khas bagi tujuan pameran dan pembelajaran industri perfileman tempatan. Muzium ataupun galeri industri perfileman menjadi platform bagi pameran bahan sedia ada untuk masyarakat memahami tentang industri perfileman. *MOMI* juga menyediakan lawatan berpandu kepada pengunjung untuk menyaksikan proses produksi, pasca produksi dan restorasi bahan kandungan digital bagi memupuk minat masyarakat umum melalui pengetahuan dan pemahaman bagi proses penerbitan, pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah kandungan kreatif negara. Sepanjang tahun 2018, sejumlah 9,937 pengunjung telah melawat muzium perfileman ini.



➤ Lawatan Kerja YB Tuan Gobind Singh Deo Menteri KKMM ke FINAS Petaling Jaya pada 25 Jun 2018

Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI)

Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (*Film in Malaysia Incentive-FIMI*) diwujudkan bagi membantu perkembangan dan kemajuan industri kandungan tempatan di samping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi penggambaran filem asing. *Film In Malaysia Incentive (FIMI)* merupakan rebat tunai sebanyak 30% bagi perbelanjaan aktiviti-aktiviti produksi dan pasca produksi kepada syarikat produksi dan pos-produksi tempatan dan juga kepada syarikat produksi luar negara berdasarkan kepada perbelanjaan sepanjang penggambaran di Malaysia (*Qualifying Malaysian Production Expenditure-QMPE*) yang diaudit dan menepati beberapa terma dan syarat-syarat khusus seperti yang digariskan dalam *Film In Malaysia Guidelines*. Bagi tahun 2018 sejumlah RM163.7 juta pelaburan produksi asing dan tempatan telah dicatat melalui 2 projek tempatan dan 5 projek asing.

Pencapaian Filem Tempatan di Platform Antarabangsa

Kementerian juga komited untuk mengangkat filem-filem Malaysia bagi menembusi platform antarabangsa melalui penyertaan di festival-festival filem di luar negara. Usaha ini terbukti dengan penyertaan sebanyak 87 buah filem tempatan yang merangkumi filem cereka, filem pendek, dokumentari, drama/telemovie dan filem animasi pada tahun 2018. Sebanyak 21 buah filem telah memenangi pelbagai anugerah festival luar negara seperti Filem Sughamaai Subbulakhsmi yang memenangi anugerah Pengarah Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik di *9th Norway Tamil Film Festival*, Filem Redha yang memenangi anugerah *Cultural Exchange Prize For a Feature Film* di *6th Seoul Guro International Kids Film Festival*, Filem *A House of Happiness* yang memenangi anugerah *Best Cantonese Film* di *6th Vancouver Chinese Film Festival*, Filem Animasi *The Cliff House* yang memenangi anugerah *Best of Award Best Animation Film* di *Youth Indie Film Festival*, Filem Guang yang memenangi anugerah *Best New Director* dan *Best New Actor* di *13th Chinese Youth Generation Film Forum*, Filem Adiwiraku yang memenangi anugerah Khas Kepujian di *48th Roshd Interational Film Festival 2018* dan beberapa filem lagi.

Eksport Kandungan Kreatif Tempatan

Kementerian melalui FINAS juga mengambil inisiatif untuk membantu penerbit kandungan kreatif tempatan dalam memasarkan produk mereka di pasaran filem antarabangsa bukan sahaja di peringkat Asia malah sehingga ke Eropah. Pasaran filem ini juga merupakan platform terbaik penerbit kandungan tempatan untuk mewujudkan *networking* dengan penerbit kandungan dari luar negara. Bagi tahun 2018, sebanyak 3 pasaran filem yang telah disertai, iaitu *Hong Kong Filmart* di Hong Kong, *MIPCOM* di Cannes, *Perancis* dan *Asia Television Forum (ATF)* di Singapura dengan nilai jualan berjumlah RM101.532 juta manakala sebanyak RM8.24 juta nilai eksport yang tidak melalui pasaran filem telah diperolehi pada tahun tersebut.

Program Pemerksaan Modal Insan Industri Perfileman

Program pemerksaan Modal Insan industri perfileman merangkumi program Program Pemacuan, Pembangunan Kemahiran, Perkongsian Idea dan Kesedaran Kreatif. Antara aktiviti yang dijalankan di bawah program ini adalah seperti bengkel & masterclass, seminar, simposium, forum & apresiasi filem, menyediakan platform untuk belia industri kreatif, program yang menggalakkan inovasi & penciptaan IP serta kerjasama strategik dengan persatuan perfileman, penggiat industri, agensi kerajaan atau NGO.

Bagi tahun 2018 seramai 2,655 orang telah menyertai 47 buah program/aktiviti yang dianjurkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk persatuan, badan bukan kerajaan, Institut Pengajian Tinggi dan syarikat swasta. Antara program utama yang telah dijayakan adalah seperti berikut:-

Underwater Cinematography – Open Water Dive & Advance Underwater Course For Crew

Tarikh : 8-11 Oktober 2018
 Tempat : Pulau Tenggol, Terengganu
 Jumlah Peserta : 15 orang (*Open Water Dive*); 10 orang (*Advance*)

Ini merupakan tahun kedua FINAS telah bekerjasama dengan Malaysian Society Of Cinematographers (MySC) dalam menganjurkan dua siri bengkel *Underwater Cinematography*, iaitu *Open Water Dive* (Pengenalan) dan *Advance* (Lanjutan). Objektif bengkel adalah bagi melahirkan pekerja filem tempatan yang mahir dalam bidang '*Underwater Filming*' dan mendapat pengiktirafan '*Advance Diver*'. Bengkel tersebut telah disertai oleh ahli-ahli persatuan industri seperti MySC, Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM), Persatuan Pekerja Profesional Filem Nasional (PROFIMA), Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) dan banyak lagi. Tenaga pengajar bengkel adalah En. Emran Taib, En. Mohammad Shamsul Bartan & En. Diki Zulkarnain Md Shahrom.





Bengkel Stunt Masterclass

Tarikh : 26 November 2018 - 5 Disember 2018
Tempat : Movie Animation Park Studios, Ipoh, Perak
Jumlah Peserta : 23 orang

Dengan kerjasama Persatuan Pekerja Filem Profesional Malaysia (PROFIMA), FINAS telah berjaya mennganjurkan program Stunt Masterclass dengan sokongan MAPS Perak. Bengkel ini yang juga merupakan kali kedua pernah diadakan bertujuan untuk menyediakan platform latihan formal bg menaiktaraf kualiti kemahiran 'stuntmen' tempatan. Peserta yang terdiri daripada para ahli PROFIMA & kakitangan MAPS mengikut latihan aksi bertaraf antarabangsa dari Australian Stunt Academy melalui tenaga pengajar utama iaitu En. Colin Handley



Bengkel Intensif Koordinasi Pengurusan Logistik Perfileman Langkawi

Tarikh : 2 - 6 Disember 2018
Tempat : Hotel Adya, Langkawi.
Jumlah Peserta : 30 orang

Program ini melibatkan perkongsian ilmu dalam pengetahuan pengurusan produksi dan kemahiran sebagai kru penggambaran melalui teori dan praktikal untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang tersebut. Program yang disertai seramai 30 orang peserta ini merupakan kerjasama pertama kali antara FINAS dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Pertubuhan Inovasi Digital Malaysia (PIDM).



Bengkel *Motion Capture*

Tarikh : 27 - 28 November 2018
Tempat : Royal Chulan, Damansara, Selangor
Jumlah Peserta : 30 orang

Bengkel ini telah dilaksanakan oleh Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) dengan sokongan utama FINAS dan Summit Features Sdn Bhd selaku pengedar tunggal dan teknikal bagi sistem *VICON Motion Capture*. Tujuan bengkel ini adalah bagi memberi pengenalan tentang MOCAP khusus kepada kelompok produser dan penggiat industri perfileman termasuk dalam bidang animasi dan membangunkan kepakaran tempatan seterusnya meningkatkan

peluang pekerjaan dalam bidang ini di Malaysia. Tenaga pengajar bengkel adalah Dr. Aaron Chin (Jurutera Kanan, VICON Asia Pasifik), Max Cowen (Sokongan Pelanggan, VICON), Kris Kamarudin (Animator & Pengarah Kreatif, Montagu Studios) dan Dr Kim Rachel Duffy (Jurutera Sokongan, VICON UK).



Seashorts Film Festival 2018

Tarikh : 1- 5 Ogos 2018
Tempat : Khazanah Nasional Berhad,
Georgetown, Pulau Pinang
Jumlah Peserta : 160 orang

SEAShorts Film Festival merupakan program yang menghimpunkan filem-filem pendek dari sekelompok negara di Asia Tenggara termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam dan banyak lagi. Pelbagai sesi perkongsian yang diadakan sepanjang festival ini termasuk tayangan filem pendek diikuti sesi soal jawab; forum dengan panel yang terdiri daripada kalangan penggiat industri, agensi kerajaan dan akademik; *masterclass* dan bengkel filem pendek.



Connectasia 2018: Symposium & Networking Event

Tarikh : 29 - 30 November 2018
Tempat : Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur
Jumlah Peserta : 260 orang

Untuk kali kedua, FINAS dengan kerjasama *Creative Content Association Malaysia (CCAM)* telah berjaya menganjurkan program ConnectAsia 2018, sebuah program yang fokus dalam mempamerkan kandungan tempatan kepada delegasi kandungan kreatif luar negara, berkongsi maklumat mengenai trend pemasaran & teknologi, permintaan kandungan di pasaran antarabangsa, perkongsian idea mengenai projek filem tempatan yang berjaya dan

banyak lagi. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi & Multimedia dan disertai oleh ramai penggiat industri tempatan dan antarabangsa dari USA, Australia, Indonesia, Amerika Latin, Singapura, Lebanon, India & lain-lain.



Selling Your Story To The International Market-ASD

Tarikh: 1 - 2 Disember 2018

Tempat: Qliq Hotel, Damansara Perdana, Selangor

Jumlah Peserta: 16 orang

Program anjuran FINAS & Persatuan Dokumentari Malaysia (MyDocs) ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penggiat industri dokumentari untuk mempelajari lebih lanjut mengenai *pitching* untuk dana bagi projek dokumentari mereka di pasaran antarabangsa. Tenaga pengajar menggalakkan peserta untuk membuat pembentangan mengenai projek masing-masing dan mengadakan sesi perbincangan tentang bagaimana untuk menambahbaik pembentangan masing-masing. Peserta mendapat peluang berkongsi ilmu dengan En. Gary Kam (Korea) dan Jane Mote (Britain).



MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)

Peranan ekonomi digital sebagai pemacu pembangunan negara menjadi semakin rancak dengan peningkatan kadar transformasi global yang dipacu oleh teknologi baharu yang semakin meningkat. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah diberi mandat memacu ekonomi digital negara.

Dengan kitaran arus ekonomi global yang dinamik sepanjang tahun 2018, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah menunjukkan trend peningkatan sejak tahun 2010. Sumbangan Ekonomi Digital kepada KDNK negara pada 2017 telah mencapai 18.3% bersamaan RM247.18 bilion. Sektor Ekonomi Digital negara kini berada di landasan yang betul bagi mengecap sasaran regangan 20% kepada KDNK menjelang 2020 dan diiktiraf sebagai sektor ekonomi negara yang paling pesat berkembang.

eCommerce

Bidang eDagang merupakan sektor bukan ICT yang menjadi penyumbang utama sebanyak RM68.9 bilion dengan peningkatan pesat sebanyak 14.3% kepada RM 85.8 bilion pada tahun 2017 dari RM 75 bilion pada tahun 2015. (Sumber daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), MDEC, Laporan Analisis A.T. Kearney)

Dalam usaha menggalakkan eDagang serta perniagaan online, MDEC dengan kerjasama Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) juga telah melaksanakan program #MYCYBERSALE yang bertujuan memangkin pembangunan industri eDagang serta menggalakkan syarikat-syarikat *eTailers* (penjual dalam talian) serta syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menggunakan eDagang bagi meluaskan pasaran serta meningkatkan permintaan dan jualan. #MYCYBERSALE adalah program tahunan jualan dalam talian (*online*) yang menawarkan diskaun menarik dan perkhidmatan tambah nilai kepada pembeli online yang telah diperkenalkan bermula tahun 2014. Pada 2018, program #MYCYBERSALE ini telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 1,200 *eTailers* untuk mencapai RM390 juta nilai barangan kasar (*Gross Merchandise Value*).

Digital Free Trade Zone

Inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab *fulfillment* eDagang serantau. Sejak pelancaran operasinya pada 23 November 2017, sehingga Disember 2018, sebanyak 6,108 PKS tempatan telah menyertai inisiatif DFTZ.

Berikut adalah beberapa contoh PKS tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran eksport menerusi DFTZ:

- Koperasi Usahawan Groom Big (KUGPIS) dari negeri Perlis yang telah mengeksport produk tempatan seperti kopi dan kuih tradisional ke Ghana, Benin, Pakistan, Hong Kong, Mesir, Filipina, Afrika Selatan dengan nilai eksport lebih RM500 ribu;
- Yan Ming Resources Sdn Bhd dari negeri Selangor yang telah mengeksport sarang burung walit ke China, Bangladesh dan Qatar dengan nilai eksport sejumlah RM20 juta pada tahun 2018;
- Megix Industries Sdn. Bhd. dari Kuala Lumpur, merupakan pengeluar kertas dan penyedia khidmat percetakan, telah berjaya memasarkan produk mereka ke negara seperti UAE, Arab Saudi, Qatar dan Nigeria dengan nilai lebih RM7 juta pada tahun 2018.

Sehubungan itu, Kempen *Malaysia Week* telah dilaksanakan pada 6 hingga 12 Julai 2018 di China dan di platform maya Alibaba. Kempen ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Alibaba yang bertujuan untuk meningkatkan peluang PKS Malaysia untuk mengeksport dan memasarkan produk dan perkhidmatan di China serta di peringkat antarabangsa.

eUsahawan

Program eUsahawan bertujuan untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital kepada usahawan mikro, desa dan belia untuk menjana pendapatan, memasarkan produk dan meningkatkan jualan. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pembelajaran dan latihan kurikulum keusahawanan digital yang diterapkan di TVET dan IPT serta khusus pendek yang dilaksanakan di lokasi tertentu di seluruh negara. Sejak Januari 2016 sehingga Disember 2018, seramai 270,168 usahawan muda dan desa telah dilatih dan daripada jumlah

ini, seramai 92,069 usahawan telah berjaya melaporkan jualan tambahan sebanyak RM421 juta.

eRezeki

eRezeki adalah program yang menyediakan platform digital untuk menawarkan peluang pekerjaan melalui kaedah *crowdsourcing* kepada golongan B40 termasuk generasi muda untuk menjana pendapatan. Melalui kaedah digital ini, masyarakat boleh mengakses pelbagai bentuk pekerjaan dan tugas yang ditawarkan berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan juga kebolehan individu tersebut. Kumpulan sasaran boleh mendaftar dan mendapat latihan eRezeki di pusat dan wakil eRezeki di seluruh negara seperti di Pusat Internet 1Malaysia, Pusat Internet 1Malaysia, Kolej Komuniti dan mini RTC. Sejak Januari 2016 sehingga Disember 2018, seramai 298,827 individu telah dilatih di melalui Pusat dan Wakil eRezeki di seluruh negara. Daripada jumlah ini, seramai 168,494 telah berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhan yang berjumlah lebih RM347 juta.

Malaysia Digital Hub

MDEC turut melaksanakan inisiatif pembangunan Malaysia Digital Hub yang merupakan lokasi fizikal dan diuruskan oleh pihak industri. Inisiatif ini menawarkan ekosistem dan ruang kerja bagi syarikat *startup* atau awalan dan disokong oleh syarikat teknologi global, syarikat *accelerator* dan agensi bakat. Di samping menawarkan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi dan persekitaran kemudahan terkini, *Malaysia Digital Hub* ini juga menawarkan akses kepada program *mentorship* dan *coaching* serta akses pasaran modal kepada syarikat awalan. Sehingga kini sebanyak 7 lokasi pejabat yang telah diberi kelulusan untuk beroperasi seperti berikut:

1. APW, Jalan Riong Bangsar
2. The Co, Lengkok Abdullah Bangsar
3. Common Ground, Wisma UOA Damansara, Changkat Semanathan
4. WORQ, Glo Damansara, Jalan Damansara TTDI
5. iLabs (Sunway Innovation Labs), Menara Sunway, Bandar Sunway
6. Dojo KL, Jalan P. Ramlee
7. Selangor Development Creative Centre (SDCC), iCity, Shah Alam

MDEC Melancarkan Hab Fintech

MDEC telah melancarkan Hab Fintech atau dikenali sebagai Orbit pada suku kedua 2018. Orbit merupakan ruang kerja bagi *startups*, golongan profesional dan korporat bertujuan membantu dalam menstruktur dan menjadi pemangkin kepada ekosistem Fintech. Orbit ini juga mendapat sokongan daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan institusi kewangan bertujuan bagi memberi pendedahan kepada komuniti terhadap beberapa *startups* terkemuka, perkhidmatan kewangan, pembangunan industri dan kewangan Islam.

Hab Inovasi Kewangan Digital (Digital Finance Innovation Hub)

Pada 26 September 2018, *United Nations Capital Development Fund* (UNCDF), Bank Negara Malaysia dan MDEC telah melancarkan Hab Inovasi Kewangan Digital bagi membolehkan penyedia perkhidmatan termasuk institusi kewangan dan *fintech startups* menggunakan teknologi dalam mempromosikan aliran keluar masuk kewangan termasuk produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan bagi memenuhi kehendak dan keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ia juga bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Malaysia dan Asia Tenggara merancang aliran kewangan secara digital bagi memperkasakan kehidupan seharian dengan lebih teratur. Era inovasi kewangan digital ini telah berjaya mencatatkan rekod Malaysia sebagai negara ketiga di ASEAN yang mencapai tahap kemasukan kewangan tertinggi di dunia.

Global Acceleration and Innovation Network (GAIN)

Bagi membangunkan serta memperkasa syarikat teknologi tempatan untuk meningkatkan eksport serta daya saing di peringkat global, MDEC melalui pelaksanaan program Global Acceleration and Innovation Network (GAIN) menyediakan bantuan khidmat nasihat dan kepakaran kepada syarikat teknologi tempatan yang berpotensi untuk dibangun serta diperkasa bagi meningkatkan nilai eksport serta daya saing di peringkat global.

Sebanyak 150 syarikat tempatan berteknologi tinggi telah mendapat manfaat dari program ini khususnya dalam aspek penjenamaan, akses kepada pasaran dan modal serta pembangunan keupayaan kepimpinan. Pada tahun 2017, MDEC melalui program GAIN, telah membantu syarikat-syarikat teknologi tempatan untuk mengeksport produk and perkhidmatan mereka berjumlah RM3.76 bilion, peningkatan sebanyak 11% daripada tahun sebelumnya.

Antara syarikat-syarikat tempatan yang mendapat manfaat daripada program GAIN dan berjaya menembusi pasaran global adalah seperti berikut:

- Aerodyne Group merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan drone. Aerodyne Group ditubuhkan pada tahun 2015 telah berjaya tersenarai di tangga ke-7 sebagai salah satu syarikat terbaik dunia dan telah berkembang ke 22 buah negara dengan tenaga kerja seramai 2060 orang, majoritinya tenaga kerja tempatan
- iPay88 Sdn Bhd merupakan antara syarikat atas talian terbesar di Malaysia dengan transaksi jualan yang mencecah USD 2 billion. iPay88 mempunyai pejabat di 8 buah negara termasuk China, Jepun dan Hong Kong.

Digital Transformation Adoption Program (DTAP)

Program Digital Transformation Acceleration Programme (DTAP) telah ditubuhkan pada 2018 untuk memastikan daya saing mereka dalam era disrupsi digital global. Program ini menyediakan pendekatan berstruktur bagi syarikat-syarikat yang mengambil bahagian untuk memulakan transformasi digital mereka dengan kerjasama pakar global dalam bidang digital atau *Digital Transformation Labs (DTL)*, di mana pakar-pakar ini akan menyediakan pendekatan berstruktur, termasuk perundingan dan kepakaran dalam membangun dan melaksanakan pilot transformasi digital.

Di samping itu, dengan hasil kerjasama di antara pihak MDEC dan MIDA, DTAP juga dilengkapi dengan insentif untuk membantu syarikat-syarikat tempatan memanfaatkan kepakaran pihak *Digital Transformation Labs (DTL)* dalam menangani cabaran perniagaan.

Antara syarikat-syarikat tempatan yang telah menjalani program

DTAP adalah seperti berikut:

- Gamuda Berhad telah mendigitalisasikan proses pemeriksaan bangunan di pusat membeli-belah dengan pengurangan sebanyak 70% dalam jam kerja. Di samping itu, mereka juga memasang sensor IoT untuk membolehkan proses pemantauan jauh terhadap aset mereka serta membolehkan mereka merancang masa bekerja dengan lebih efisien.
- Top Glove telah mendigitalisasikan proses kawalan mutu untuk ujian kimia di kilang pembuatan sarung tangan mereka, di mana ia telah berjaya mencapai 100% pengurangan dalam pergantungan pekerja asing untuk ujian kimia dan pengurangan sebanyak 67% dalam ujian makmal.

Sektor Kandungan dan Teknologi Kreatif

Sehingga 31 Disember 2018, terdapat 352 syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster Kandungan dan Teknologi Kreatif yang menumpukan kepada bidang animasi, kesan visual (VFX) dan permainan digital. Pada tahun 2018, syarikat MSC Malaysia di bawah kluster ini telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM7.69 bilion dan eksport sebanyak RM1.40 bilion. Jumlah pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 11,741.

Penciptaan harta intelek (*Local IPs*) yang semakin meningkat adalah seperti *Legend, Batik Girl, No Straight Roads* dan banyak lagi yang akan disiarkan serta bakal mendapat pengiktirafan dan anugerah di arena antarabangsa dan festival. Semua ini juga disokong oleh beberapa inisiatif dan platform seperti Level Up KL, persidangan Kre8tif, industri *games* dan animasi. Kedua-dua sektor ini telah berjaya melonjakkan industri teknologi dan kandungan kreatif ini dengan merekodkan beberapa pencapaian seperti peningkatan kepada jumlah perwakilan, rangkaian perbincangan dan peningkatan peserta pempamer daripada 35% kepada 100%. Salah satu contoh yang tidak asing lagi bagi pembangunan IP yang telah berjaya dihasilkan oleh syarikat Malaysia adalah Siri Animasi Upin Ipin oleh Les Copaque Studio dengan rekod lebih 12 juta "Like" di Facebook. Pada tahun 2009, filem animasi Geng Pengembaraan Bermula telah berjaya mencatatkan kutipan sebanyak RM6 juta. *Spin-off* dari siri animasi ini, jualan syarikat turut dijana melalui aktiviti *Licensing* dan *Merchandising* (permainan kanak-kanak dan pakaian). Kini siri Upin dan Ipin disalurkan di rangkaian Disney dan mendapat liputan di 14 buah negara termasuk Brunei, Indonesia, Turkey dan Afrika Selatan.

Filem animasi kedua, Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal telah pun ditayangkan di pawagam bermula pada 21 Mac 2019.

Pada tahun 2018 juga, beberapa perjanjian telah dimeterai termasuk syarikat animasi tempatan yang ditubuhkan oleh Monsta dan Animasia dengan Takara Tomy juga taman tema di Johor. Ekosistem teknologi kreatif ini disokong oleh pemain industri terkemuka dan telah memenangi beberapa anugerah yang beroperasi di Malaysia seperti OLM dan BaseFX.

Pada tahun 2018, sektor pembangunan permainan digital dilihat semakin pesat berkembang di Malaysia. Malaysia telah berjaya menduduki tangga ke-21 dan telah meraih pendapatan kasar sebanyak AS\$654juta pada 2018 mengatasi negara Belanda dan Poland.

Manakala bidang sukan permainan digital atau *eSports* juga merupakan bidang yang mempunyai potensi besar dan kian berkembang di Malaysia dan rantau ini. Tahun 2018 menyaksikan peningkatan minat dan penyertaan dalam bidang *eSports* di Malaysia dengan mencatatkan jumlah sebanyak 1.4 juta peminat *eSports*. Manakala di Asia Tenggara, terdapat lebih daripada 11.2 juta peminat *eSports* dan dijangka meningkat lebih dua kali ganda pada 2019.

Pembangunan Bakat Berteraskan Teknologi Digital

Pada tahun 2018 juga, MDEC telah bekerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan dalam menubuhkan pusat latihan dan kemahiran *cybersecurity* bagi memastikan ekonomi digital terus berkembang pesat. Pusat latihan dan kemahiran *cybersecurity* ini diaspirasikan dengan kerjasama dari sektor awam dan swasta seperti Zon Pembangunan Bakat *Cybersecurity* yang dilaksanakan oleh Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) dan Tecforte (MSC) pada Oktober 2018 dengan Security Operations Centre (SOC). Idea ini terus diperluaskan lagi dengan penubuhan program pembangunan kapasiti *cybersecurity* atau dikenali sebagai Asia Cybersecurity Exchange (Asia CyberX) yang dianjurkan oleh LGMS dan ACE Group dan disokong oleh MDEC.

#mydigitalmaker Fair


MDEC juga bekerjasama dengan rakan industri melaksanakan acara tahunan #mydigitalmaker Fair. #mydigitalmaker Fair 2018 telah diadakan pada 29-30 September 2018 yang lalu di Axiata Arena Bukit Jalil yang telah berjaya menarik kehadiran seramai lebih 15,000 pelawat termasuk pelajar, guru dan ibubapa dan 50 rakan Industri. Program ini telah menyaksikan pelbagai pertandingan, bengkel bersama guru dan ibubapa, sesi perbincangan mengenai kerjaya masa depan, dan pameran robotik, *drone*, pembangunan permainan dan aplikasi, pembuatan digital dan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh industri dan pelajar.

Melalui program mydigitalmaker, MDEC dan rakan-rakan akademia, industri dan NGO akan mengenal pasti 1,000 pencetus inovasi digital muda terbaik dan membantu mereka dalam permohonan untuk mendapatkan biasiswa dan penempatan di universiti terulung digital teknologi tempatan. Bagi bakat-bakat terbaik dalam kalangan yang terbaik, MDEC akan membantu mereka dalam permohonan untuk mendapatkan biasiswa dan penempatan di universiti global terulung seperti Universiti Cernegie Mellon, Universiti Stanford dan MIT.

Premier Digital Tech University

MDEC juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi program *Premier Digital Tech University* bagi meningkatkan kurikulum Institusi Pengajian Tinggi berdasarkan permintaan industri, padanan kerjaya dan latihan industri serta penempatan kepada pelajar-pelajar yang telah mengikuti program #mydigitalmaker. Ia juga bertujuan mengiktiraf dan menaiktraf Institusi Pengajian Tinggi yang cemerlang dalam pelaksanaan penggunaan teknologi digital. Sebanyak 3 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 5 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan 5 Politeknik telah dianugerahkan status *Premier Digital Tech Universities* dan *Preferred Digital Tech Polytechnics*.

Tahun 2018 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 33% berbanding tahun 2017 dari segi kemasukan pelajar melanjutkan pelajaran di *Premier Digital Tech Universities*. Peratus kebolehpasaran bagi kesemua *Premier Digital Tech Universities* turut menunjukkan peningkatan dari 88% pada tahun 2017 kepada 95% pada tahun 2018.



PENGURUSAN TADBIR URUS DAN PEMANTAPAN KAPASITI ORGANISASI

Bagi memastikan visi kementerian tercapai, pengurusan tadbir urus dan pemantapan kapasiti organisasi merupakan asas bagi melancarkan pelaksanaan keenam-enam teras strategik kementerian.

Kementerian perlu mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kompetensi bagi memenuhi ekspektasi pemegang taruh agar mampu menghadapi perubahan yang semakin kompleks kesan daripada globalisasi, kemajuan teknologi dan aspirasi negara.

PEMBOLEH DAYA

HAL EHWAL PERUNDANGAN

Pandangan Undang-undang

Memberi nasihat perundangan kepada Kementerian / Jabatan di bawahnya selaras dengan keperluan dan perkembangan sistem perundangan yang dinamik terutamanya melibatkan Akta- Akta dan perundangan subsidiari di bawah kementerian dalam memastikan tindakan dan keputusan dalam melaksanakan dasar dan polisi kementerian selari dengan kehendak perundangan. Pandangan Undang-Undang secara bertulis sebanyak 198 *output* telah dilaksanakan.

Penggubalan Undang-Undang

Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dalam mewujudkan suatu akta bagi menetapkan kesalahan bagi berita, maklumat, data dan laporan sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu.

Sebanyak satu (1) penggubalan dan pewartaan yang telah dilaksanakan.

Semakan Dokumen Perjanjian/ Memorandum

Memberi nasihat dan menyemak serta meluluskan setiap dokumen perundangan (perjanjian, kontrak dan sebagainya) yang diterima daripada Kementerian / Jabatan di bawahnya termasuk perjanjian antarabangsa bagi menjaga kepentingan kerajaan dalam setiap perolehan, perhubungan antarabangsa atau kerjasama yang dilaksanakan kerajaan.

Semakan dokumen perjanjian dan memorandum sebanyak 170 telah dilaksanakan.


Pengendalian Kes Mahkamah

Mengendalikan kes mahkamah yang melibatkan Kementerian / Jabatan sebagai plaintif/ defendan dan pendakwaan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk melindungi kepentingan

kerajaan dan awam dalam semua tindakan sivil dan pendakwaan.

Wakil Penasihat Undang-undang (PUU) telah mewakili kerajaan di mahkamah sebagai plaintif, defendan dan pendakwa raya dengan sebanyak dua (2) kes telah selesai dengan sabitan mahkamah.

PERATUSAN PENCAPAIAN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bertanggungjawab dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam kementerian.

Pengurusan Aduan

- Aduan Sektor Awam : 322 (25.6%)
- Aduan Sektor Swasta : 936 (74.4%)
- Jumlah Aduan : 1258

Skop Aduan

- Industri Penyiaran (Analog dan Digital)
- Industri Telekomunikasi yang meliputi perkhidmatan telefon dan internet
- Perkhidmatan pos dan penghantaran

Prosedur Aduan

Memberi respons kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa berikut;

- Aduan penerimaan dalam tempoh 1 hari bekerja; dan
- Maklum balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja;

| Bulan | Jumlah Kes Aduan | Aduan Terima Dihantar Dalam 1 Hari Bekerja | Peratus (5) | Maklum Balas Awal Dihantar Dalam 3 hari Bekerja | Peratus (%) |
|---------------|------------------|--|-------------|---|-------------|
| Januari | 70 | 70 | 100% | 70 | 100% |
| Februari | 54 | 54 | 100% | 54 | 100% |
| Mac | 44 | 44 | 100% | 44 | 100% |
| April | 36 | 36 | 100% | 36 | 100% |
| Mei | 44 | 44 | 100% | 44 | 100% |
| Jun | 99 | 99 | 100% | 99 | 100% |
| Julai | 130 | 130 | 100% | 130 | 100% |
| Ogos | 136 | 136 | 100% | 136 | 100% |
| September | 121 | 121 | 100% | 121 | 100% |
| Oktober | 221 | 221 | 100% | 221 | 100% |
| November | 152 | 152 | 100% | 152 | 100% |
| Disember | 151 | 151 | 100% | 151 | 100% |
| Jumlah | 1258 | 1258 | 100% | 1258 | 100% |

UNIT AUDIT DALAM

Pelaksanaan Pengauditan

a) Sepuluh (10) Pengauditan Pengurusan Kewangan

- JAPEN Kelantan
- JAPEN Perlis
- Ibu Pejabat JAPEN
- JAPEN Perak
- JAPEN Terengganu

- JAPEN Negeri Sembilan
- JAPEN Negeri Johor
- Bahagian Hal Ehwal Semasa (BES), Ibu Pejabat RTM
- RTM Kelantan
- IPPTAR

b) Tiga (3) Pengauditan Pematuhan

- Pengurusan Pembayaran Emolumen di Ibu Pejabat RTM
- Pengurusan Pembayaran Emolumen di RTM Sarawak
- Pengurusan Pembayaran Emolumen di RTM Sabah

c) Lima (5) Pengauditan Prestasi

- Pengurusan Pusat Internet Desa
- Pengurusan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2
- Pengurusan terhadap Aktiviti Penjualan Masa Siaran Iklan Television dan Radio, RTM
- Pengurusan Projek Pengisian Liputan Radio Fasa 3, RTM
- Pengurusan Penyelenggaraan Kompleks Bersepadu KKMM Negeri Sabah

d) Dua (2) Pengauditan Perolehan

- Pengurusan Perolehan Arkib Digital RTM Sabah dan Sarawak
- Pengurusan Perolehan Sewaan ICT JASA

e) Dua (2) Pengauditan ICT

- Penampilan Audit ICT di RTM Sabah
- Penampilan Audit ICT di JAPEN Sabah

f) Lima (5) Pemeriksaan Mengejut

- RTM Kedah
- JAPEN Kedah
- RTM Terengganu
- RTM Sabah
- JAPEN Sabah

g) Sepuluh (10) Penampilan Audit

Penampilan Audit telah dilaksanakan di Pejabat - pejabat Daerah Jabatan Penerangan Malaysia Sabah seperti berikut:

- Pejabat Penerangan Daerah Tenom,
- Pejabat Penerangan Daerah Keningau,
- Pejabat Penerangan Daerah Tuaran,

- Pejabat Penerangan Daerah Beaufort,
- Pejabat Penerangan Daerah Kuala Penyu,
- Pejabat Penerangan Daerah Papar,
- Pejabat Penerangan Daerah Ranau,
- Pejabat Penerangan Daerah Putatan,
- Pejabat Penerangan Daerah Penampang dan
- Pejabat Penerangan Daerah Tambunan.

Pengesahan Terhadap Baki Awal Aset dan Liabiliti KKMM

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian telah dapat mengesahkan ketepatan data baki awal aset dan liabiliti KKMM pada 31 Disember 2018 sejumlah RM8,369.01 juta daripada keseluruhan bernilai RM8,369.01 juta yang merangkumi data baki Aset Alih, Aset Tak Alih dan Akaun Belum Terima.

Pengauditan Khas

Satu pengauditan khas telah dilaksanakan pada tahun 2018 atas arahan Ketua Setiausaha KKMM, iaitu Pengauditan Terhadap Pembekalan Program TV *Syndicated* di RTM.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Sebanyak 12 Laporan Audit telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) seperti berikut:

| Bil. | Bil. Mesyuarat JKA | Tarikh | Bil. Kertas Perbincangan | Bil. Isu Yang Dilaporkan |
|---------------|--------------------|----------------|--------------------------|--------------------------|
| 1. | JKA Bil. 1/2018 | 3 April 2018 | 4 | 31 |
| 2. | JKA Bil. 2/2018 | 9 Julai 2018 | 4 | 34 |
| 3. | JKA Bil. 3/2018 | 1 Oktober 2018 | 4 | 36 |
| 4. | JKA Bil. 4/2018 | 8 Januari 2019 | 4 | 25 |
| Jumlah | | | 12 | 126 |

PETUNJUK UTAMA (KPI)

YAB Perdana Menteri menyatakan terdapat keperluan untuk memantau prestasi pentadbiran kerajaan baharu, khususnya di peringkat Menteri semasa Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan pada 7 September 2018. YAB Perdana Menteri seterusnya bersetuju dengan pelaksanaan mekanisme *Minister's Performance Indicator (MPI)* yang diselaraskan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri bagi mengukur prestasi YB Menteri-Menteri Kabinet bermula tahun 2019. Pembentangan Mekanisme MPI kepada YAB Perdana Menteri telah diadakan pada 28 November 2018 disusuli Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia pada 9 Disember 2018.

Terdahulu, JPA pada 16 Ogos 2018 telah mengemukakan surat berhubung Semakan Pertengahan Tahun Petunjuk Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1 bagi tahun 2018 dan pada ketika ini, Unit KPI telah diwujudkan dan ditempatkan di bahagian-bahagian lain di KKMM.

Susulan daripada punca kuasa di atas, Unit KPI mula ditubuhkan pada 15 Oktober 2018 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan perjawatan seramai empat (4) orang bermula dengan pengisian jawatan Ketua Unit KPI bergred M52. Fungsi unit KPI ini adalah:

- a) Menyediakan *Minister's Performance Indicator (MPI)* dan *Key Performance Indicator (KPI)* untuk YB Menteri dan Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam KKMM bagi memastikan KPI selari dengan MPI, *United Nation Sustainable Development Goal (USNDG)*, Kajian Separuh Penggal RMKe-11, Pelan Strategik KKMM, teras, visi dan misi KKMM.
- b) Mewakili KKMM ke bengkel dan mesyuarat penyelarasan antara agensi berhubung pelaksanaan penilaian Petunjuk Prestasi Utama YB Menteri (MPI) yang diurus setiakannya oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), JPM dan Petunjuk Prestasi Utama PPTPA Tier 1 yang diurus setiakannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa.
- c) Menyelaras pengemaskinian laporan pencapaian MPI dan KPI melalui Sistem MyMPI MAMPU dan MyKPI JPA secara berkala bagi memenuhi pencapaian tahunan semasa.
- d) Menyelaras penyediaan pembentangan pencapaian MPI dan KPI PPTPA mengikut jadual dan arahan dari semasa ke semasa.
- e) Memberi khidmat nasihat berkaitan pembangunan, pembangunan dan pemantauan pencapaian MPI dan KPI di peringkat KKMM.

Pelaksanaan Gerak Kerja Unit KPI

| Bil. | Program | Tarikh Pelaksanaan | Objektif |
|------|---|------------------------------|---|
| 1. | Mesyuarat Penyelarasan <i>Minister's Performance Indicator (MPI)</i> | 30 Oktober 2018 | Penyelarasan antara Sekretariat MPI MAMPU dengan Unit KPI Kementerian-kementerian berkenaan pelaksanaan penilaian MPI secara rintis untuk tahun 2018 dan mengumpul pandangan/input berhubung mekanisme penilaian serta libat urus pembangunan Sistem MyMPI MAMPU. |
| 2. | Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 2 (Sektor Ekonomi Dan Sosial) | 31 Oktober - 2 November 2018 | Sesi Mesyuarat dan Penerangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai Sistem Pemantauan dan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (MyKPI) dan Sistem Penilaian 360° - secara lebih spesifik peluasan pelaksanaan penilaian KPI PPTPA Tier 2. |



| Bil. | Program | Tarikh Pelaksanaan | Objektif |
|------|---|------------------------------|--|
| 3. | Mesyuarat Kumpulan Kerja Penetapan KPI YB Menteri (MPI) untuk Tahun 2018 | 14 November 2018 | Kajian Semula Pertengahan Tahun untuk KPI Tier 1 2018 dan penetapan MPI KKMM untuk projek rintis pembangunan mekanisme penilaian dan Sistem MyMPI MAMPU. |
| 4. | Mesyuarat Penyelarasan Bagi Tujuan Kemasukan <i>Data Minister's Performance Indicator (MPI)</i> Tahun 2018 | 21 November 2018 | Sesi familiarisasi sistem yang telah dibangunkan oleh MAMPU dan kemasukan data ke dalam sistem MyMPI. |
| 5. | Sesi Perbincangan Kajian Semula MPI 2018 dan Hala tuju MPI 2019 dengan YB Menteri | 4 Disember 2018 | Memaklumkan kepada YB Menteri mengenai pelaksanaan MPI secara projek rintis bagi tahun 2018, mendapatkan kelulusan beliau ke atas cadangan senarai MPI untuk tempoh dari Jun hingga Oktober 2018 serta menetapkan senarai keutamaan dan hala tuju MPI bagi tahun 2019. |
| 6. | Bengkel Penetapan Outcome, Output & KPI Bagi Kerangka Pengisian Prestasi & Bajet OBB | 11-12 Disember 2018 | Penetapan KPI Kementerian secara bersepadu untuk tahun 2019 melalui platform Bengkel OBB yang dianjurkan oleh Bahagian Perancangan Strategik (BPS) KKMM. |
| 7. | Penyediaan Laporan Prestasi Hujung Tahun untuk penilaian MPI dan KPI Tier 1 KKMM Permohonan cadangan MPI dan KPI Tier 1 2019 daripada Bahagian, Jabatan dan Agensi KKMM | Disember 2018 – Januari 2019 | Penyelarasan, pengumpulan data dan pembuktian pencapaian untuk dimuat naik di Sistem MyKPI JPA dan MyMPI MAMPU. |
| 8. | Permohonan cadangan MPI dan KPI Tier 1 2019 daripada Bahagian, Jabatan dan Agensi KKMM | Disember 2018 – Januari 2019 | Penyelarasan input cadangan MPI dan KPI baharu untuk tahun 2019 berserta sasaran dan takrifan / kamus untuk Bengkel Pemurnian yang akan diadakan pada pertengahan Januari 2019. |

Pelaksanaan Gerak Kerja Unit KPI

| No. | KPI | Sasaran | Pencapaian |
|-----|--|-----------|------------|
| 1.0 | Kadar Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) | 4.50 % | 4.70 % |
| 2.0 | Indeks Daya Saing Negara | | |
| 2.1 | Global Competitiveness Index | Tangga 21 | Tangga 25 |
| 2.2 | IMD World Competitiveness Yearbook | Tangga 20 | Tangga 22 |
| 3.0 | Paras Defisit Fiskal | 4 % | 3.70 % |
| 4.0 | Kadar Pertumbuhan Produktiviti Buruh | 3.70 % | 2.20 % |
| 5.0 | KPI Agensi Secara Spesifik | | |
| 5.1 | Peratus Liputan Jalur Lebar Di Kawasan Berpenduduk | 93.50 % | 94.80 % |

| No. | KPI | Sasaran | Pencapaian |
|------|---|----------------------|----------------------|
| 5.2 | Pengurangan Harga Jalur Lebar Tetap Sebanyak 25% Melalui Pelaksanaan Mandatory Standard on Access Pricing (MSAP) | 25 % | 48 % |
| 5.3 | Pembangunan Infrastruktur Jalur Lebar di Kawasan Pinggir Bandar Dengan Kelajuan Sehingga 20 Mbps (Bilangan Sambungan) | Bilangan: 378,000 | Bilangan: 445,366 |
| 5.4 | Peratusan Pemasangan Kabel Dasar Laut di Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Pulau Perhentian | 80 % | 100 % |
| 5.5 | Jumlah Port Yang Membekalkan Internet Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi di Kawasan Luar Bandar | Bilangan: 55,000 | Bilangan: 59,667 |
| 5.6 | Perluasan Rangkaian Gentian Optik (jarak dalam KM) | 440 km | 580.59 km |
| 5.7 | Jumlah Pelaburan Oleh Syarikat Berstatus MSC Di Malaysia (RM Bilion) | RM (Bilion) 34 | RM (Bilion) 34 |
| 5.8 | Pendapatan Tambahan Keseluruhan Bagi Pekerja Digital Kategori B40 Melalui Program e-Rezeki (RM Juta) | RM (Juta) 110 | RM (Juta) 126.50 |
| 5.9 | Anggaran Pendapatan Tambahan Yang Dijana Oleh Peserta Program eUsahawan (RM Juta) | RM (Juta) 71 | RM (Juta) 165 |
| 5.10 | Jumlah Perbelanjaan Syarikat Produksi (Luar & Dalam Negara) di Malaysia di Bawah <i>Film In Malaysia Incentive (FIMI)</i> (RM Juta) | RM (Juta) 100 | RM (Juta) 163.75 |
| 5.11 | Jumlah Eksport Kandungan Kreatif (RM Juta) | RM (Juta) 670 | RM (Juta) 714.31 |
| 5.12 | Tahap Kesedaran Rakyat Terhadap Dasar-Dasar Kerajaan | 80% | 78.10% |
| 6.0 | Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) | 80 % | 82% |
| 7.0 | Penggunaan dan Pelaksanaan E-Perolehan | 80 % | 90.96 % |
| 8.0 | Star-Rating MAMPU | 3 Bintang | 5 Bintang |
| 9.0 | Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara | 90 % | 92.26% |
| 10.0 | Pencapaian Pelaksanaan HRMIS di Agensi | 100 % | 100% |

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang diterajui Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Gred Utama C bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan struktur organisasi dan perjawatan, urusan-urusan perkhidmatan, latihan kakitangan dan peperiksaan serta urusan-urusan berkaitan prestasi dan kemajuan kerjaya pegawai. Cawangan dan unit yang menjalankan fungsi - fungsi bahagian adalah seperti berikut:

- Cawangan Pembangunan Organisasi (CPO)
- Cawangan Pengurusan Perkhidmatan (CPP)
- Cawangan Pembangunan Kerjaya (CPK)
- Cawangan Modal Insan (CMI)

- Unit Pengurusan Psikologi (UPPs)
- Unit Pengurusan Data HRMIS (UPHrmis)

Sepanjang tahun 2018, Bahagian ini telah melaksanakan pelbagai program dan acara seperti berikut :

Program Transformasi Minda (PTM)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 mengenai pelaksanaan Program Transformasi Minda (PTM) bagi menggantikan Kursus Induksi yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Pegawai yang disyaratkan mengikuti PTM ialah:

- i. pegawai lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013 yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam; dan
- ii. pegawai dalam tempoh percubaan dan belum menghadiri Kursus Induksi-Modul Umum.

Kursus ini bertujuan bagi mencapai objektif berikut:

- i. memberi pendedahan kepada pegawai mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam;
- ii. memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam;
- iii. menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan; dan
- iv. menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.

Sepanjang tahun 2018, BPSM telah melaksanakan PTM sebanyak dua (2) siri seperti butiran berikut:

| Siri | Tempat | Tarikh | Bil. Peserta |
|------|--|--------------------|--------------|
| 1. | Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan | 1 - 6 Julai | 40 |
| 2. | Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan | 14 - 19 Oktober | 40 |

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang kursus PTM seperti ceramah, latihan dalam kumpulan (LDK), senamrobik, *wet telematch*, dan Malam Amanat Pengurusan Tertinggi KKMM. Pegawai akan dinilai berdasarkan kepada aktiviti yang telah dijalankan dan kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Antara aspek yang akan dinilai adalah disiplin, personaliti, komitmen dan banyak lagi. Ujian turut diadakan di akhir kursus PTM ini merangkumi aspek-aspek pembelajaran sepanjang PTM dilaksanakan.

Training Road Map (TRM)

Training Road Map (TRM) adalah kursus yang dirangka bagi memberi latihan kepada skim-skim perkhidmatan di bawah Ketua Setiausaha KKMM iaitu skim Jurufotografi, Jurusolek, Pereka dan Ahli Muzik. Kursus yang diberikan merangkumi aspek-aspek teknikal yang perlu dipelajari dalam memastikan kelancaran laluan kerjaya pegawai dalam skim tersebut. Modul latihan telah dirangka oleh konsultan terpilih selari dengan *Training Need Analysis (TNA)* setiap skim perkhidmatan.

Selain itu, aspek-aspek nilai tambah seperti disiplin, integriti, keterampilan diri, kerjasama dan kebolehan berucap diterapkan dalam setiap kursus yang diberikan. Kursus yang diadakan turut menjadi medan pertukaran pandangan dan pengalaman antara pegawai – pegawai yang terlibat.

Bagi tahun 2018, TRM skim Pereka telah dilaksanakan sebanyak dua (2) siri, TRM skim Jurufoto sebanyak tiga (3) siri, TRM bagi Skim Jurusolek adalah sebanyak dua (2) siri manakala TRM Skim Ahli Muzik dijalankan sebanyak satu (1) siri.

Bagi setiap kursus yang dijalankan, para pegawai akan didedahkan dengan teori pembelajaran di dalam kelas serta diberi tugas untuk diselesaikan. Tugas yang diberikan meliputi tugas secara individu dan berkumpulan. Para peserta dikehendaki untuk melaksanakan pembentangan bagi tugas yang diberikan. Penilaian akan dilaksanakan oleh pihak konsultan yang dilantik dan juga pihak urus setia kursus.

Speakers' Corner

Dalam usaha untuk menggilap kemahiran komunikasi berkesan dan kebolehan bercakap di khalayak umum, BPSM telah memperkenalkan program *Speakers' Corner*. Antara objektif pelaksanaan *Speakers' Corner* adalah seperti berikut:

- (a) saluran bagi menjelaskan isu-isu semasa yang berlaku sama ada dalam negara mahupun luar negara;
- (b) medium perkongsian informasi selari dengan visi KKMM, iaitu untuk menjadi peneraju utama masyarakat bermaklumat;
- (c) melahirkan pemimpin-pemimpin yang mampu berpidato secara baik dan berkesan; dan
- (d) mengasah kemahiran interpersonal atau "*human touch*" dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat.

Speakers' Corner dibuat berdasarkan konsep sukarela. Pegawai yang ingin berucap perlu mendaftarkan nama kepada BPSM. Pegawai akan diberikan masa selama 10 hingga 15 minit untuk berucap. Tajuk pengucapan adalah bebas tetapi tidak boleh menyentuh sensitiviti politik, individu, bangsa dan agama. Sepanjang tahun 2018, BPSM telah melaksanakan lapan (8) siri *Speakers' Corner* seperti butiran berikut:

| Siri | Tarikh | Speaker |
|------|--------------|----------------------------------|
| 1. | 23 Januari | Muhammad Khuzairee Mohamed Wazir |
| 2. | 13 Februari | Muhammad Hasri Sazali |
| 3. | 13 Mac | Murugan A/L Nadarajah |
| 4. | 16 April | Nurul Aainaa Noor Rahim |
| 5. | 3 Mei | Syed Muhammad Fauzi Syd Mostapa |
| 6. | 10 Julai | Mohd Rizal Mohd Rosli |
| 7. | 6 Ogos | Harinawati Ahmad |
| 8. | 20 September | Farah Dyana binti Abd Munir |

Bicara Ilmu

Darsawarsa ini dapat kita melihat perkembangan penggunaan media sosial secara meluas. Percambahan aplikasi media sosial adalah seiring dengan perkembangan teknologi dan komunikasi di Malaysia. Antara aplikasi media sosial yang popular adalah Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube.

Media sosial telah diguna pakai secara optimum bagi menyebarkan sesuatu peristiwa dan berita. Sesuatu perkara dapat menjadi tular dengan begitu cepat hanya dengan menggunakan media sosial. Pelbagai impak sama ada positif mahupun negatif kesan daripada penularan sesuatu isu tersebut. Lantaran itu, media sosial harus dikawal penggunaannya agar tidak menjadi barah kepada masyarakat. Bagi memberi kesedaran tentang kebaikan dan keburukan tular melalui media sosial, Bahagian telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan *Bicara Ilmu* : Motif Tular.

Bicara ilmu ini telah disampaikan oleh PU. Amin yang merupakan seorang penceramah bebas popular di media sosial dan Puan Nor Zabetha, Pakar Psikologi. Bebas. Forum ini telah dibahagikan kepada dua slot, iaitu Sejarah Media Sosial dan diikuti Pengaruh dan Kesan Media Sosial.


Majlis Jasamu Dikenang 2018

Majlis Jasamu Dikenang adalah merupakan acara tahunan yang diadakan sebagai penghargaan daripada pihak Kerajaan terhadap khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh pegawai dengan penuh komited sepanjang tempoh perkhidmatan. Khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya amat bermakna dan tidak dapat dibalas. Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2018, KKMM telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 27 September 2018 untuk meraikan 328 orang pegawai KKMM yang telah bersara pada tahun 2018.



Pecahan Pesara KKMM bagi tahun 2018 mengikut Kementerian, Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut:-

PECAHAN PESARA KKMM BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI



Bilangan Pesara KKMM bagi tahun 2018 mengikut jantina adalah seperti berikut dan laporan bergambar seperti di **Lampiran A**:-

| BiL | Jabatan | Pesara | Lelaki | Wanita |
|---------------|---|------------|------------|------------|
| 1. | Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | 12 | 7 | 5 |
| 2. | Jabatan Penerangan Malaysia | 88 | 72 | 16 |
| 3. | Jabatan Penyiaran Malaysia | 198 | 127 | 71 |
| 4. | Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak | 6 | 3 | 3 |
| 5. | Jabatan Perlindungan Data Peribadi | 4 | 2 | 2 |
| 6. | Jabatan Hal Ehwal Khas | 3 | - | 3 |
| 7. | Pertubuhan Berita Nasional Malaysia | 8 | 4 | 4 |
| 8. | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia | 9 | 6 | 3 |
| Jumlah | | 328 | 221 | 107 |

Program HRCU

Program HRCU merupakan program turun padang ke Jabatan / Agensi di peringkat Ibu Pejabat dan juga negeri. Selain itu juga, program ini adalah salah satu medium untuk Pengurusan Tertinggi Kementerian bagi menyampaikan amanat dan harapan terhadap pegawai dan kakitangan di peringkat Kementerian dan Jabatan di samping mendapatkan maklum balas daripada warga KKMM berkenaan permasalahan / isu yang dihadapi.



Program yang telah dilaksanakan di bawah Program HRCU adalah seperti berikut dan laporan bergambar seperti berikut.

| Bil. | Program | Tarikh | Tempat |
|------|------------------|-----------------|-------------|
| 1. | HRCU Zon Utara | 4 Oktober 2018 | RTM Perak |
| 2. | HRCU Zon Sabah | 24 Oktober 2018 | JAPEN Sabah |
| 3. | HRCU Zon Sarawak | 5 November 2018 | RTM Sarawak |

Pengisian bagi Program HRCU adalah taklimat berkenaan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan atau keputusan kerajaan yang terkini serta sesi klinik HRCU. Melalui Klinik HRCU yang diadakan, warga KKMM telah mendapatkan maklumat serta penjelasan secara langsung berkenaan isu pengurusan sumber manusia.

Hari Semakan Buku Perkhidmatan

Buku Perkhidmatan merupakan dokumen penting bagi urusan perkhidmatan seorang pegawai dalam merekodkan maklumat peribadi dan perkhidmatan pegawai mulai tarikh dilantik sehingga perkhidmatannya yang terakhir sama ada disebabkan oleh persaraan, meninggal dunia, dibuang kerja, meletak jawatan mahupun ditamatkan perkhidmatan. Oleh yang demikian, Buku Perkhidmatan perlu diuruskan dengan baik, teratur dan sentiasa dikemas kini.





Hari Semakan Buku Perkhidmatan telah diadakan pada 7 hingga 9 November 2018 bertempat di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Aras 21, Kompleks KKMM yang melibatkan seluruh warga Kementerian. Melalui program Hari Semakan Buku Perkhidmatan, warga KKMM dapat menyemak maklumat yang direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan dan memastikan maklumat berkenaan adalah tepat.

Program ini juga dapat dijadikan sebagai medium untuk warga KKMM mendapatkan penjelasan berkenaan isu mahupun urusan perkhidmatan tertentu seperti pengurusan cuti, kelayakan elaun dan kemudahan yang boleh dinikmati dalam tempoh perkhidmatan.

Majlis Perjumpaan Kader KKMM

Majlis Perjumpaan Kader KKMM merupakan salah satu medium untuk Ketua Perkhidmatan menyampaikan amanat dan harapan terhadap pegawai-pegawai Skim Perkhidmatan Kader KKMM di samping mendapatkan maklum balas daripada pegawai-pegawai Kader KKMM. Selain itu, perjumpaan ini juga telah membentangkan cadangan hala tuju skim perkhidmatan berkaitan.

Majlis tersebut telah diadakan pada 20 Julai 2018 bertempat di Anjung Aras 32, Kompleks KKMM. Majlis ini telah dihadiri seramai 200 pegawai skim perkhidmatan Pereka dan Jurufotografi dari pelbagai kementerian dan jabatan seluruh negara.



Program Civil Servant Smart Intervention (CSI)

Program CSI merupakan program pemulihan yang bersepadu merangkumi konsep pemulihan, pembangunan dan pemerkasaan kepada pegawai yang bermasalah dan berprestasi rendah dalam tempoh satu (1) tahun. Ianya juga satu usaha bersepadu kementerian bagi menangani dan memulihkan pegawai yang bermasalah dan berprestasi rendah selari dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan kakitangan yang berprestasi tinggi seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) bagi Pegawai yang Berprestasi Rendah dalam Perkhidmatan Awam. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk Pemulihan Pegawai Bermasalah dan Berprestasi Rendah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Pada tahun 2018, program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga fasa yang melibatkan seramai 18 orang peserta yang terlibat. Ketiga-tiga fasa adalah peserta yang sama dan setiap fasa mempunyai objektif tersendiri antaranya adalah seperti berikut:

| Fasa & Tarikh Pelaksanaan | Fokus | Objektif |
|---|---|---|
| Fasa Pertama (14 – 16 Mei 2018) | Penstrukturan Kognitif & Brain Workout | Bertujuan untuk menstruktur semula pemikiran pegawai berprestasi rendah dan bermasalah supaya memiliki pemikiran yang lebih rasional dan positif. |
| Fasa Kedua 3 – 5 Oktober 2018 | Kursus Koordinasi Emosi dan Pemulihan Pegawai | Bertujuan untuk memberi fokus kepada kestabilan emosi sebagai salah satu langkah untuk berjaya bagi pegawai berprestasi rendah. |
| Fasa Ketiga 1-3 Nov 2018 | Kursus Supernova Spirit | Bertujuan untuk memberi fokus kepada perubahan tingkah laku yang harus bermula dari dalam diri dengan sedikit penekanan aspek psiko-spiritual. |

Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Pada tahun 2018, Unit ini dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah berjaya melaksanakan sebanyak 11 program yang melibatkan ahli AKRAB Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Program-program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk pengukuhan dan pematapan serta melihat komitmen ahli-ahli AKRAB yang telah dilantik. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Bil. | Tajuk Kursus | Tarikh | Jumlah Peserta | Tempat |
|------|--|------------------------|----------------|---|
| 1. | Program Akrab Jelajah Ramadhan | 5 Jun 2018 | 100 | Masjid Padang Besar, Perlis |
| 2. | Program Motivasi Jati Diri | 24 – 26 Jun 2018 | 85 | Jabatan Penyiaran Kedah |
| 3. | Program Zikir Munajat Asmaul Husna "Sayangi Malaysiaku" | 3 Ogos 2018 | 100 | Masjid Melayu, Seberang Prai, Pulau Pinang |
| | | 4 Ogos 2018 | 100 | Masjid Felda Bukit Tohar, Tampin, Negeri Sembilan |
| 4. | Program <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) | 2 – 6 Ogos 2018 | 34 | Perkampungan Orang Asli Kemar, Gerik, Perak |
| 5. | Kursus <i>Spiritual Emotional Freedom Technique</i> (SEFT) | 12 – 14 September 2018 | 30 | Institut Pengurusan Peladang (IPP) Langkawi, Kedah |
| 6. | Kursus Pengukuhan Kepimpinan Akrab | 12 – 14 September 2018 | 15 | Institut Pengurusan Peladang (IPP) Langkawi, Kedah |
| 7. | Lawatan Penandaaras Akrab Jabatan Perangkaan | 25 September 2018 | 25 | Wisma BERNAMA, Kuala Lumpur |
| 8. | Kursus Aplikasi <i>Art Therapy</i> Dalam Kemahiran Menolong | 10 - 12 Oktober 2018 | 30 | Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan |
| 9. | Seminar Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KKMM 2018 | 23 Oktober 2018 | 100 | Auditorium Sabah, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah |

| Bil. | Tajuk Kursus | Tarikh | Jumlah Peserta | Tempat |
|------|--|--------|----------------------|---|
| 10. | Hari Terbuka Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) BERNAMA 2018 | 150 | 25 – 26 Oktober 2018 | Tingkat 10, Wisma BERNAMA, Kuala Lumpur |
| 11. | Kursus Super Gaya Body Language | 20 | 1 – 3 November 2018 | ILD UiTM Bandar Enstek, Nilai |

Hari Psikologi

Hari Psikologi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia merupakan aktiviti tahunan anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui Unit Pengurusan Psikologi. Pada tahun 2018, Hari Psikologi telah dilaksanakan pada 8 November 2018 bertemakan **“Komunikasi Positif Refleksi Kesejahteraan Psikologi”**, bertempat di Dewan Serbaguna, Aras B1 Kompleks KKMM, Presint 4, Putrajaya. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi fokus kepada:

- Menjana kuasa positif dalam pekerjaan bagi meningkatkan potensi kerja ke tahap yang maksima;
- Meningkatkan kesedaran peserta bahawa prestasi kerja yang luar biasa diperoleh dengan set minda yang positif serta aura persekitaran yang energetik, produktif, kreatif dan bermotivasi tinggi;
- Memberi akses kepada peserta untuk memperoleh maklumat dengan lebih mudah dan tepat daripada sumber yang tepat; dan
- Mengenal pasti medium terbaik ke arah kesejahteraan psikologi (*psychological wellness*) yang holistik.

Psychology Luncheon Talk

Program *Psychology Luncheon Talk* merupakan suatu usaha dalam membangunkan infrastruktur bukan fizikal, yang meliputi pembangunan modal insan untuk mengekalkan bakat berkualiti pegawai awam serta kecemerlangan dalam tugas.

Program pada tahun 2018 memberi fokus kepada penampilan khas **YBhg. Dato’ Dr. Ketua Setiausaha KKMM** bersama-sama Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 dan 44) serta

Kumpulan Pelaksana. Program ini juga merupakan satu medium perkongsian *tacit knowledge* kepada kumpulan kakitangan yang disasarkan. Pemindahan kepakaran serta pengetahuan (*transfer of skills and knowledge*) dalam meningkatkan kompetensi modal insan pegawai KKMM adalah di antara tuntutan kepada pegawai-pegawai awam supaya lebih berilmu, berkemahiran serta berpengetahuan.

Objektif program ini adalah;

- Menyampaikan hasrat YBhg. Dato’ Dr. KSU kepada kumpulan Pegawai Pengurusan & Profesional serta Kumpulan Pelaksana dalam melestarikan penyampaian perkhidmatan kementerian;
- Mengurangkan jurang ekspektasi dari pihak pengurusan tertinggi dengan kumpulan pegawai-pegawai bawahan; dan
- Perkongsian bestari oleh YBhg. Dato’ Dr. KSU bagi menangani isu *inferiority complex* dalam menyampaikan pandangan kepada Pegawai Penyelia atau Pegawai Kumpulan Pengurusan.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 ini diadakan bertujuan untuk meraikan pegawai-pegawai yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dan sebagai suatu pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Majlis yang diadakan di Pusat Konvesyen Antarabangsa (PICC) Putrajaya ini telah disempurnakan oleh YB Menteri KKMM pada 15 Mac 2018.

Majlis APC 2018 melibatkan penerima anugerah daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Jumlah keseluruhan penerima APC bagi tahun 2017 adalah seramai 685 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 530 orang adalah dari Semenanjung, 75 orang dari Sabah dan 92 orang dari Sarawak. Majlis APC Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) diadakan bersekali meliputi penerima Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Majlis Bersama Jabatan Tahun 2018

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala, yang memberi pihak pekerja saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

Mesyuarat MBJ Peringkat KKMM dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. KSU yang telah diadakan mengikut sukuan sebanyak 4 kali dalam setahun. MBJ pada tahun 2018 telah diadakan pada ketetapan seperti berikut:

- Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2018 telah diadakan pada 29 Mac 2018 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, Kompleks KKMM;
- Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2018 telah diadakan pada 29 Jun 2018 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, Kompleks KKMM;
- Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2018 pula telah diadakan pada 28 September 2018 (Jumaat) bertempat di Dewan SEAMEO, Pusat Pendidikan Sains dan Matematik Pertubuhan Menteri-Menteri Asia Tenggara (SEMEO RECSAM), Pulau Pinang.
- Mesyuarat MBJ Bilangan 4 Tahun 2018 telah diadakan pada 13 Disember 2018 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Aras 32, Kompleks KKMM.

Bengkel / Latihan / Taklimat Modul/ Submodul HRMIS

Secara keseluruhannya, sebanyak 22 bengkel/ latihan telah diadakan kepada semua warga dan pentadbir HRMIS di kementerian,

jabatan dan agensi. Kursus yang dijalankan adalah bagi memberi pendedahan kepada pentadbir HRMIS dan pengguna HRMIS tentang penggunaan modul/submodul HRMIS. Pada tahun 2018, pembaharuan dilaksanakan oleh HRMIS apabila Bengkel Pemurnian Data bagi pegawai di Jabatan Penyiaran Sabah dan FINAS Ibu Pejabat. Unit HRMIS KKMM juga telah turut serta dalam program HRCU bagi Zon Sabah dan Sarawak. Secara keseluruhannya, program-program tersebut telah dapat mendedahkan pegawai mengenai penggunaan HRMIS dan penambahbaikan yang telah dilakukan oleh pihak JPA serta dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pengguna. Berikut merupakan bengkel latihan dan taklimat yang telah dilaksanakan oleh Unit HRMIS KKMM.

| Bil. | Program | Tarikh Latihan |
|--------------|---|----------------|
| Mac | | |
| 1. | Taklimat Pengurusan Cuti HRMIS Bagi Kementerian, Jabatan dan Agensi - JPA | 01.03.2018 |
| 2. | Bengkel Latihan Hands On HRMIS Kepada Pegawai Baharu Bil. 1/2018 | 07.03.2018 |
| April | | |
| 3. | Bengkel Kerja dan Latihan Submodul Majlis Bersama Jabatan (MBJ) | 05.04.2018 |
| 4. | Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 1/2018 | 19.04.2018 |
| 5. | Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 2/2018 | 26.04.2018 |
| Julai | | |
| 6. | Bengkel Kerja dan Latihan Modul Penamatan Perkhidmatan Bil 1/2018 | 11.07.2018 |
| 7. | Bengkel Hands On HRMIS bagi SKT Bil. 1/2018 | 16-17.07.2018 |
| 8. | Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 3/2018 | 24-26.07.2018 |
| 9. | Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 4/2018 | 26-27.07.2018 |

| Bil | Program | Tarikh Latihan |
|------------------|--|----------------|
| Ogos | | |
| 10. | Bengkel <i>Task Force</i> bagi Submodul Pengisytiharan Harta HRMIS Bil. 1/2018 | 27.08.2018 |
| September | | |
| 11. | Bengkel <i>Task Force</i> Data Perjawatan HRMIS Bil 1/2018 | 05-06.09.2018 |
| 12. | Bengkel <i>Task Force</i> Data Perjawatan HRMIS Bil 2/2018 | 13-14.09.2018 |
| 13. | Bengkel Kerja dan Latihan Modul Penamatan Perkhidmatan Bil 2/2018 | 25.09.2018 |
| 14. | Bengkel Latihan Hands On HRMIS kepada Pegawai Baharu Bil. 2/2018 | 27.09.2018 |
| Oktober | | |
| 15. | Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 5/2018 | 04.10.2018 |
| 16. | Bengkel <i>Task Force</i> bagi Submodul Pengisytiharan Harta HRMIS Bil. 2/2018 | 09.10.2018 |
| 17. | Taklimat Pengurusan Cuti HRMIS bagi Pentadbir Cuti di Bahagian | 09.10.2018 |
| 18. | Taklimat Pengurusan Cuti HRMIS bagi Pentadbir Cuti Jabatan/Agensi | 10.10.2018 |
| 19. | Taklimat penyelarasan SKT/LNPT bagi pentadbir Sistem di Bahagian | 23.10.2018 |
| 20. | Taklimat penyelarasan SKT/LNPT bagi pentadbir Sistem di Jabatan | 24.10.2018 |
| 21. | Bengkel <i>Task Force</i> Data Perjawatan HRMIS Bil 3/2018 | 31.10.2018 |
| November | | |
| 22. | Bengkel Hands On HRMIS bagi SKT Bil. 2/2018 | 1-2.11.2018 |

Pencapaian HRMIS

KKMM telah berjaya mencapai penarafan **5 bintang** dengan peratus pencapaian sebanyak **99.97%** bagi **KPI HRMIS bagi tahun 2017**. Sijil penghargaan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Ketua Setiausaha KKMM, YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil. 1/2018 pada 1 Oktober 2018 bertempat di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya, Putrajaya.

Secara purata, pencapaian KPI HRMIS Tahun 2017 telah menunjukkan peningkatan bagi semua agensi KKMM, iaitu sebanyak 0.5% berbanding tahun 2016.




BAHAGIAN KEWANGAN

Pada tahun 2018 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menerima peruntukan asal Belanja Mengurus (B47) berjumlah **RM1,293,333,200.00** dengan perincian seperti berikut:

| Peruntukan Asal (RM) | Waran Sekat/Viremen (RM) | Peruntukan Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) | % | Baki (RM) |
|----------------------|--------------------------|---------------------------|-------------------|-------|---------------|
| 1,293,333,200.00 | (2,329,708.00) | 1,291,003,492.00 | 1,240,590,396.33 | 96.10 | 50,413,095.67 |

PERBELANJAAN SEBENAR PERUNTUKAN MENGURUS BAGI TAHUN 2013-2018



PERINCIAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2018

| Program | Peruntukan Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) | % | Baki (RM) |
|-----------------------|---------------------------|-------------------------|--------------|----------------------|
| Dasar Sedia Ada (DSA) | 1,031,378,955.00 | 983,307,017.27 | 95.34 | 48,071,937.73 |
| Program Khusus | 241,284,817.00 | 239,789,015.95 | 98.38 | 1,495,801.05 |
| One Off (OO) | 18,339,720.00 | 17,494,363.11 | 95.39 | 845,356.89 |
| Keseluruhan | 1,291,003,492.00 | 1,240,590,396.33 | 96.10 | 50,413,095.67 |

Pengurusan Perolehan

Bagi Pengurusan Perolehan, Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Selain itu, peranan Bahagian Kewangan melalui Cawangan Pengurusan Perolehan merupakan medium perantara bagi segala urusan perolehan seperti memberikan khidmat nasihat, bantuan dan sokongan dalam memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cemerlang. Secara keseluruhan, KKMM telah melaksanakan perolehan sebanyak **13,589** yang melibatkan jumlah besar perbelanjaan adalah **RM1,007,151,004.58**. Perincian lanjut mengenai kaedah perolehan adalah seperti di berikut:

| Kaedah Perolehan | Bil Perolehan | Nilai Perolehan (RM) |
|---|---------------|-------------------------|
| <i>e-Bidding</i> | 0 | 0 |
| <i>Government to Government</i> | 0 | 0 |
| Kontrak Kementerian | 2,588 | 306,810,659.10 |
| Kontrak Pusat/Sistem Panel (Kementerian Kewangan) | 20 | 395,536.64 |
| Pembelian Terus/ Requisition/ Lantikan Terus | 10,771 | 40,087,969.35 |
| Rundingan Terus (Kuasa Pegawai Pengawal) | 36 | 585,903,756.39 |
| Sebuttharga | 166 | 25,374,657.80 |
| Tender Terbuka | 8 | 48,578,425.30 |
| Jumlah (RM) | 13,589 | 1,007,151,004.58 |

Pengurusan Kewangan (Pembayaran)

Selain itu, Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bayaran bil kementerian bagi tahun 2018. Jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah sebanyak **6,133** dengan nilai keseluruhan **RM872,361,368.87**. Ringkasan laporan bil adalah seperti berikut:

| Bulan | Bil | Nilai Bil (RM) |
|---------------|--------------|-----------------------|
| Januari | 0 | 0.00 |
| Februari | 490 | 50,070,950.72 |
| Mac | 566 | 119,808,837.18 |
| April | 543 | 132,601,738.23 |
| Mei | 570 | 35,310,745.30 |
| Jun | 345 | 304,048.15 |
| Julai | 376 | 251,919.10 |
| Ogos | 424 | 24,156,296.10 |
| September | 626 | 238,196,426.59 |
| Oktober | 638 | 31,877,828.84 |
| November | 796 | 38,476,111.00 |
| Disember | 759 | 201,306,467.66 |
| Jumlah | 6,133 | 872,361,368.87 |

Pengurusan Hasil Iklan

Cawangan Perdagangan merupakan Cawangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hasil masa siaran iklan RTM. Secara keseluruhan, pencapaian hasil jualan masa siaran iklan televisyen dan radio RTM dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 berjumlah sebanyak **RM74.8 juta**. Penjualan masa siaran iklan RTM bagi saluran TV2, TVi dan 33 saluran radio telah diuruskan sepenuhnya oleh syarikat Zenith Consulting Services Sdn. Bhd. (2017 – 2018) dengan bayaran Hasil Jaminan Minimum kepada Kerajaan sebanyak **RM33 juta**. Kontrak telah ditamatkan pada Disember 2018 dan kini ianya diuruskan oleh bahagian Pemasaran, RTM. Hasil jualan masa siaran iklan yang dilaksanakan oleh RTM pula adalah sebanyak **RM42.5 juta** bagi televisyen manakala bagi radio pula sebanyak **RM1.4 juta**. Pencapaian keseluruhan hasil masa siaran iklan televisyen dan radio RTM bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

HASIL JUALAN MASA SIARAN IKLAN RTM BAGI TAHUN 2018 (MENGIKUT SUKU TAHUN)

| Tempoh | RTM | | ZENITH | |
|---------------------------|------------------|-----------------|-------------------|-------------------|
| | TV (RM) | Radio (RM) | TV (RM) | Radio (RM) |
| Suku Tahun Pertama | 2.1 juta | 0.2 juta | 3 juta | 3 juta |
| Suku Tahun Kedua | 34.6 juta | 0.5 juta | 4.5 juta | 4.5 juta |
| Suku Tahun Ketiga | 2.9 juta | 0.3 juta | 4.5 juta | 4.5 juta |
| Suku Tahun Keempat | 2.9 juta | 0.4 juta | 3.45 juta | 3.45 juta |
| Jumlah | 42.5 juta | 1.4 juta | 15.45 juta | 15.45 juta |
| Jumlah Keseluruhan | 74.8 juta | | | |

BAHAGIAN AKAUN

Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Mulai 1 Januari 2018 Kerajaan Persekutuan telah mula melaksanakan sistem perakaunan berasaskan akruan menggunakan *System Integrated Government Financial & Management System* (iGFMAS) secara serentak pada semua jabatan/kementerian di seluruh Malaysia. Sistem iGFMAS ini menggantikan tiga sistem sedia

ada iaitu GFMAS, eSPKB dan eTerimaan. Sebanyak 66 Pusat Tangungjawab (PTJ) KKMM terlibat dengan penggunaan Sistem iGFMAS ini.

Sebelum pelaksanaan transformasi tunai ubahsuai ke Akruan beberapa siri proses pengumpulan data aset dilaksanakan yang dimulakan sejak dari tahun 2015. Data aset kementerian sehingga 31 Disember 2018 telah mencapai nilai keseluruhan berjumlah RM8,389,630,941.90 seperti berikut:

| Bil. | Komponen Akaun | Bilangan Data | Nilai (RM) | Status Pengesahan Oleh Unit Audit Dalam (UAD) |
|------|--------------------|---------------|------------------|---|
| 1. | Aset Alih | 26,821 | 983,197,017.82 | Disahkan |
| 2. | Akaun Belum Terima | 147 | 45,381,995.16 | Disahkan |
| 3. | Aset Tak Alih: | | | |
| | (a) Tanah | 1,109 | 5,782,728,982.00 | Disahkan |
| | (b) Bangunan | 139 | 1,578,322,946.92 | Disahkan |

Dalam usaha untuk memastikan maklumat baki aset di Sistem Pengurusan Aset (SPA) adalah lengkap, Bahagian Akaun juga bekerjasama dengan Unit Aset Jabatan di negeri-negeri menjalankan aktiviti lawatan verifikasi aset seperti berikut:

| Bil. | Jabatan | Zon/ Tempat | Tarikh Lawatan Verifikasi |
|------|---------------------|---------------------|---------------------------|
| 1. | RTM | Menara Kuala Lumpur | 16 Mac 2018 |
| 2. | RTM, JAPEN dan JASA | Melaka | 14-16 Ogos 2018 |
| 3. | RTM, JAPEN dan JASA | Sabah | 3- 7 September 2018 |
| 4. | RTM, JAPEN dan JASA | Kedah dan Perlis | 22-26 Oktober 2018 |



| Bilangan | Pengerusi | Tarikh |
|----------------------|---|------------------|
| JKPPA Bil. 1/2018 | Pengerusi: YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor (Ketua Setiausaha Kementerian) | 4 Mei 2018 |
| JKPPA Bil. 2/2018 | Pengerusi Ganti: YBhg. Dato' Samsuni bin Mohd Nor (Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan) | 28 November 2018 |

Pengurusan Operasi Perakaunan

Bahagian Akaun sebagai pejabat pembayaran bertanggungjawab menguruskan tiga akaun bank utama pejabat perakaunan seperti berikut:

| Bil. | Jenis Akaun Bank | Jumlah Dana Diproses (RM) |
|------|---------------------|---------------------------|
| 1. | Akaun Bank Bayaran | RM1,678 Juta |
| 2. | Akaun Bank Terimaan | |
| 3. | Akaun Bank EFT | |

Bank utama pejabat perakaunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) adalah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Secara keseluruhannya, Bahagian Akaun kementerian mengendalikan proses pembayaran dan perakaunan secara terus bagi 13 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di kawasan Lembah Klang telah mencapai sasaran seperti berikut:

| Bil. | Proses Operasi | Pencapaian |
|------|--|--|
| 1. | Kertas Kerja Sokongan Penutupan Akaun Tahun 2018 | Telah dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) |
| 2. | <i>Payment Run</i> | RM 10,892,240,600.00 (nilai keseluruhan) 1202 kali (bilangan keseluruhan) |
| 3. | Bayaran Emolumen | RM207.50 juta (nilai keseluruhan) 3883 pegawai (purata bulanan) |
| 4. | Semakan Baris Caj Perakaunan | 90,603 bilangan dokumen |

Pemantauan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Dan Pejabat Pemungut (PP)

Selaras dengan ketetapan Arahan Perbendaharaan 138 (b), iaitu bagi mengelakkan kehilangan kerana penipuan atau kecuai di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Pemungut (PP), aktiviti pemantauan PTJ dan PP bagi tahun 2018 yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Bil. | Jenis Akaun Bank | Pencapaian |
|------|--------------------------------------|-------------|
| 1. | Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) | 804 dokumen |
| 2. | Lawatan Naziran terimaan | 7 PP |
| 3. | Lawatan Naziran bayaran | 10 PTJ |

Latihan Dan Khidmat Perundingan Perakaunan Akruan

Khidmat perundingan dan latihan sistem iGFMS yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan khidmat nasihat mengenai prosedur / piawaian perakaunan / kewangan serta mengurus dan melaksanakan latihan berkaitan sistem perakaunan kewangan kerajaan iGFMS kepada Jabatan dan Agensi (PTJ) di bawah Kementerian.

Berikut merupakan senarai latihan iGFMS yang telah diadakan pada tahun 2018 bagi Bahagian Akaun, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia :

| Bil. | Bengkel / Seminar / Kursus | Lokasi | Tarikh |
|------|--|---|------------------------|
| 1. | Bengkel Penyelarasan Pengurusan dan Operasi Bahagian Akaun 2018 | Bilik Delima 1, Bahagian Akaun | 18 – 20 April 2018 |
| 2. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS (Zon Lembah Klang) Siri 1 | Bilik Latihan Bahagian Akaun | 25 – 26 April 2018 |
| 3. | Kursus Pengurusan Perubahan Bahagian Akaun Siri 1 | Bilik Delima 1, Bahagian Akaun | 15 Mei 2018 |
| 4. | Kursus Pemantapan Pengurusan Bahagian Akaun | Hotel Amverton, Ayer Keroh, Melaka | 20 – 22 Julai 2018 |
| 5. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS Modul <i>Account Payable</i> Zon Timur | JANM Kota Bharu, Kelantan | 14 – 15 Ogos 2018 |
| 6. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS (Zon Lembah Klang) Siri 2 | Bilik Latihan Bahagian Akaun | 29 – 30 Ogos 2018 |
| 7. | Kursus Pengurusan Perubahan Bahagian Akaun Siri 2 | Bilik Delima 1 Bahagian Akaun | 27 -28 Ogos 2018 |
| 8. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS <i>Account Payable</i> Zon Selatan | Hotel Millesime Iskandar Puteri, Johor | 18 – 20 September 2018 |
| 9. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS (Zon Lembah Klang) Siri 3 | Bilik Latihan Bahagian Akaun | 19 – 20 September 2018 |
| 10. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS <i>Account Payable</i> Zon Sabah dan Sarawak | Hotel TH Kota Kinabalu, Sabah | 25 – 27 September 2018 |
| 11. | <i>Roadmap to Accrual Accounting</i> dan Perjumpaan Bersama Ketua Akauntan | ILD UITM Nilai, Negeri Sembilan | 10 – 12 Oktober 2018 |
| 12. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS (Zon Lembah Klang) Siri 4 | Bilik Latihan Bahagian Akaun | 16 – 17 Oktober 2018 |
| 13. | Kursus <i>Refresher End User</i> iGFMAS <i>Account Payable</i> Zon Utara | Hotel TH, Pulau Pinang | 29 – 31 Oktober 2018 |
| 14. | Seminar Perakaunan Akruan Pengurusan Tertinggi dan Profesional Tahun 2018 | Hotel Sama Sama, Sepang | 13 November 2018 |

Prestasi bagi Khidmat Perundingan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

| Bil. | Aktiviti Khidmat Perundingan | Pencapaian |
|------|---|---|
| 1. | Permohonan capaian, kemaskini dan pembatalan iGFMAS | 310 bilangan permohonan telah diproses seperti perincian berikut: 1. Capaian baru : 45 permohonan 2. Kemas kini capaian : 238 permohonan 3. Pembatalan capaian: 27 permohonan |
| 2. | Khidmat nasihat berkaitan Sistem iGFMAS. | 726 bilangan <i>Incident</i> yang telah dikunci masuk ke dalam " <i>Solution Manager</i> " (SOLMAN) seperti perincian berikut: 1. <i>Authorization</i> - 317 2. Aplikasi - 302 3. Teknikal - 42 4. Kompetensi pengguna - 35 5. Lain-lain - 20 6. Pertanyaan - 9 |

Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.3 Tahun 2018 Bahagian Akaun KKMM bertanggungjawab memastikan Sistem Perakaunan Badan Berkanun di bawah KKMM mematuhi standard pelaksanaan standard Accounting System For Government Agencies (SAGA). Dua badan berkanun terlibat adalah:

1. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS)
2. Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

Sepanjang tahun 2018 juga, Bahagian Akaun telah melaksanakan 2 siri mesyuarat bagi pemantauan terhadap Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (Standard Accounting System For Government Agencies), mesyuarat SAGA ini adalah bertujuan sebagai medium untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit

berkaitan status pelaksanaan dan perancangan agensi di bawah Kementerian iaitu BERNAMA dan FINAS ke arah mendapatkan Sijil Pematuhan SAGA seperti berikut:

| Bilangan | Pengerusi | Tarikh |
|--------------------|---|-----------------|
| SAGA Bil 1/2018 | Pengerusi Ganti: YBhg. Dato' Samsuni bin Mohd Nor (Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan) | 2 Ogos 2018 |
| SAGA Bil 2/2018 | Pengerusi: YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor (Ketua Setiausaha Kementerian) | 1 November 2018 |

Seminar Perakaunan Akruan Pengurusan Tertinggi Dan Profesional @Sama-Sama Hotel Sepang

Seminar Perakaunan Akruan Pengurusan Tertinggi dan Profesional telah diadakan pada 13 November 2018 bertempat di Sama-Sama Hotel, Sepang, Selangor yang telah dihadiri oleh 92 peserta yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi dan Profesional di setiap bahagian, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan perkembangan baharu di dalam bidang perakaunan terutamanya dalam sektor awam.



Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2018

Bahagian Akaun telah mengadakan Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2018 pada 12 November 2018 dan kesemua 13 PTJ di sekitar Lembah Klang telah hadir ke sesi taklimat tersebut. Taklimat ini bertujuan memberi panduan kepada semua PTJ berhubung tarikh-tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan menggunakan sistem iGFMAS selaras dengan SPANM Bil.8/2018-Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun 2018.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Unit Pengurusan Acara dan Inovasi bertanggungjawab bagi pelaksanaan acara-acara rasmi Kementerian serta membantu menjayakan pelaksanaan program dan acara termasuk Jabatan dan Agensi.

Berikut adalah antara program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018:

| Bil. | Majlis / Program | Penganjuran Bersama | Tarikh |
|------|---|---------------------|--|
| 1. | Pelancaran Malaysia <i>Cyber Games</i> 2018 | KKMM | 8 Januari 2018 |
| 2. | Program Fiesta NBOS i) Paloh, Kluang Johor ii) Segamat, Johor iii) Sarikei, Sarawak iv) Bentong, Pahang | MOF | 11 Februari 2018 16 - 8 Mac 2018 13 - 14 April 2018 15 April 2018 |
| 3. | PROGRAM "Connecting The Unconnected" (CTU) i) Kampar ii) Bachok, Kelantan | KKMM | 30 Mac – 2 April 2018 4 - 6 April 2018 |

| Bil | Majlis / Program | Penganjuran Bersama | Tarikh |
|-----|--|------------------------|--------------------------------------|
| | iii) Kota Belud, Sabah iv) Pasir Puteh, Kelantan | | 11-15 April 2018 19-23 April 2018 |
| 4. | Program Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) i) MINDA @ Terengganu ii) MINDA @ Kedah | KKMM | 04-07 April 2018 20-22 April 2018 |
| 5. | Hello KKMM | KKMM | 30 April 2018 |
| 6. | Majlis Berbuka Puasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | KKMM | 8 Jun 2018 |
| 7. | Majlis Amanat dan Ramah Mesra YB Menteri Bersama Warga KKMM Tahun 2018 | KKMM | 28 Jun 2018 |
| 8. | Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di Padang Kota Lama | Pulau Pinang / KKMM | 04 Ogos 2018 |
| 9. | Forum Perdana Ehwat Islam Khas Merdeka 2018 di Masjid Putra, Putrajaya | Bank Islam / KKMM | 30 Ogos 2018 |
| 10. | Program Konsert Kemerdekaan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2018 | KKMM | 1-2 September 2018 |
| 11. | Program Bacaan Yassin di Masjid Wilayah | JAKIM | 06 September 2018 |
| 12. | Perarakan Sempena Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1440H/2018 di Masjid Wilayah Persekutuan | JAKIM | 10 September 2018 |
| 13. | Program Sambutan Hari Malaysia 2018 | SUK Sabah / JPM / KKMM | 16 September 2018 |
| 14. | Hari Sukan Negara | KBS / KKMM | 13 Oktober 2018 |
| 15. | Perarakan Sempena Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan Tahun 1440H/2018M di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | JAKIM | 20 November 2018 |
| 16. | Program Pengukuhan Jaringan Strategik Merdeka | KKMM | 28 November 2018 |


Pusat Sumber

Perkhidmatan

Pada tahun 2018, pengunjung Pusat Sumber adalah seramai 1,212 orang. Keahlian baharu yang direkodkan adalah seramai 83 orang dengan peningkatan jumlah kumulatif ahli seramai 3,641 orang. Bagi urusan peminjaman pula, seramai 590 orang warga KKMM telah meminjam bahan bacaan sebanyak 2,964 judul manakala bilangan penggunaan Internet dan pangkalan data amat memberansangkan dengan pencapaian 18,998 hits.

Rajah 1: Carta Penggunaan Internet dan Pangkalan Data Pusat Sumber menunjukkan statistik penggunaan Internet (48), *WebOpac* (2,086), *WebInfoline* (1,853), Lawnet (69), BLIS (9,487). Secara keseluruhan, penggunaan perkhidmatan dalam talian yang boleh dilayari melalui portal Pusat Sumber iaitu <http://pusatsumber.kkmm.gov.my> telah merekodkan penggunaan sebanyak 6,350 sesi lawatan dan 14,107 halaman (*page views*) telah dikunjungi oleh pengguna.

CARTA PENGGUNAAN INTERNET DAN PANGKALAN DATA PUSAT SUMBER



Pendokumentasian

Sebanyak 219 naskah buku telah diperolehi oleh Pusat Sumber sepanjang tahun melalui hadiah menjadikan koleksi kumulatif berjumlah 58,054 judul (58,266 naskah). Sebanyak 6,291 bahan bacaan pula telah diproses meliputi buku, suratkhobar dan majalah seperti di Jadual 1. Sebanyak 219 buku, 588 artikel majalah dan 1,623 artikel akhbar telah didokumenkan dan boleh diakses melalui pangkalan data WebOpac dan WebInfoline.

PENERIMAAN KOLEKSI SEPANJANG JAN-DIS 2018

| Bil. | Jenis bahan | Jumlah penerimaan (Jan-Dis 2018) |
|---------------------------|---------------------|----------------------------------|
| 1. | Buku | 219 |
| 2. | Suratkhabar | 5,523 |
| 3. | Majalah | 371 |
| | Koleksi Kementerian | 178 |
| Jumlah Keseluruhan | | 6,291 |

Pendigitalan

Aktiviti pendigitalan sentiasa dijalankan sebagai satu usaha untuk menyediakan akses dengan lebih mudah dan cepat untuk rujukan secara digital seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Koleksi yang diberi keutamaan dalam proses pendigitalan adalah koleksi khas Kementerian. Sepanjang tahun 2018 sebanyak 51 judul bahan (7,965 muka surat) telah didigitalkan.

Aktiviti Galakan Membaca

Aktiviti Galakan Membaca yang diadakan adalah memfokus kepada menggalakkan budaya membaca khususnya dalam kalangan warga KKMM.

- **Program Book To You (Book2U)**

Perkhidmatan Book2U mendekatkan warga KKMM kepada peminjaman buku secara meja ke meja. Bertujuan untuk mempromosikan koleksi terkini bahan bacaan fizikal dan digital. Program ini telah diadakan pada 23 Februari 2018 di Aras 24, Kompleks KKMM (Unit Audit Dalam, Pejabat Penasihat Undang-undang dan PUSPAL) dan pada 26 Julai 2018 di Lobi KKMM.

- **Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2018**

Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Sambutan Hari Buku Sedunia pada 23 April setiap tahun adalah bagi meraikan sambutan hari buku dan pembacaan di seluruh dunia anjuran oleh *United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Hari tersebut disambut oleh lebih 100 negara di seluruh dunia. Tidak ketinggalan Pusat Sumber KKMM juga mengadakan program ini pada 24 April 2018 dengan mengadakan pelbagai aktiviti seperti Jom Baca Bersama 10 minit secara serentak bermula jam 11.00 - 11.10 pagi, Bicara

Buku "Kedaulatan Raja-raja Melayu: Jurispruden, Governan dan Prinsip Perlembagaan Persekutuan oleh Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Hussain serta Pertandingan Ulasan Buku yang telah diadakan bermula 18 April hingga 2 Mei 2018. Program ini telah melibatkan seramai 76 penyertaan daripada warga KKMM.

- **Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2018**

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur kali ke 37 telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 27 April hingga 6 Mei 2018 dengan tema "Lakaran Karya Merentas Peradaban Bangsa". Sempena dengan pesta buku tersebut, Pusat Sumber KKMM telah menganjurkan lawatan pada 3 Mei 2018 bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dan penyelidikan di kalangan warga KKMM serta memberi peluang kepada warga KKMM untuk mencadangkan buku-buku terbaharu dan mendapatkan buku-buku terkini di samping menyokong industri penerbitan dan perbukuan tempatan. Seramai 27 orang peserta dari pelbagai bahagian dan unit KKMM telah menyertai lawatan ini.

- **Program Sempena Sambutan Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan 2018 KKMM**

Program ini telah dilaksanakan pada 26 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, Aras B1 dengan kerjasama Pusat Sumber dan Fotografi Jabatan Penerangan Malaysia dan Karang kraf Media. Seramai 229 orang peserta dari pelbagai unit, bahagian dan jabatan sekitar telah menghadiri program dua hari ini. Antara pengisian program ini termasuklah:

- (a) Bicara Buku oleh YBhg. Dr. HM Tuah Iskandar Al-Haj pada 25 Oktober 2018
- (b) Sesi Bersama Penulis Novel *Thriller* : Saudara Ramle Awang Murshid pada 26 Oktober 2018
- (c) Pameran Sejarah Bahasa Melayu (dengan kerjasama PNM) bermula pada 23-31 Oktober 2018
- (d) Jualan buku oleh Penerbit Karang kraf pada 25 dan 26 Oktober 2018.

- **Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)**

Pusat Sumber KKMM telah mengambil inisiatif untuk menjadi ahli pinjaman kelompok Perpustakaan Negara Malaysia

bermula pada bulan Jun 2016. Sebanyak 221 bahan telah dipinjam dari Unit Pinjaman Kelompok, PNM bagi tempoh April hingga Julai 2018. Pusat Sumber menggunakan perkhidmatan ini dengan tujuan untuk menambahkan koleksi bahan pinjaman dan kepelbagaian bahan bacaan kepada warga KKMM serta menarik minat mereka mengunjungi Pusat Sumber.

- **Program Literasi Media dan Maklumat (LMM)**

Pada 29 Mei 2018, satu Bengkel *Training of Trainers (TOT)* Literasi Media dan Maklumat berkaitan *BERNAMA Library & Infolink Service (BLIS)* telah diadakan bagi pemantapan pengetahuan dan pengalaman dalam perkhidmatan perpustakaan. Seramai 32 orang peserta telah menyertai bengkel ini termasuk kakitangan pusat sumber/perpustakaan jabatan dan agensi KKMM serta perpustakaan sekitar Presint 4, Putrajaya.

- **Promosi Perkhidmatan**

Sebanyak 10 hebahan maklumat dan aktiviti berkaitan pameran dan koleksi pilihan terkini dimuatnaik dalam portal kementerian dan pusat sumber.

- **Pameran**

Pada tahun 2018, sebanyak tiga (3) pameran bertema telah dilaksanakan iaitu:-

- (a) Pameran Pilihanraya pada 9 April – 8 Mei 2018
- (b) Pameran Tokoh Pejuang Kemerdekaan pada 21 Ogos hingga 20 September 2018
- (c) Pameran sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia pada 18 Disember 2018 hingga 11 Januari 2019

Unit Pengurusan Rekod

Pelaksanaan *Digital Document Management System (DDMS)*

Unit Pengurusan Rekod bertanggungjawab untuk memastikan program pengurusan rekod melalui DDMS dilaksanakan secara teratur, menyeluruh dan berkesan. Maklumat penggunaan DDMS bagi tahun 2018 di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) adalah seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH |
|--------------------|---------|
| Pengguna Aktif | 596 |
| Rekod Yang Ditawan | 13, 507 |

Latihan Dan Kursus Pengurusan Rekod

- Bengkel Pelupusan Rekod (25 – 26 April 2018)**
 Bengkel ini diadakan bagi memberi kefahaman yang lebih jelas dan mendalam berkaitan kaedah dan tatacara pelupusan rekod kepada semua Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) di Kementerian ini. Bengkel ini juga antara lain diharap mampu untuk mengaktifkan lagi aktiviti pelupusan rekod di Kementerian sekali gus dapat membantu menyelesaikan masalah timbunan rekod tidak aktif di KKMM. Bengkel ini disertai oleh seramai 40 orang PRJ dan PTRJ dari pelbagai Bahagian dan Unit di Kementerian.
- Kursus Pengurusan Rekod (17 – 18 Oktober 2018)**
 Kursus ini diadakan bagi meningkatkan kompetensi PRJ dan PTRJ dalam melaksanakan tugas-tugas pengurusan rekod di Bahagian dan Unit masing-masing. Program Lawatan ke Arkib

Negara turut dimasukkan sebagai penanda aras sebahagian daripada modul kursus ini bagi tujuan pendedahan berkaitan amalan terbaik pengurusan rekod dan penggunaan *Digital Document Management System (DDMS)* di Registri Arkib Negara, kaedah pemuliharaan bagi dokumen-dokumen yang telah rosak melalui proses pengawetan dan penjilidan serta mempelajari prosedur dan kaedah penyelidikan di Arkib Negara.

Pemantauan Pelupusan Rekod Kementerian

Unit Pengurusan Rekod juga bertanggungjawab memantau pelaksanaan pelupusan rekod kementerian.

| PERKARA | JUMLAH |
|---|----------------------|
| Pelupusan Rekod Urusan Am | 10.135 meter panjang |
| Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan | 16.712 meter panjang |
| Pemindahan Rekod Awam ke Arkib | 48 unit rekod |

Pusat Sumber

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)

Pada tahun 2018, pengunjung Pusat Sumber adalah seramai 1,212 orang. Keahlian baharu yang direkodkan adalah seramai 83 orang dengan peningkatan jumlah kumulatif ahli seramai 3,641 orang. Bagi urusan peminjaman pula, seramai 590 orang warga KKMM telah meminjam bahan bacaan sebanyak 2,964 judul. Manakala bilangan penggunaan Internet dan pangkalan data amat memberansangkan dengan pencapaian 18,998 hits.

TAKWIM MESYUARAT JKPAK TAHUN 2018

| Bil. | Mesyuarat | Tarikh | Tempat |
|------|--|-----------------|--------------------------|
| 1. | Suku Tahun Pertama (Januari – Mac 2018) | 26 April 2018 | Kompleks KKMM, Putrajaya |
| 2. | Suku Tahun Kedua (April – Jun 2018) | 26 Julai 2018 | Kompleks KKMM, Putrajaya |
| 3. | Suku Tahun Ketiga (Julai – September 2018) | 25 Oktober 2018 | Kompleks KKMM, Putrajaya |
| 4. | Suku Tahun Keempat (Oktober – Disember 2018) | 31 Januari 2019 | Kompleks KKMM, Putrajaya |

Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan

Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan kepada Perbendaharaan dikemukakan sebelum 15 Mac setiap tahun bagi melaporkan perkara seperti berikut:

- **Pengurusan Aset**

Laporan Tahunan Harta Modal dan Aset /Laporan Pemeriksaan Aset/ Laporan Tahunan Pelupusan/Laporan Kehilangan dan Hapus kira aset keseluruhan Kementerian.

- **Pengurusan Stor**

Laporan Kedudukan Stok Tahunan/Laporan Pemeriksaan Aset/Verifikasi Stok/Laporan Tahunan Pelupusan Stok/ Laporan Tahunan Kehilangan dan Hapuskira Stok keseluruhan Kementerian.

Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan telah diadakan pada 3 hingga 5 Julai 2018 di Kompleks KKMM, Putrajaya yang melibatkan seramai 70 Pegawai Aset dari bahagian, jabatan dan agensi di bawah KKMM. Tujuan pelaksanaan kursus ini adalah bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai berikutan pelaksanaan penambahbaikan dan pindaan ke atas 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) di bawah bidang pengurusan aset yang meliputi aset alih dan stor kerajaan yang telah berkuat kuasa pada 23 April 2018.

Pemeriksaan Aset Tahunan

- Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan bagi KKMM dan Jabatan/ Agensi di bawahnya telah diadakan pada 22 Oktober hingga 30 November 2018 selaras dengan ketetapan 1PP/Tatacara Pengurusan Aset Aset Alih Kerajaan – AM 2.1, Bab Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan yang menggariskan pemeriksaan aset alih kerajaan perlulah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Pemeriksaan bertujuan untuk mengetahui keadaan dan prestasi aset, memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap, tepat dan kemas kini serta memastikan setiap aset berada di lokasi yang sama seperti yang tercatat dalam daftar.

- Pemeriksaan oleh Pegawai Pemeriksa yang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun telah dilaksanakan secara silang di antara Bahagian-Bahagian di kementerian melibatkan seramai 52 orang Pegawai Pemeriksa. Laporan pemeriksaan dikemukakan kepada UPA untuk diselaraskan dan dibentangkan menerusi Mesyuarat JKPAK KKMM.

Pemeriksaan Stok Dan Verifikasi Stok

- Pengurusan Stor Utama di KKMM telah dilaksanakan selaras dengan 1PP -Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS)/ AM 6.1 bagi memastikan stok sentiasa ada apabila dikehendaki dan menepati kehendak pelanggan dan kualiti stok sentiasa terjamin dengan cara memberi perlindungan, penjagaan dan penyelenggaraan yang sewajarnya semasa dalam simpanan.
- Verifikasi Stok di Stor Utama KKMM telah dilaksanakan pada 12 hingga 28 Disember 2018 oleh dua (2) orang Pemverifikasi Stok yang dilantik daripada pegawai di kementerian.
- Penyelarasan laporan-laporan Pengurusan Stor dilaksanakan oleh UPA bagi Jabatan dan Agensi di bawah KKMM untuk dibentangkan menerusi mesyuarat JKPAK dan dilaporkan di dalam Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Alih Kerajaan kepada Kementerian Kewangan.

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Peneraju Program ICT

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KKMM berperanan sebagai peneraju program ICT Kementerian dan Jabatan/Agensi. Hala Tuju Strategik ICT KKMM adalah seperti berikut:

➤ Hala Tuju Strategik ICT KKMM



Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Pengurusan Maklumat

Sokongan Teknikal ICT

BPM bertanggungjawab menyediakan peralatan dan perkhidmatan meja bantuan ICT kepada warga KKMM serta khidmat sokongan teknikal ICT bagi program-program anjuran KKMM dan Pusat Media Pilihan Raya.

Kemudahan yang disediakan adalah merangkumi komputer peribadi, komputer riba, pencetak, talian Internet, talian telefon dan talian faks. Pada tahun 2018, BPM telah menyediakan khidmat sokongan teknikal pada pusat media bagi pilihan raya dan program-program anjuran KKMM seperti berikut:

| Pusat Media Pilihan Raya | Program-program KKMM |
|--|---|
| 1) Pilihan Raya Umum Ke-14 | 1) Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia 2018 |
| 1) Pilihan Raya Kecil N.32 Seri Setia | 2) Sayangi Malaysiaku |
| 3) Pilihan Raya Kecil N.27 Balakong | 3) Hari Malaysia |
| 4) Pilihan Raya Kecil P.132 Port Dickson | 4) Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang |
| 5) Pilihan Raya Kecil N.49 Sungai Kandis | |

Rangkaian Dan Pengurusan E-Mel

Perkhidmatan rangkaian Kompleks KKMM disokong melalui dua infrastruktur utama iaitu:

- (a) *Putrajaya Campus Network (PCN)*
- (b) Perkhidmatan Internet jalur lebar dan Wifi (KKMM-Guest) berkapasiti 400Mbps

BPM juga bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus perkhidmatan e-mel KKMM, Jabatan dan Agensi menggunakan perkhidmatan bersepadu MyGovUC. Secara purata perkhidmatan e-mel ini digunakan seramai 726 kakitangan KKMM pada tahun 2018.



➤ Pengguna Aktif Bagi Suku Pertama Tahun 2018



➤ Pelan Baru MyGovUC


Keselamatan Siber Dan Perkhidmatan Pusat Data

Persekitaran siber yang selamat dan rendah risiko insiden disediakan bagi memastikan perkhidmatan ICT kegunaan warga KKMM adalah diyakini dan dipercayai berdasarkan amalan terbaik dan garis panduan pada Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) dan Polisi Keselamatan ICT KKMM. Tiada insiden berkategori 'Major' berlaku di KKMM sepanjang tahun 2018.

Perkhidmatan Pusat Data KKMM juga diurus dan dipantau bagi memastikan ketersediaan operasi yang optimum serta meminimumkan gangguan ke atas perkhidmatan Rangkaian, Portal dan Sistem Aplikasi di KKMM. Pada tahun 2018, ketersediaan operasi Pusat Data KKMM adalah 99.53%.

PRESTASI OPERASI PUSAT DATA KKMM 2018

| | | | | | |
|-----------------------------|----------------------|-------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| Downtime 1d17h36m | Outages 56 | Uptime 99.53% | Max resp. time 1.35s | Min resp. time 256ms | Avg resp. time 546ms |
|-----------------------------|----------------------|-------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|



Pembangunan Dan Penyelenggaraan Sistem Aplikasi

Sistem aplikasi baharu dibangunkan mengikut keperluan kementerian selain menyelenggara dan memantapkan sistem aplikasi sedia ada. Pencapaian bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

| Nama Sistem | Aktiviti | Pemilik |
|--|---|-------------------------------|
| Sistem Pengurusan Kelulusan ke Luar Negara | Pembangunan Sistem Baharu | Bahagian Kewangan |
| Sistem e-PUSPAL v 4.0 | Penaiktarafan | Unit JK-PUSPAL |
| Sistem Airtime Revenue Management System (ARMS) | Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal | Cawangan Perdagangan |
| Sistem Integrated Library Management Utility (ILMU) | | Pusat Sumber |
| Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu (SPKB) | | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| Pengurusan Maklumat Bersepadu dan Pengurusan Media Sosial | | Bahagian Komunikasi Strategik |
| Integrated Strategic Intelligence and Transformative System (INSIGHTS) | | Bahagian Teknologi Komunikasi |

Sepanjang 2018 sebanyak 21 sistem aplikasi telah diselenggara dan ditambah baik.




Pengurusan Portal


Portal Rasmi KKMM merupakan saluran utama untuk menyampaikan maklumat perkhidmatan dan program terkini KKMM kepada rakyat.

Sepanjang tahun 2018, seramai 263,854 orang pengunjung telah melayari Portal Rasmi KKMM manakala sebanyak 1004 pengemaskinian kandungan telah dilaksanakan sepanjang tahun ini.

BILANGAN PENGUNJUNG PORTAL



JUMLAH PENGEMASKINIAN




Sokongan Aplikasi EG

Pentadbir sistem dan menyediakan khidmat sokongan teknikal bagi aplikasi EG seperti:

- i) Sistem Pengurusan Aset (SPA)
- ii) *Digital Document Management System 2.0 (DDMS)*
- iii) MyMesyuarat 2.0
- iv) Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT)
- v) Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)
- vi) Sistem Pemantauan Projek (SPPII)

Latihan ICT

Sebanyak lapan (8) latihan ICT bagi personel IT kementerian dan jabatan/agensi di bawahnya melibatkan seramai 150 penyertaan. Butiran latihan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:



Pelancaran Portal Baharu KKMM

Portal Rasmi KKMM versi baharu telah dibuka capaiannya melalui URL www.kkmm.gov.my pada 2 April 2018. Portal baharu ini dibangunkan bagi menggantikan portal lama yang digunakan sejak tahun 2009. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah:

- i) Mewujudkan Laman Anjung (*Landing Page*) sebagai *Welcome Screen*
- ii) *Highlight* perkhidmatan, program, teras dan inisiatif utama KKMM.
- iii) Menggunakan konsep *Mega Menu* bagi memudahkan pencarian maklumat.
- iv) Mewujudkan slot "Program Semasa" yang memaparkan gambar aktiviti dan informasi program.
- v) Mewujudkan Kalendar Aktiviti/Program.
- vi) Pautan kepada *Facebook* dan *Twitter* KKMM.

Laman Anjung



➤ Muka Portal Baharu KKMM

Laman Utama



Audit Pematuhan Pensijilan Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013

KKMM berjaya mengekalkan pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 bagi skop "Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Ke Atas Perkhidmatan Portal Rasmi dan Sistem ePUSPAL bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia" melalui Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*) Tahun Pertama SIRIM yang telah dilaksanakan pada 15 dan 16 Oktober 2018.

Program Hackathon Data Terbuka 2018



Program *Hackathon* Data Terbuka 2018 yang diadakan pada 18 hingga 24 September 2018 secara dalam talian telah diwakili oleh 4 orang pegawai daripada BPM, BPK, MDEC dan FINAS. Pasukan KKMM dikenali sebagai D'DigiKom telah membangunkan *dashboard* yang memaparkan ekonomi digital bagi membantu menggerak ekonomi komuniti OKU menerusi PIM. *Dashboard* ini juga memaparkan informasi kemudahan komuniti digital seluruh Malaysia yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat, taburan OKU dan trend perniagaan dalam talian melalui kemudahan komuniti digital kerajaan.





Program Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2018

Program Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2018 yang diadakan secara berterusan selama 24 jam pada 9 hingga 10 Oktober 2018 di Dewan Auditorium Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) diwakili oleh 4 orang pegawai BPM. Pasukan BPM dikenali sebagai F3 telah membangunkan aplikasi mudah alih ezPembekal. Ia merupakan satu inovasi baharu Sistem ePembekal dalam versi aplikasi mobil bagi mempelbagaikan saluran perkhidmatan kepada rakyat. Pemohon boleh menyemak status permohonan pendaftaran pembekal rancangan tv, statistik permohonan dan sijil permohonan dengan pantas, cepat dan di mana-mana jua menerusi platform mudah alih ini.



Hari ICT KKMM Bersama Jabatan/Agensi 2018

Hari ICT KKMM bersama jabatan/agensi 2018 telah diadakan pada 28 November 2018 bertempat di Dewan Aras B1, Kompleks KKMM, Putrajaya. Program ini dianjurkan oleh BPM, KKMM dengan kerjasama jabatan/agensi di bawah kementerian seperti JAPEN, RTM, JPDP, IPPTAR, BERNAMA, FINAS, SKMM, MDEC, MYNIC dan CyberSecurity. Tema bagi program ialah ialah 'Digital Lifestyle'. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. KSU. Program ini turut disertai oleh YBrs. Encik Tan Chuan Ou, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBhg. Dato' Samsuni Mohd Nor, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), serta pegawai-pegawai kementerian, jabatan/agensi.



Bersempena dengan program ini pelbagai aktiviti menarik telah diatur, iaitu ceramah ICT, pameran dan cabutan bertuah. Ceramah ICT telah disampaikan oleh wakil-wakil dari SKMM, MDEC, CyberSecurity Malaysia, Microsoft, IBM, Trend Micro. Pameran pula telah disertai oleh RTM, IPPTAR, BERNAMA, SKMM, MDEC, MYNIC, CyberSecurity, Trend Micro dan Microsoft.









KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 03-8000 8000 | E-mel: webmaster@kkmm.gov.my

www.kkmm.gov.my

 www.facebook.com/kementeriankomunikasidanmultimedia

 www.twitter.com/kkmm_gov

 www.instagram.com/explore/tags/kkmm

